



Laporan Tahunan
Universiti Sains Malaysia



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

Insaniversiti: Transformasi Menginsan Universiti 2011

Rasional kulit buku

***Insaniversiti: Transformasi
Menginsan Universiti***

Universiti Sains Malaysia akan memperkasakan konsep Insaniversiti dalam program pengajiannya bagi memupuk **sifat kemanusiaan, kekeluargaan, persahabatan dan kasih sayang** di kalangan kakitangan dan pelajarannya.

USM sebagai institusi pengajian tinggi bertaraf APEX perlu berperanan supaya sahsiah yang baik dan nilai murni dapat diterapkan ke dalam peribadi warga akademik.

KANDUNGAN

Visi	2	Penaung Diraja Universiti APEX	5	Laporan Naib Canselor	17	Laporan Kewangan	113	
Misi	2		Canselor	6	Kampus Kesihatan	21	Statistik Kewangan	116
Sejarah	3		Pro Canselor USM	7	Kampus Kejuruteraan	27	Penyata Kewangan	123
		Ahli Lembaga Gabenor Universiti	9	Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa	33	Perangkaan USM	177	
		Jawatankuasa Audit Universiti	10	Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar	39	Sidang Editor	180	
		Pengurusan Tertinggi USM	11	Penyelidikan dan Inovasi	49			
		Organogram Pengurusan Universiti	12	Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat	59			
		Ketua Pusat Tanggungjawab	14	Jabatan Pendaftar	69			
				Jabatan Bendahari	79			
				Perpustakaan	85			
				Jabatan Pembangunan	91			
				Pusat Sejahtera	99			

The background of the slide features a large, light gray watermark of the USM logo. The logo consists of two tigers flanking a central shield. The shield contains an open book and a crescent moon with a star. Below the shield is a banner with the text 'KAMI MEMIMPIN'.

Visi

Mentransformasikan Pengajian Tinggi
untuk Kelestarian Hari Esok

Misi

USM merupakan universiti perintis, intensif penyelidikan
rentas bidang yang memperkasakan bakat masa depan dan
mengupayakan golongan terke bawah demi mentransformasi
kesejahteraan sosioekonomi mereka



SEJARAH USM

Penubuhan Universiti Sains Malaysia (USM) bermula pada tahun 1962 apabila resolusi yang mencadangkan agar sebuah kolej universiti ditubuhkan di Pulau Pinang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, sebidang tanah di Sungai Ara telah diperuntukkan untuk merealisasikan cadangan tersebut.

Pada 7 Ogos 1967, Perdana Menteri Malaysia Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah merasmikan Perletakan Batu Asas untuk penubuhan Universiti ini di satu tapak seluas 600 ekar di Sg. Ara, Pulau Pinang.

Pada 4 Oktober 1971, Universiti Pulau Pinang ditubuhkan dengan secara rasminya. Penubuhan Universiti ini diluluskan melalui Perintah Perbadanan yang ditandatangani oleh Menteri Pelajaran ketika itu, Hussein Onn. Pada tahun tersebut juga, USM berpindah ke Minden. Selaras dengan penubuhan Universiti Pulau Pinang, Profesor Hamzah Sendut dilantik secara rasmi sebagai Naib Canselor pertama bagi menerajui Universiti Pulau Pinang.

Pada 22 April 1972, Parlimen Malaysia bersetuju Universiti Pulau Pinang ditukar nama kepada Universiti Sains Malaysia (USM). USM kini adalah dibawah kepimpinan Prof. Dato' Omar Osman, Naib Canselor keenam bagi Universiti ini.

Pada Ogos 1983, Kampus Kesihatan USM di Kubang Kerian, Kelantan mula dibuka untuk menempatkan pelajar perubatan Pusat Pengajian Sains Perubatan. Kampus Kejuruteraan yang pada asalnya bermula di Ipoh, Perak pada tahun 1986, berpindah ke Seri Iskandar, Tronoh, Perak pada 1989, dan kemudiannya ke Nibong Tebal, Pulau Pinang pada 2001.

Bermula dengan pengambilan pertama seramai 57 orang pelajar bidang sains pada bulan Jun 1969, USM terus membangun dengan pesatnya. Sejak awal penubuhannya, USM

mengamalkan sistem pusat pengajian yang berbeza dengan sistem fakulti. Sistem pusat pengajian adalah unik kerana ia membolehkan setiap pusat pengajian memberi fokus kepada keperluan bidang pengajian tertentu, di samping memberi peluang pelajar meneroka kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain.

Konsep ini berpegang kepada falsafah pengajian tinggi yang bersifat interdisiplin bagi menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran di dalam berbagai bidang. Sehingga kini, USM mempunyai 27 Pusat Pengajian yang menawarkan pelbagai kursus pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah dan telah melahirkan lebih daripada 120,000 graduan.

Sejak penubuhannya, USM telah mencapai pelbagai kejayaan. Pada 29 Jun 2005, USM diiktiraf sebagai salah satu daripada tujuh buah Pusat Pendidikan Serantau untuk Pendidikan bagi Pembangunan Lestari (EfSD) di dunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. USM diiktiraf sebagai 'Universiti Berintensifkan Penyelidikan' pada 11 Oktober 2006.

Pada 3 September 2008, USM telah diamanahkan untuk menjayakan program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Program ini yang bertemakan kelestarian dipilih berdasarkan buku cadangan yang bertajuk "Transformasi Pengajian Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok" yang dikemukakan kepada panel pemilih Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk program tersebut. Pada 12 Mei 2009, *The Malaysian Books of Records* telah mengiktiraf USM sebagai universiti pertama berstatus APEX.

Pada 17 September 2010, seramai 43 orang pelajar Perubatan memulakan program pengajian mereka di Belgaum, India, sekaligus menjadikan USM sebagai Universiti pertama di Malaysia yang menawarkan Pengajian Perubatan di luar negara berteraskan kepada silibus pengajian tempatan.

USM juga adalah Universiti pertama yang memperkenalkan Dewan Perundingan Pelajar (DPP) yang mula bersidang pada 23 Oktober 2010. DPP adalah manifestasi kepada parlimen mahasiswa sebagai medan untuk para pelajar memberi, menerima, memilih usul, berdebat dan berbahas secara sihat serta membuat keputusan secara mandiri tanpa campur tangan Universiti mahupun pihak lain.

USM turut menerajui penyelidikan arkeologi negara khususnya dengan penemuan Kompleks Kebudayaan Paleolitik di Bukit Bunuh, Lenggong, Perak yang diumumkan pada 13 Februari 2011. Tapak arkeologi berusia 1.83 juta tahun ini adalah hasil penemuan dan penyelidikan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM dan dijangka diwartakan sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO) pada Julai 2012.



Pada tahun 2011 juga, USM menjadi universiti awam pertama yang memperkenalkan kaedah pengundian bagi pemilihan Profesor sebagai ahli Senat. Melalui kaedah baru ini, 41 ahli Senat turut dipilih daripada kalangan profesor bagi mengimbangi jumlah ahli Senat yang majoritinya terdiri daripada ketua-ketua jabatan.

Kemuncak kejayaan itu semua termaktub pada Julai 2011, apabila Perlembagaan baru USM diwartakan dengan tarikh kuatkuasa pada 1 Februari 2009. Antara intipati Perlembagaan baru tersebut ialah memberi kuasa autonomi pentadbiran dalam pelbagai bidang termasuk menentukan tangga gaji staf serta pemilihan staf akademik dan pelajar.



**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

D.K.M., D.K.T., D.K.R., D.M.N., S.U.M.Z., S.S.M.T., S.P.M.T., D.K. (PERLIS),
D.K. (JOHOR), D.K.M.B. (BRUNEI), D.K. (PERAK), D.K. (NEGERI SEMBILAN),
D.K. (KEDAH), D.K. (KELANTAN), D.K. (SELANGOR),
S.P.M.J., COMMANDEUR DE LA LEGION DE HONNEUR (FRANCE)



CANSELOR




D.Y.M.M. TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI AL-MARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL

D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (PERAK), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (KEDAH),
D.K. (KELANTAN), D.K.M.B. (BRUNEI), D.K. (SELANGOR), D.K. (PAHANG), D.K. (TERENGGANU),
S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., GRAND ORDER OF KING TOMISLAV (CROATIA),
GRAND COLLIER DE L'INDEPENDENCE (GRAND MEDAL OF THE INDEPENDENCE) - CAMBODIA,
GRAND CROIX DE CORDINE (ITALY), DECORATION OF OMayAD - THE FINEST DECORATION (SYRIA),
KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF THE SERAPHIM (SWEDEN),
GRAND CORDON OF THE ORDER OF THE SACRED TREASURE (JAPAN)



TAN SRI RAZALI ISMAIL

P.S.M., D.S.D.K., J.S.M., B.A.(HONS), HON. LL.D. (U.K.M.),
HON. LL.D. (U.S.M.)



TAN SRI DATO' DR. JEGATHESAN MANIKAVASAGAM

P.S.M., P.J.N, D.P.M.P., MBBS (S'pore), D.T.M.H. (B'kok),
D.C.P. (Lon), D.Path. (Eng), FRCPATH, FRCPA, FAMM, FASc.



run
for
peace
creating a culture of peace



STOP SHOKIN ALKILU

GRASI BEAS...
CANCER

USA
KFC
MILISENTER
BUAY

UITM

AHLI LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI



Pengerusi Ahli Lembaga Gabenor
PROFESOR EMERITUS DATO' DR. M. ZAWAWI ISMAIL

D.P.S.K., K.M.N., B.Sc., Ph.D. (Leeds), Hon.D.Eng. (Leeds),
Hon.PhD. (U.K.M.), Hon.D.Eng. (O.U.M.),
FASc.FIPM, MIEM, PEng.



Naib Canselor

2. PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK
(sehingga 28 September 2011)

PROFESOR DATO' OMAR OSMAN
(mulai 29 September 2011)

2 Orang Wakil Kerajaan

3. DATO' PROFESOR DR. RUJHAN MUSTAFFA

4. ENCIK MOHD ESA ABD MANAF



Mewakili Masyarakat Tempatan

5. DATO' JAMALUDIN HASAN

Lantikan Menteri Pengajian Tinggi

6. TAN SRI DATUK MUSTAFA MANSUR

7. DATUK ABDULLAH ABDUL WAHAB



2 Orang Wakil Universiti

8. DATUK OMAR SHAWKATALY

9. PROFESOR DATO' ROSIHAN M. ALI

Setiausaha Ahli Lembaga Gabenor Universiti

10. PUAN JAMAHYAH BASIRON



JAWATANKUASA AUDIT UNIVERSITI



- 1 **Pengerusi**
Y.BHG. TAN SRI DATUK MUSTAFA MANSUR
- 2 **Ahli**
Y.BHG. DATUK ABDULLAH ABDUL WAHAB
- 3 **Ahli**
Y.BHG. DATO' PROFESOR DR. RUJHAN MUSTAFA
- 4 **Setiausaha**
TUAN HAJI MD. SALLEH MALIM MERICAN



PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



1 **Naib Canselor**

PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK

(sehingga 28 September 2011)

PROFESOR DATO' OMAR OSMAN

(mulai 29 September 2011)

2 **Timbalan Naib Canselor**

(Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

PROFESOR AHMAD SHUKRI MUSTAPA KAMAL

3 **Timbalan Naib Canselor**

(Bahagian Penyelidikan dan Inovasi)

PROFESOR ASMA ISMAIL

4 **Timbalan Naib Canselor**

(Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar)

PROFESOR DATO' OMAR OSMAN

(sehingga 28 September 2011)

5 **Timbalan Naib Canselor**

(Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat)

PROFESOR DATO' SEE CHING MEY

(mulai 1 Februari 2011)

6 **Pengarah Kampus Kesihatan**

PROFESOR DATO' DR. MAFAUZY MOHAMED

7 **Pengarah Kampus Kejuruteraan**

PROFESOR ABD. AZIZ TAJUDDIN

8 **Pendaftar**

PUAN JAMAHYAH BASIRON (PEMANGKU)


9 **Bendahari**

PUAN HAJAH SALMIAH CHE PUTEH

10 **Penasihat Undang-Undang**

**PROFESOR EMERITUS DATUK
DR. SHAD SALEEM FARUQI**

ORGANOGRAM PENGURUSAN UNIVERSITI



Pusat Pengajian

Kampus Induk

Pulau Pinang

HIBRID

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Pusat Pengajian Jarak Jauh
Pusat Pengajian Pengurusan
Pusat Pengajian Perumahan,
Bangunan dan Perancangan
Pusat Pengajian Siswazah
Perniagaan (GSB)
Pusat Pengajian Teknologi Industri

SASTERA

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan
Terjemahan
Pusat Pengajian Komunikasi
Pusat Pengajian Seni
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

SAINS

Pusat Pengajian Sains Farmasi
Pusat Pengajian Sains Biologi
Pusat Pengajian Sains Kimia
Pusat Pengajian Sains Komputer
Pusat Pengajian Matematik
Pusat Pengajian Fizik

Kampus Kejuruteraan

Seri Ampangan

KEJURUTERAAN

Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik
dan Elektronik
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan
Sumber Mineral
Pusat Pengajian Kejuruteraan
Aeroangkasa
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik

Kampus Kesihatan

Kubang Kerian

KESIHATAN

Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Pusat Pengajian Sains Pergigian
Pusat Pengajian Sains Perubatan

Pusat Pentadbiran

Jabatan Canselori
Bahagian Hal Ehwal Akademik dan
Antarabangsa
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar
Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat
Bahagian Pembangunan Institusi
Pejabat Komunikasi Strategik
Unit Audit Dalam
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Universiti
Pejabat Perundangan
Jabatan Pendaftar
Jabatan Bendahari
Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni

Pusat Akademik

Institut Pengajian Siswazah

Pusat Kecemerlangan Tinggi Negara (HiCOE)

Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan
Pusat Penyelidikan dan Perubatan Molekul

Pusat Kecemerlangan

Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia
Institut Penyelidikan Perubatan Molekul
Institut Penyelidikan dan Pendidikan Tinggi Negara
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi /
Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi Kejuruteraan
Pelantar Penyelidikan Sains Hayat
Pelantar Penyelidikan Bioperubatan dan Sains Kesihatan
Pelantar Penyelidikan Sains Klinikal
Pelantar Penyelidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial
Pusat Racun Negara
Pusat Biologi Kimia
Pusat Genom Manusia

Pusat IPV6 Termaju Negara
Pusat Kajian Kelestarian Global
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam
Pusat Kajian Samudera dan Pantai
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan
Pusat Kawalan Doping
Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga
Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga
Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian
Antarabangsa
Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubat
Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan
Saliran Bandar
Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita
Pusat Rekabentuk Mikroelektronik Negara
Unit Kemudahan Akademik dan Sokongan
Teknikal
Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar
Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk
Perdamaian

Unit Penyelidikan Ilmu Falak dan Sains
Atmosfera
Unit Penyelidikan Kawalan Vektor
Unit Penyelidikan Pendidikan Asas

Pusat Perkhidmatan

Penerbit USM
Perpustakaan
Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan
Teknologi
Pusat Islam
Pusat Rancangan Kokurikulum
Jabatan Keselamatan
Jabatan Pembangunan
Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah
Unit Penasihat dan Pembangunan
Pelajar
Unit Kaunseling dan Kerjaya
Pusat Sukan dan Rekreasi
Pusat Sejahtera

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB



Ketua Jabatan Perkhidmatan Pentadbiran

Jabatan Pendaftar	Puan Jamahyah Basiron (Pemangku)
Jabatan Bendahari	Puan Hajah Salmiah Che Puteh
Perpustakaan	Encik Mohd Pisol Ghadzali
Jabatan Pembangunan	Ir. Hj. Mohamad Sofian Ahmad
Jabatan Keselamatan	Mejar (Bersara) Mohamad Fadzil Ibrahim
Bahagian Pembangunan Institusi	Profesor Muhamad Jantan
Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi	Encik Zulham Hamdan
Pusat Islam	Profesor Madya Nasirun Hj. Mohd. Salleh
Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah	Profesor Madya Hasnul Jamal Saidon
Penerbit USM	Profesor Dato' Md. Salleh Yaapar
Juruaudit Dalaman	Tuan Haji Md. Salleh Malim Merican
Pejabat Komunikasi Strategik	Profesor Badaruddin Mohamed
Pejabat Transformasi Sosial	Profesor Mohd Farhan Mohd Sadullah
Pejabat Perundangan Universiti	Profesor Emeritus Dato' Dr. Shad Saleem Faruqi
Pusat Pemajuan dan Perhubungan Alumni	Profesor Yap Guan Yeow

Dekan Pusat Pengajian Kampus Induk

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
Profesor Ambigapathy Pandian

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Profesor Dato' Abu Talib Ahmad

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Profesor Abdul Rahid Mohamed

Pusat Pengajian Komunikasi
Profesor Adnan Hussein

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Profesor Madya Habibah Hj. Lateh

Pusat Pengajian Pengurusan
Profesor Dato' Ishak Ismail

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Profesor Ir. Mahyuddin Ramli

Pusat Pengajian Sains Farmasi
Profesor Syed Azhar Syed Sulaiman

Pusat Pengajian Sains Fizik
Profesor Zainuriah Hassan

Pusat Pengajian Sains Kajihayat
Profesor Abu Hassan Ahmad

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Profesor Madya Ismail Baba

Pusat Pengajian Sains Kimia
Profesor Wan Ahmad Kamil Mahmood

Pusat Pengajian Sains Komputer
Profesor Rosni Abdullah @ Mustafa

Pusat Pengajian Sains Matematik
Profesor Ahmad Izani Md. Ismail

Pusat Pengajian Seni
Profesor Madya A. Rahman Hj. Mohamed

Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan
Profesor Datin Hasnah Hj. Haron

Pusat Pengajian Teknologi Industri
Profesor Rozman Hj. Din

Pusat Pengajian Kampus Kejuruteraan

Pengarah Kampus
Profesor Abd Aziz Tajuddin

Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa
Profesor Madya Zaidi Mohd. Ripin

Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam
Profesor Hamidi Abdul Aziz

Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral
Profesor Ahmad Fauzi Mohd. Noor

Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
Profesor Azlina Harun @ Kamaruddin

Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik
Profesor Madya Zaidi Mohd. Ripin

Dekan Pusat Pengajian Kampus Kesihatan

Pengarah Kampus
Profesor Dato' Dr. Mafauzy Mohamed

Pengarah HUSM
Dato' Dr. Zaidun Kamari

Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Profesor Ahmad Zakaria

Pusat Pengajian Sains Perubatan
Profesor Dr. Abdul Aziz Baba

Pusat Pengajian Sains Pergigian
Profesor Madya Dr. Adam Husein

Dekan Penyelidikan

Pelantar Penyelidikan Bioperubatan dan Sains Kesihatan
Profesor Syed Mohsin Syed Sahil Jamalullail

Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi
Profesor Zainal Ariffin Mohd Ishak

Pelantar Penyelidikan Sains Fundamental
Profesor Abdul Latif Ahmad

Pelantar Penyelidikan Sains Hayat
Profesor Mohd. Nazalan Mohd. Najimudin

Pelantar Penyelidikan Sains Klinikal
Profesor Dr. Nor Hayati Othman

Pelantar Penyelidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Profesor Madya Bahari Belaton

Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial
Profesor Badaruddin Mohamed

Pusat Kecemerlangan Tinggi Negara

Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan
Profesor Sharif Mahsufi Mansor

Pusat Penyelidikan dan Perubatan Molekul
Profesor Rusli Ismail

Pusat Kecemerlangan

Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia
Profesor Dato' Mohamed Isa Abd. Majid

Institut Penyelidikan dan Pendidikan Tinggi Negara
Profesor Fauziah Md. Taib

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
Dr. Hj. Ramli Saad

Pusat Racun Negara
Profesor Madya Razak Hj. Lajis

Pusat Biologi Kimia
Profesor Maqsudul Alam

Pusat IPV6 Termaju Negara
Profesor Sureswaran Ramadass

Pusat Kajian Kelestarian Global
Profesor Madya Norizan Md. Nor

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam
Profesor Muhammad Syukri Salleh

Pusat Kajian Samudera dan Pantai
Dr. Anita Talib (Pemangku Pengarah)

Pusat Kawalan Doping
Profesor Aishah Abdul Latiff

Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga
Profesor Haslan Abu Hassan

Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia
Profesor Madya Merza Abbas

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Profesor Madya Mokhtar Saidin

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa
Profesor Madya Mohd. Azhari Abdul Karim

Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita
Profesor Datin Rahidah Shuib

Pusat Genom Manusia
Profesor Madya Dr. Gan Siew Hwa

Unit Penyelidikan Asas
Profesor Madya Dr. Hashimah Mohd Yunus

Pusat Penyelidikan dan Perkhidmatan Haiwan
Dr. Rumaizi Shaari

Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar
Profesor Nor Azazi Zakaria

Pusat Rekabentuk Mikroelektronik Negara
Profesor Madya Othman Sidek

Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan
Profesor Abdul Rahman Mohamed

Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi Kejuruteraan
Profesor Zainal Ariffin Mohd Ishak



fun for peace
creating a culture of peace

LAPORAN NAIB CANSOLOR

LAPORAN NAIB CANSOLOR



“Pendidikan tinggi tanpa nilai-nilai kemanusiaan akhirnya akan menyebabkan manusia dan alam tidak lagi dapat bersinergi untuk meneruskan kelangsungannya pada masa hadapan.”

TRANSFORMASI PENGAJIAN TINGGI DALAM KONTEKS MANUSIA DAN KEMANUSIAAN

Universiti Sains Malaysia (USM) ketika dalam cadangan awal melaksanakan Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) telah mengetengahkan isu transformasi pengajian tinggi dengan memberi tumpuan utama kepada usaha memperjuangkan isu-isu kelestarian dan kemanusiaan sambil memanfaatkan ilmu pengetahuan yang berteraskan prinsip kesejagatan dan yang memiliki nilai-nilai yang dapat dikongsi bersama. Justeru, USM berusaha keras untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang dapat memenuhi tuntutan tersebut dalam konteks ilmu tanpa mengeneipkan aspirasi negara dan jati diri di samping berani mengorak langkah mengikut acuan sendiri dengan berpandukan ilmu pengetahuan dengan olahan yang selari dengan peredaran zaman dan seterusnya cuba memahami masalah sejagat dan sama-sama menangani isu-isu semasa secara tuntas.

Cabaran sudah pasti wujud apabila kelestarian dalam konteks ilmu dan kesejagatan cuba diterjemahkan agar dapat difahami secara menyeluruh oleh manusia sejagat tatkala dunia dilanda pelbagai krisis kemanusiaan dan kemusnahan alam dengan menjadikan ilmu pengetahuan sebagai tonggak penyelesaian.

Walau apapun, usaha ini harus diterap bermula dengan universiti sendiri agar ia menjadi asas bagi mencorak kesempurnaan ke arah pembangunan sesebuah organisasi dan juga negara. Fokus bagi menghidupkan kembali nilai-nilai tersebut penting kerana konsep universiti sebenarnya lebih menekankan kepada pendidikan manusia dan kemanusiaan.

Pendidikan tinggi tanpa nilai-nilai kemanusiaan akhirnya akan menyebabkan manusia dan alam tidak lagi dapat bersinergi untuk meneruskan kelangsungannya pada masa hadapan.

Oleh kerana pembangunan universiti pada hari ini lebih mirip kepada pembangunan industri, justeru kita dapati kebanyakan universiti dan kolej berlumba-lumba menawarkan kursus-kursus yang bersifat penjana hasil kewangan dan ada yang tidak lagi menawarkan kursus-kursus yang menyentuh aspek-aspek kemanusiaan seperti falsafah, kesusasteraan dan sosiobudaya yang menjadi asas pembentukan jiwa manusia dan kemanusiaan pada keseluruhannya.

USM telah merangka satu pelan khas yang dapat melibatkan aspek nilai dalam strategi pembangunannya. Salah satu usaha yang diambil adalah membantu golongan terkebahawah dan golongan berkelainan upaya agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup sama seperti insan yang sempurna.

Sebagai contoh, USM turut sama membangunkan sebuah sekolah desa di Merbok, Kedah dengan memberi kemudahan pendidikan yang lebih sempurna kepada lebih 50 orang pelajar daripada keluarga tercicir meneruskan pengajian mereka ke universiti walaupun hidup dalam serba kekurangan.

Universiti juga melihat transformasi bukan hanya dari aspek KPI malah juga dari aspek KIP (Key Intangible Performance). Ini mengambil kira pelbagai program libatsama masyarakat yang berjalan secara berterusan di seluruh negara yang antaranya melibatkan aktiviti penjagaan alam sekitar.

Penyelidikan dalam bidang-bidang kelestarian dipertingkatkan seperti menghasilkan plastik yang lebih mesra alam dan cepat terurai. Begitu juga dengan usaha memanfaatkan segala bahan buangan dalam menghasilkan barangan baru.

USM turut memastikan program pengurangan penggunaan plastik dan penyahgunaan polestrina dapat diteruskan serta diperhebatkan agar ia

menjadi amalan dan budaya masyarakat kampus dalam usaha mengelakkan penggunaan bahan-bahan yang merosakkan alam ini dalam pelbagai aktiviti rasmi dan tidak rasmi universiti.

Malah USM berusaha memupuk budaya dan amalan berkonsep “hijau” atau pejabat lestari insaniah dalam kalangan warga kampus dengan cara mereka bentuk struktur ruang pejabat yang dapat menerima masuk pencahayaan semula jadi dari luar, mengamalkan penjimatan penggunaan elektrik dan sumber semula jadi yang lain termasuk air, mengamalkan aktiviti 3R iaitu mengurang, mengguna semula dan mengitar semula pelbagai bahan dalam aktiviti harian, menggalakkan penggunaan basikal, menjayakan kempen kampus tanpa kenderaan dan pelbagai aktiviti lain.

Secara tidak langsung, aktiviti-aktiviti berkonsepkan “hijau” ini dilihat telah menjadi ikutan pihak berkuasa di luar kampus misalnya penggunaan semula beg terpakai dan pengurangan penggunaan plastik di pusat-pusat membeli-belah. Di USM sendiri, pengukuran tahap penggunaan elektrik telah dimulakan dan usaha-usaha sedang dilakukan secara berterusan dalam hal-hal yang berkaitan.

Penerapan Strategi Lautan Biru atau “The Blue Ocean Strategy” yang berlandaskan buku tulisan W. Chan Kim dan R. Mauborgne (2005) telah mula diperhebatkan melalui pelbagai bengkel yang melibatkan warga USM daripada semua jabatan dan golongan untuk sama-sama menangani pelbagai hal berkaitan universiti merangkumi isu penyelidikan dan inovasi termasuk isu pengurusan desasiswa dan alumni.

USM turut meneliti setiap proses kerja yang melibatkan urus tadbir universiti yang merangkumi pengurusan sumber manusia dan juga pengurusan akademik universiti bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kos.

Apatah lagi dengan pewartaan Perlembagaan baru USM, maka pelbagai usaha dilakukan bagi menerapkan konsep autonomi dan akauntabiliti. Pemilihan ahli Senat kini, misalnya, dilakukan melalui proses undian oleh para akademik. Jawatankuasa Pengurusan Universiti juga mula dibentuk dan berfungsi sebagai pemberi khidmat nasihat dan pembuat keputusan kolektif dalam pelbagai urusan universiti.

Manakala dalam konteks pelajar, kewujudan Pimpin Siswa terus diperkukuhkan apatah lagi dengan pelancaran Dasar Pembangunan Siswa dan Dasar Keusahawanan Siswa melalui program SEDIA yang mengiktiraf kerja-kerja keusahawanan dan merupakan gabungan sinergi bersama para ahli akademik dan penyelidik untuk menzahirkan makna sebenar perkongsian pintar.

Begitu juga dengan berlangsungnya Persidangan Dewan Perundingan Pelajar sebagai manifestasi dari Parlimen Mahasiswa, ia telah menaik taraf keupayaan siswa-siswi apabila suara mahasiswa diiktiraf secara rasmi dan berstruktur. Apa jua keputusan yang dibuat oleh Dewan Perundingan Pelajar perlu diberi maklum balas secara rasmi oleh jabatan-jabatan dalam kampus mahupun jabatan dan agensi luar kampus. Segala usul yang dikemukakan secara bebas oleh pelajar termasuk hal-ehwal kebajikan mahasiswa, isu-isu kemanusiaan sejagat, isu bencana alam dan juga kemiskinan penduduk dibincang dan dibahas tanpa penglibatan pegawai universiti.

Agenda mengantarabangsa dan merekayasa semula pemikiran terhadap pengertian makna pengajian tinggi jelas terpamer melalui persidangan antarabangsa “*Decolonising the University – the Emerging Quest for Non-Eurocentric Paradigms*” yang di adakan di Pulau Pinang. Persidangan ini berjaya mengumpulkan lebih 150 orang peserta dari pelbagai disiplin ilmu yang datang dari rantau selatan seperti Iraq, Turki, Filipina, Indonesia dan Malaysia khususnya bagi menilai hala tuju pengajian tinggi negara masing-masing.

USM bersama-sama dengan Kementerian Pengajian Tinggi masih meneruskan penganjuran “Global Higher Education Forum” yang juga berjaya membentuk gabungan tenaga dalam bidang kelestarian dalam kalangan negara-negara yang terlibat melalui satu rangkaian khas yang dikenali sebagai Jaringan Pengajian Tinggi Antarabangsa (GHEN).

Forum ini menjadi kesinambungan kepada agenda libatsama masyarakat dan industri melalui APUCEN dengan penglibatan lebih 40 buah universiti di Rantau Asia Pasifik bagi menggembelng tenaga dalam menjayakan aspirasi bersama dalam konteks kelestarian dan menjulang nilai kemanusiaan secara global melalui pelbagai rangkaian kerjasama yang dibangunkan atas inisiatif USM.

USM telah melalui pelbagai proses audit di sepanjang tahun 2011 dan antaranya termasuklah University Good Governance Index (UGGI), SETARA, MQA Review dan Akreditasi CEC. Keseluruhannya, USM telah mencapai taraf yang tinggi dalam proses audit yang dijalankan. Malah dalam Laporan Penilaian Audit Susulan Swaakreditasi MQA, semua 15 kriteria yang dinyatakan memperoleh pencapaian yang cemerlang walaupun pada awalnya satu daripadanya tidak dinyatakan kerana ia adalah perkara baru yang dianggap sebagai pelaksanaan Strategi Lautan Biru.

Tahun 2011 juga menyaksikan pelbagai kisah kejayaan universiti mengukuhkan peranannya sebagai sebuah menara ilmu yang meraih pencapaian terbaik dalam bidang penyelidikan dan inovasi, jaringan komuniti, sukan, akademik dan sebagainya.

Antara lakaran kejayaan termasuk penemuan bersejarah penyelidik dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) yang kini dijadikan pusat rujukan oleh pelbagai pihak di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kompleks Kebudayaan Paleolitik

yang ditemui oleh PPAG juga diwartakan sebagai tapak warisan arkeologi dunia dan USM dilantik oleh Jabatan Warisan Negara sebagai penulis *dossier* (cadangan) kepada UNESCO.

USM turut menganjurkan beberapa persidangan antarabangsa termasuk Persidangan Antarabangsa Pertama Mengenai Globalisasi dan juga Tadbir Urus dan Kelestarian untuk Pemuda Asean (ICGGS) yang berjaya menghimpunkan lebih 350 orang peserta dari pelbagai negara. Kempen Tangisan Jiwa juga menjadi inisiatif signifikan pelajar dalam meningkatkan kesedaran awam khususnya para remaja untuk menjauhkan diri dari kancah jenayah sosial yang membawa kepada perlakuan sumbang seperti pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak.

Dalam bidang sukan, USM merupakan satu-satunya universiti yang memiliki pasukan bola sepak yang bertanding di peringkat Piala FAM dan kemudiannya berjaya memasuki liga kedua terbesar negara iaitu Liga Perdana dengan mengekalkan kedudukan dalam saingan liga sejak tahun 2010.

Tidak ketinggalan ialah pencapaian mahasiswa kampus dalam sukan peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia menjadi titik tolak kejayaan universiti dalam bidang ini setelah memelopori kemasukan warga sukan di USM bagi mengikuti pengajian yang ditawarkan.

USM merupakan antara puluhan universiti dan IPT lain yang menjalinkan kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi di Jepun yang kini menjadi sebuah negara yang memiliki jumlah terbesar rangkaian kerjasama antarabangsa di lebih daripada 93 buah negara di dunia.

Antara jalinan kerjasama yang dimeterai ialah usaha sama dengan *Kyoto University* dalam penyelidikan Orang Utan dan dengan *Riken Institute* melalui penubuhan makmal penyelidikan bersama bagi mengkaji penghasilan ubat bagi penyakit denggi, Tuberkulosis dan HIV dengan bersumberkan alam semula jadi. Kesemuanya ini menjadi wadah penyelidikan yang akan memberi manfaat kepada masyarakat khususnya golongan terkebahawah.

Sebagai rumusan, dalam usaha universiti memberi nilai kepada jasadnya, konsep kerjasama dalam satu pasukan perlu dititikberatkan kerana ia menjadi amalan terbaik untuk menzahirkan kecemerlangan. Menginsankan universiti boleh diterjemah dalam bentuk usaha kita dalam memberi fokus kepada apa sebenarnya yang dinamakan sebuah menara ilmu kerana ia bukan sebuah kilang, industri atau perniagaan yang menjana robot yang kosong dengan

nilai-nilai kemanusiaan. Antara cabaran besar yang dihadapi oleh USM ialah mencari jalan terbaik untuk menjayakan proses transformasi pengajian tinggi supaya mudah difahami oleh orang ramai, meningkatkan kecekapan tadbir urus termasuk menjana pendapatan universiti untuk memaknakan lagi autonomi dan mengkomersialkan produk penyelidikan yang ada di samping menjayakan pelbagai agenda pencapaian KPI dan KIP yang ditetapkan.

Apatah lagi untuk meneruskan usaha menggerakkan seluruh warga universiti agar sama-sama menjayakan agenda APEX dan mengimbangkannya dengan program kemanusiaan sejagat untuk dihayati oleh seluruh warga universiti dan warga dunia amnya.

Pencapaian yang diraih pada tahun 2011 mencerminkan komitmen dan tanggungjawab warga kampus yang sama-sama menggembeng tenaga demi mencorak masa depan pengajian tinggi yang cemerlang. USM akan terus meneraju transformasi berdasarkan perancangan dan pelaksanaan yang dirangka khusus bagi memberi lebih makna kepada pengajian tinggi secara keseluruhan. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada semua pihak yang tidak pernah jemu mengerah keringat demi sebuah menara ilmu.

Diharap sokongan padu dan kerjasama semua pihak sepanjang tahun 2011 dapat diteruskan dan dipertingkatkan bagi menghadapi cabaran dan liku-liku yang mendatang bagi mencapai sebuah mercu tanda yang diidamkan, sekaligus menjayakan matlamat penubuhan universiti berstatus APEX negara. Pada masa yang sama, USM terhutang budi kepada semua pemegang taruh serta seluruh pengurusan tertingginya yang terdiri daripada Lembaga Gabenor, Naib Canselor-Naib Canselor hinggalah kepada seluruh warga yang bekerja keras menjayakan misi dan visi ini.

Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak
Naib Canselor



fun for peace
creating a culture of peace
2016/2017 (1st & 2nd year)
1000 Students / 10000 Staff / 100000 Community

KAMPUS KESIHATAN

KAMPUS KESIHATAN



Pengenalan

Kampus Kesihatan yang ditubuhkan bermula pada Februari 1979 dan berfungsi sepenuhnya pada Jun 1983, terus berkembang pesat hingga ke hari ini dengan pembinaan pelbagai pusat tanggungjawab yang merentasi pelbagai bidang. Antara komponen-komponen utama Kampus Kesihatan adalah Hospital Universiti Sains Malaysia, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Pusat Pengajian Sains Pergigian, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Institut Penyelidikan Perubatan Molekul, Pelantar-pelantar Penyelidikan dan pelbagai jabatan sokongan yang saling berhubung kait antara satu sama lain bagi membantu mencapai aspirasi universiti sejajar dengan visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan.

Aktiviti / Pencapaian

Kampus Kesihatan USM merupakan sebuah pusat pengembangan ilmu, pembelajaran, penyelidikan dan menyediakan perkhidmatan yang lengkap dan terkini dalam semua bidang kepakaran perubatan. Bagi memperkasakan lagi fungsi dan perkhidmatan yang ditawarkan, pelbagai aktiviti dan perancangan telah disusun sepanjang tahun 2011 oleh semua Pusat Tanggungjawab Kampus Kesihatan USM. Perancangan aktiviti yang disusun secara keseluruhan telah dapat direalisasikan hasil kerjasama semua pihak di Kampus Kesihatan serta sokongan serta bantuan pihak universiti secara umumnya.

1. Aktiviti/Pencapaian Berteraskan Akademik

Penglibatan staf dan pelajar dalam aktiviti penyelidikan, perundingan, penerbitan, penyertaan dalam seminar bercorak ilmiah sepanjang tahun 2011 sedikit sebanyak telah membantu memantapkan program akademik di Kampus Kesihatan. Hasilnya pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang telah dicapai oleh pelajar/staf kampus kesihatan melalui pembentangan kertas kerja, penyelidikan dan seumpamanya.

Kampus Kesihatan terlibat aktif dalam aktiviti penerbitan ilmiah sama ada dalam jurnal, buku, abstrak, prosiding dan majalah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.


2. Aktiviti/Pencapaian Berteraskan Jaringan Industri dan Masyarakat

Kampus Kesihatan juga giat menjalankan perkongsian kepakaran dengan agensi luar termasuk dalam negara dan luar negara melalui kerja-kerja perundingan merentasi pelbagai bidang dan pengkhususan.

Selain itu juga staf dan pelajar Kampus Kesihatan juga telah terlibat dengan pelbagai aktiviti berbentuk akademik dan khidmat masyarakat dalam dan luar negara sama ada berbentuk penyelidikan/perkhidmatan seperti *Community Eye Service CFCS* untuk masyarakat setempat yang berumur 40 tahun ke atas, Program Intergrasi Kesihatan – Saringan Pemeriksaan Mata yang melibatkan pelajar dan guru Sekolah Kebangsaan Zainab 2, *Mega Medical Camp*, *Rotary Club Kota*


Bharu, Seminar – Modul Penjagaan kesihatan mulut bagi kanak-kanak berkelainan upaya, 'Roadshow' MERCY Malaysia dan Perkhidmatan Pergigian Bergerak. Pelaksanaan aktiviti berteraskan jaringan masyarakat tidak sahaja dijalankan dalam kawasan kampus malahan turut dilaksanakan di luar kampus merentasi pelbagai golongan masyarakat serta agama. Antaranya adalah program berbentuk 'Oral Health' di sekolah-sekolah sekitar Kelantan, program khidmat masyarakat di Pusat Jagaan Harian Warga Emas, *Sitting Budha*, Tumpat, Kampung Baru, Jertih dan seumpamanya.

Seterusnya, pendekatan jalinan hubungan kemasyarakatan juga diperkukuhkan dengan penganjuran program derma darah di pelbagai lokasi dan hasil yang diperolehi adalah seperti berikut:




Selain daripada menjadi pusat pengembangan ilmu, pembelajaran, penyelidikan, Kampus Kesihatan turut menawarkan perkhidmatan perubatan/perawatan yang lengkap dan terkini dalam semua bidang kepakaran perubatan kepada masyarakat sejagat sebagaimana statistik berikut:

Kategori Penyakit Atau Sebab Pesakit Dirawat Di Wad HUSM




Perbandingan Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam, Discaj Hidup dan Kematian Tahun 2010 dan 2011



Sejajar dengan usaha memantapkan hubungan dengan masyarakat luar, aspek kebajikan pihak yang kurang bernasib baik turut ditekankan dengan penawaran perkhidmatan seperti rujukan kes-kes yang mempunyai masalah sosial dan psikososial dari perkhidmatan pesakit luar dan dalam, memberi khidmat nasihat, bimbingan dan kaunseling kepada pesakit dan keluarga, mengurus keperluan pesakit yang memerlukan pemeliharaan dan jagaan yang berterusan di mana-mana institusi keluarga atau institusi sosial, mengintegrasikan perkhidmatan pemulihan dalam komuniti dan menyelaras aktiviti koordinasi kepada pesakit-pesakit yang memerlukan perkhidmatan ini, mengadakan lawatan ke tempat-tempat tinggal pesakit atau lain-lain agensi sosial dalam proses pelaksanaan rawatan sosial. Melalui Tabung Kebajikan Pesakit HUSM juga, pada tahun 2011 sebanyak RM 23,000.00 telah digunakan untuk membeli peralatan kepada pesakit miskin. Seterusnya bantuan berupa wang tunai juga banyak diberikan kepada pesakit miskin untuk digunakan sebagai wang tambang, membeli peralatan yang diperlukan segera dan untuk membayar kos ujian darah. Sebanyak RM 11,075.00 telah dibelanjakan sepanjang tahun 2011 bagi tujuan ini yang merupakan sumbangan dari Tabung Persatuan Pegawai-Pegawai Kebajikan Perubatan Malaysia.

Perbandingan Jumlah Kedatangan Pesakit Luar Tahun 2010 dan 2011



PTJ yang berasaskan pentadbiran juga telah banyak menjalankan aktiviti kemasyarakatan termasuk lawatan-lawatan kemanusiaan, Hari Bersama Pelanggan, memberi khidmat nasihat/kaunseling melalui media massa seperti rancangan Doktor Di Radio serta Merentasi Kampus Radio Kelantan FM dan sebagainya.

Jalanan kemasyarakatan/industri antara Kampus Kesihatan dan agensi luar diperkukuhkan menerusi MOA/MOU bukan sahaja dari dalam, malah dari luar Negara.

3. Aktiviti/Pencapaian Berteraskan Penyelidikan dan Inovasi

Aktiviti penyelidikan melalui sumber perbelanjaan dalaman dan luaran seperti Geran Penyelidikan The Academy of Sciences for Developing World (TWAS), Geran Penyelidikan Ministry of Higher Education (MOHE) ERGS, Geran RU, Geran FRGS dan lain-lain.

4. Aktiviti/Pencapaian Bagi Memperkukuhkan Aspek Pengurusan, Infrastruktur dan Pemantapan Kualiti Pengurusan

Ke arah menambahbaik prasarana dan infrastruktur di Kampus Kesihatan, pelbagai projek pembangunan yang telah dirancang ada yang telah disiapkan/telah dimulakan seperti Projek Naiktaraf Sistem Hawa Dingin Dewan Bersalin, Sistem Pempaipan Penapis air di CSSD, UPS di Blok Nuklear, Ubahsuai Bank Tisu ke Klinik Vertigo dan lain-lain.

Seterusnya aspek pemantapan kerohanian turut ditekankan dengan memperkasakan konsep Hospital Mesra Ibadah seperti khidmat nasihat keagamaan secara rutin kepada pesakit dalam, penerapan nilai-nilai murni kepada semua staf melalui program-program kerohanian, penganjuran bengkel pengurusan ibadah pesakit, mewujudkan *Train of Trainers Spiritual Nurse Educator*, menyediakan kemudahan peralatan seperti botol spray dan debu tayammum untuk bersuci serta menyediakan poster dan pamflet tatacara solat ketika sakit, risalah doa, al-Quran wakaf dan bacaan-bacaan kerohanian sebagai rujukan pesakit.

Seterusnya pemantapan pelbagai sistem aplikasi bagi membantu pengurusan dan pentadbiran dilaksanakan seperti sistem *LIFELINE*, *LIS (Lab Information System)*, *EMR (Electronic Medical Record)*, *AMS (Asset Management System)*, *POLS (Pharmacy Online Prescription)*, *SPIFU & SPIFA (Sistem Pengurusan Inventori Farmasi Ubat/Alat)*, *FIRAS (Film Information Reject Analysis)*, *ICD 10 (International Classification of Diseases Version 10)*, *HUSM Formulary*, *Diet*

Management System, *Electronic Medical Archive (EMA)*, *Document Management [e-Clips]*.

Amalan Kualiti yang telah diterapkan dalam budaya kerja di Kampus Kesihatan terus dimantapkan lagi pada tahun 2011 dengan penganjuran pelbagai aktiviti dan pelbagai anugerah telah diperolehi. Antaranya adalah seperti berikut:

i. MS ISO 17025:2007

- Bengkel "Lead Auditor"
- Sesi kesedaran oleh Standard Malaysia
- Bengkel Dokumentasi kepada Makmal-makmal Kampus Induk, Kejuruteraan, IPPT dan Kampus Kesihatan.

ii. ISO 15189 (*Medical Laboratories*)

- Makmal Perubatan telah diperluaskan skop perkhidmatan daripada 8 makmal kepada 9 makmal termasuk Lab Endokrinologi. Senarai semasa makmal untuk Akreditasi ISO 15189 adalah seperti berikut:

Bil.	Makmal
1	Pathology
2	Hematology/upt
3	Microbiology
4	Chemical pathology
5	Immunology
6	Tdm
7	Pharmacology
8	Genome
9	Endocrine

iii. ISO 14001

- Latihan berserta lawatan pasukan kerja ISO 14001 Kampus Kesihatan USM telah diadakan pada 13–15 Jun 2011 di Hotel Quality, Shah Alam Selangor. "Banchmaking" telah diadakan dalam masa yang sama di syarikat Gas Malaysia dan HICOM Yamaha yang telah melaksanakan ISO 14001:2004.
- Lawatan ke Ain Medicare Sdn Bhd and Rohm-Wako Electronics (Malaysia) Sdn Bhd yang telah mendapat Persijilan MS 14001 telah diadakan pada 20 September 2011.

iv. Konvensyen ICC IPTA Kali Ke-7

- Lima kumpulan ICC telah mewakili Kampus Kesihatan USM di Konvensyen ICC IPTA Kali Ke-7. Keputusan adalah seperti berikut:

Bil.	Kumpulan ICC	PTJ	Kategori	Keputusan
1	REHAB CHARGER	HUSM	<i>Technical</i>	Perak & (Persembahan Terbaik)
2	G-SMART	PPSG	<i>Technical</i>	Perak
3	TAWAM	HUSM	<i>Technical</i>	Perak
4	U-BALANCE	PPSK	<i>Management</i>	Perak & (Tempat ke-3)
5	SIGMA	HUSM	<i>Management</i>	Perak

v. Konvensyen KIK MPC Peringkat Wilayah Timur

- 10 kumpulan ICC dari Kampus Kesihatan telah mengambil bahagian dalam Konvensyen ini. Keputusan adalah seperti berikut:

Bil.	Kumpulan ICC	PTJ	Kategori	Keputusan
1	SINERGI	HUSM	Management	Gold
2	BRAINwaves	PPSK	Management	Gold
3	INFORAPID II	INFORMM	Management	Silver
4	MICRO-G	PPSP	Technical	Gold
5	LESTARI	PPSK	Technical	Gold
6	I-AMIN	PPSK	Technical	Gold
7	INFINITI REHAB	HUSM	Technical	Gold
8	QCR	HUSM	Technical	Gold
9	MEB	HUSM	Technical	Silver
10	SWEET MOM	HUSM	Technical	Silver

vi. Konvensyen KIK MPC Peringkat Kebangsaan

- Empat daripada lima kumpulan telah dianugerahkan Emas 3 Bintang. Kumpulan ICC INFINITI Rehab dari HUSM telah dianugerahkan Emas 3 Bintang dan “Top Ten” bagi kategori Teknikal. Kumpulan itu akan mewakili Malaysia pada ICQCC 2012 yang akan diadakan di Kuala Lumpur. Keputusan adalah seperti berikut:

Bil.	Kumpulan ICC	PTJ	Kategori	Keputusan
1	INFINITI REHAB	HUSM	Technical	Gold 3 Star & Top Ten
3	QCR	HUSM	Technical	Gold 3 Star
2	LESTARI	PPSK	Technical	Gold 3 Star
4	I-AMIN	PPSK	Technical	Gold 3 Star
5	BRAINwaves	PPSK	Management	Gold 2 Star

vii. International Convention for Quality Control Circles (ICQCC) 2011

- Telah diadakan pada 11–15 September 2011 di Yokohama, Jepun. Kumpulan ICC Rehab Charger dari HUSM telah menempa kejayaan apabila mereka telah dianugerahkan Emas (Cemerlang) yang merupakan tahap tertinggi yang diberikan pada konvensyen tersebut.

viii. Anugerah Inovasi Negara (AIN)

- Kumpulan ICC Lestari (PPSK) telah diisytiharkan sebagai Pemenang Anugerah Inovasi Negara Kategori Perkhidmatan dengan projek I-Mod: modaliti Pintar: alat pelbagai guna yang boleh berfungsi sebagai kerusi roda dan kerangka berdiri dalam pemulihan pesakit-pesakit yang terlantar di katil. Mereka menewaskan lebih daripada 300 projek yang mengambil bahagian dalam kategori ini di seluruh negara. Konvensyen ini telah diadakan pada 16 November 2011 di PWTC KL, yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

ix. Anugerah Inovasi Kementerian Pengajian Tinggi 2011

- Dua projek kumpulan ICC QCR (HUSM) dan I-Amin (PPSK) telah dipilih sebagai “Top Ten” bagi Anugerah Inovasi Kementerian Pengajian Tinggi 2011. Mereka adalah seperti berikut:

Bil.	Kumpulan ICC	PTJ	Tajuk Projek
1	QCR	HUSM	HALVALS-X: Application for the correction of toe defects.
2	I-Amin	PPSK	Equipment to produce herbal oils for Pharmacology classes.

x. Konvensyen QA Peringkat Kebangsaan 2011

- Konvensyen QA Peringkat Kebangsaan 2011 oleh Kementerian Kesihatan telah diadakan pada 19–21 Oktober 2011 di Dewan 2020, Persiaran Wawasan, Kangar Perlis. Dua kumpulan ICC telah mengambil bahagian dalam Konvensyen tersebut. Mereka adalah seperti berikut:

Bil.	Kumpulan ICC	PTJ	Kategori
1	BRAINwaves	PPSK	Oral
2	Sweet Mom	HUSM	Poster

xi. Persijilan ICC Kategori Organisasi



- Audit MPC Kampus Kesihatan untuk Persijilan ICC Organisasi telah diadakan pada 9 November 2011. Pameran pencapaian oleh kumpulan ICC semua PTJ juga telah diadakan di Dewan Utama, Kampus Kesihatan.

xii. Persijilan 5S

- Audit Persijilan 5S Kampus Kesihatan oleh MPC telah diadakan pada 21 November 2011. 19 unit telah mengambil bahagian dalam audit ini seperti berikut:

Bil.	PTJ	Kategori
1	PPSK	Pejabat
2	Unit Latihan	Pejabat
3	Unit Rekod Perubatan	Pejabat
4	Farmasi	Pejabat
5	Perpustakaan Hamdan Tahir	Pejabat
6	Unit Perhubungan Awam	Pejabat
7	Pusat Sukan	Pejabat
8	PUMA	Pejabat
9	Pejabat Pendaftar	Pejabat
10	Sekretariat Kualiti	Pejabat
11	ARASC	Pejabat
12	Pejabat Pengarah Kampus	Pejabat
13	Pusat Islam	Pejabat
14	Makmal Endokrin	Makmal
15	Makmal Hematologi	Makmal
16	Makmal Mikrobiologi & Parasitologi	Makmal
17	Makmal Kalibrasi	Makmal
18	Wad 7S	Klinikal
19	Wad 2 Intan	Klinikal

Kampus Kesihatan juga giat menganjurkan latihan kepada staf dalam usaha memantapkan modal insan dan memperkukuhkan kemahiran semua staf terlibat. Statistik pencapaian penganjuran adalah seperti berikut:



Manakala di peringkat PTJ, pelbagai aktiviti berbentuk kursus/ bengkel turut dijalankan dengan memberi penekanan kepada keperluan khusus staf/pelajar PTJ. Bagi PTJ berasaskan pentadbiran pula, penyelarasan lawatan ilmiah dari agensi Luar di samping mengadakan bengkel dalam pengkongsian ilmu dengan masyarakat dalam dan luar Universiti bagi keseluruhan PTJ di Kampus Kesihatan turut diadakan seperti Seminar Peningkatan Penyediaan Makanan, Seminar Rawatan Kanser, Code Blue@ Kptm, Bengkel *Advanced Cardiac Life Support* dan sebagainya.

Cabaran

Antara cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2011 adalah faktor kekangan kewangan. Beberapa aktiviti/program yang dirancang dilaksanakan dengan peruntukan sedia ada yang terhad. Kekangan ruang/peralatan juga memberi impak kepada aktiviti di Kampus Kesihatan terutama aspek perawatan pesakit serta proses pengajaran dan pembelajaran. Kekurangan tenaga pakar dalam negara bagi bidang-bidang tertentu juga turut menjadi kekangan di Kampus Kesihatan. Walau bagaimanapun, kekangan ini tidak menjadi halangan kepada Kampus Kesihatan untuk terus meraih pelbagai kejayaan dalam pelbagai bidang.

Rumusan



Pada keseluruhannya, kebanyakan aktiviti yang dirancang bagi merealisasikan aspirasi universiti telah dapat dilaksanakan dengan memaksimumkan penggunaan infrastruktur, kewangan, sumber manusia dan kemahiran serta kepakaran sedia ada. Pencapaian dan pelbagai kejayaan yang dicapai adalah hasil komitmen serta kerjasama semua pihak. Pada masa yang sama, Kampus Kesihatan sentiasa mengutamakan peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan melalui langkah-langkah penambahbaikan berterusan dengan mengambikira keseimbangan kesejahteraan modal insan.



fun for peace
creating a culture of peace

KAMPUS KEJURUTERAAN

KAMPUS KEJURUTERAAN



Pengenalan

'Insaniversiti: Transformasi Menginsani Universiti' yang menjadi aspirasi dan matlamat USM pada tahun 2011 telah mendorong Kampus Kejuruteraan mengatur perancangan aktiviti untuk disesuaikan dan diimbangkan antara tuntutan akademik dan keintelektualan dengan tuntutan falsafah dan nilai-nilai insan dan insaniah. Tambahan pula, tuntutan nilai-nilai insan dan insaniah tersebut merupakan satu 'nilai tambah' yang seharusnya ada dalam usaha merealisasikan kewujudan pendidikan holistik di Universiti.

Rentetan daripada senario tersebut, Kampus Kejuruteraan telah menjana dan memperkasakan secara maksimum segala sumber yang dimiliki bermula daripada modal insannya hinggalah kepada sumber fizikalnya bagi mewujudkan sensitiviti terhadap erti nilai hidup dan kehidupan yang hakiki misalnya membina nilai-nilai yang dapat menyuburkan hidup bermasyarakat yang harmoni, berusaha mengimbangi jurang sosioekonomi, merungkai permasalahan kemiskinan, memandang serius gejala kesihatan dan kecatatan fizikal, memperkukuhkan gaya hidup sihat, memartabatkan keutuhan nilai-nilai rohaniah dan tidak terkecuali melestarikan kesejahteraan dan kualiti sumber-sumber alam sekitar.

Justeru itu, dalam melaksanakan program 'Insaniversiti: Transformasi Menginsani Universiti' itu, Kampus Kejuruteraan sentiasa menjadikan tujuh teras APEX terutamanya yang menyentuh persoalan kelestarian, kemanusiaan, kesejagatan dan pengorbanan sebagai prinsip dan landasan bagi menghasilkan pencapaian berimpak signifikan di samping pencapaian Universiti secara keseluruhannya.

Visi/Misi

Kampus Kejuruteraan mendukung tonggak misi dan visi yang ditetapkan oleh Universiti.

Objektif

Kampus Kejuruteraan melaksanakan program 'Insaniversiti: Transformasi Menginsani Universiti', berteraskan kepada objektif-objektif berikut:

1. Mewujudkan keseimbangan dan merapatkan jurang antara tuntutan asal akademik sesebuah universiti dengan tuntutan menyuburkan nilai-nilai kerohanian dan keharmonian hidup sejagat sebagai satu 'nilai tambah' dalam mewujudkan pendidikan holistik.
2. Mentafsir, menterjemah, mengolah dan menzahirkan hasil-hasil keintelektualan akademik yang sedia ada agar menjurus kepada peningkatan, penambahbaikan dan keketaraan impak terhadap taraf, kualiti dan gaya hidup masyarakat setempat, serantau dan sejagat terutamanya golongan pertengahan dan terkebawah.
3. Meningkatkan kepekaan warga Kampus Kejuruteraan terhadap elemen 'Menginsani Universiti' bagi memastikan Universiti sentiasa prihatin dan lestari dalam perancangan pembangunan strateginya demi kesejahteraan insan dan sumber alam sekitar.

4. Membuka ruang dan peluang kepada semua lapisan warga Kampus Kejuruteraan termasuk staf dan pelajar berbuat kebajikan sama ada dalam bentuk sumbangan atau perkhidmatan yang bersifat ilmiah mahu pun bukan ilmiah untuk dihulurkan kepada semua masyarakat atau komuniti yang amat memerlukannya.
5. Menggunakan peruntukan-peruntukan kewangan Universiti untuk menjana program insaniah yang lebih produktif dan berimpak tinggi.

Struktur Organisasi


Mekanisme yang menjana dan memperkasakan program 'Insaniversiti: Transformasi Menginsani Universiti' di Kampus Kejuruteraan terdiri daripada:

1. 7 Pusat Pengajian
2. 3 Pusat Kecemerlangan
3. 13 Jabatan/Unit/Bahagian

Modus Operandi

Sepanjang tahun 2011, modus operandi Kampus Kejuruteraan dalam menzahirkan 'Insaniversiti: Transformasi Menginsani Universiti' merangkumi program pementapan modal insan, pengiktirafan program pengajian, penghasilan penulisan/penerbitan ilmiah, peningkatan aktiviti perundingan, penyelidikan dan inovasi yang kesemua elemen-elemen akademik tersebut diolah dan disesuaikan untuk manfaat khalayak ramai di samping mempergiatkan khidmat dan sumbangan berunsur kerohanian dan kebajikan.

Rumusan aktiviti yang dijanakan adalah seperti berikut:



Program	Aktiviti
(1) Memantap dan memperkasakan semua potensi, kemahiran dan bakat modal insan	<ul style="list-style-type: none"> (a) Mendapatkan tenaga pakar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. (b) Menambah bilangan tenaga Pasca-kedoktoran dan Penyelidik Kunjungan. (c) Menambah bilangan pensyarah berkelayakan profesional. (d) Menambah bilangan pensyarah yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah. (e) Menambah bilangan staf pentadbiran dan sokongan dari gred 41 ke bawah.
(2) Mengekalkan tahap dan standard program pengajian dengan mendapat pengiktirafan antarabangsa.	Berterusan melestarikan Program Pengajian Kejuruteraan (Ijazah Pertama) yang ditawarkan dan mendapat pengiktirafan Lembaga Jurutera Malaysia atau EAC khususnya bagi Program Pengajian Kejuruteraan Polimer dan Kejuruteraan Mekatronik.
(3) Memperbanyakkan penulisan/penerbitan yang berfokuskan pembinaan nilai-nilai keharmonian dan kualiti hidup sejagat.	<ul style="list-style-type: none"> (a) Penulisan/Penerbitan dalam jurnal-jurnal termasuk prosiding berwasit. (b) Penulisan/Penerbitan Buku atau Bab Dalam Buku (c) Lain-lain penerbitan (artikel di akhbar, majalah, abstrak dll).
(4) Memperkasakan kuantiti dan kualiti projek-projek alam sekitar/kualiti alam/sumber alam yang menjurus kepada persekitaran dan gaya hidup sihat melalui kaedah pemilikan geran-geran penyelidikan yang berimpak tinggi.	<ul style="list-style-type: none"> (a) Mengaktifkan perolehan melalui geran Jangka Pendek dan geran Universiti Penyelidikan (RU) dan APEX. (b) Memanipulasi geran-geran baru yang ditawarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi iaitu: <ul style="list-style-type: none"> (i) Geran Exploratory Research Grant Scheme (ERGS). (ii) Long Research Grant Scheme (LRGS). (c) Meneruskan aktiviti projek melalui geran FRGS dan geran ScienceFund dari MOSTI. (d) Mendominasi geran-geran lain seperti Geran Nippon Sheet Glass Foundation.
(5) Meningkatkan jaringan/rangkaian dan hubungan persefahaman demi menjamin kualiti hidup manusia secara global terutamanya bagi golongan terkebahawah.	<ul style="list-style-type: none"> (a) Memperbanyakkan hubungan dan jaringan kerja dengan institusi tempatan dan luar negara melalui MOU dan MOA. (b) Menganjur persidangan/seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
(6) Memperkemas dan menggalakkan inovasi dan penemuan-penemuan baru.	<ul style="list-style-type: none"> (a) Memperbanyakkan paten. (b) Memperbanyakkan produk komersil. (c) Memberi fokus kepada aktiviti R&D&C.
(7) Mengeratkan hubungan kemasyarakatan melalui aktiviti-aktiviti antara staf dan pelajar.	<ul style="list-style-type: none"> (a) Khidmat masyarakat melalui program Sejahtera Kampus/Kesihatan. (b) Aktiviti kerohanian dan sumbangan kebajikan. (c) Rekreasi, riadah dan sukan.
(8) Mengekal dan meningkatkan reputasi di peringkat kebangsaan dan global	<ul style="list-style-type: none"> (a) Menyertai pertandingan reka cipta di peringkat kebangsaan, serantau dan global. (b) Berusaha memenangi sebanyak mungkin anugerah bagi mengekalkan reputasi daya cipta tenaga pakar.

Pencapaian dan Impak

Pencapaian signifikan berimpak tinggi yang dicapai oleh Kampus Kejuruteraan sepanjang tahun 2011 dalam konteks 'Insaniversiti: Transformasi Menginsani Universiti' adalah:

1. Proses pemantapan modal insan yang berterusan bagi melancarkan program penggantian tenaga akademik dan pengambilan tenaga pakar dari luar negara menerusi program 'Pemindahan Ilmu' bagi menjamin agenda-agenda Universiti terus dijana dan lestari serta relevan dengan kehendak negara dan masyarakat.
2. Dua program Ijazah Pertama yang ditawarkan berjaya mendapat pengiktirafan Lembaga Jurutera Malaysia atau EAC iaitu:
 - i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Polimer (dengan Kepujian)
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik (dengan Kepujian)

Kedua-dua pengiktirafan tersebut adalah perakuan bagi graduan tahun 2011 dan 2012.

3. Peningkatan lebih daripada 67% bagi bilangan penulisan/penerbitan jurnal dan prosiding berwasit berbanding tahun 2010. Sebahagian besar penulisan dan penerbitan berkisar pada budaya hidup sihat, pengurusan sisa pertanian, kualiti alam sekitar, penggunaan dan kelestarian sumber asli, bioenergi, bioteknologi dan sebagainya dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti, keharmonian hidup, kelestarian dan kesejahteraan alam sekitar sama ada di peringkat tempatan, serantau mahupun global.

Menerusi Jadual 1, ditunjukkan perbandingan bilangan penulisan/penerbitan jurnal dan prosiding yang telah dihasilkan sama ada di peringkat antarabangsa mahu pun tempatan bagi tahun 2010 dan 2011.



Jadual 1 Bilangan Penulisan dan Penerbitan yang Dihasilkan

Kriteria Penerbitan	2010	2011
Jumlah penerbitan dalam jurnal berwasit termasuk prosiding	389	651
Jumlah penerbitan dalam jurnal bukan berwasit	84	126
Jumlah penulisan bab dalam buku	14	27
Lain-lain penerbitan	389	253



4. Dua geran berimpak tinggi iaitu LRGS (bottom-up) telah berjaya diperolehi oleh:
 - i. Profesor Nor Azazi Zakaria sebagai ketua bagi projek yang bertajuk "*Urban Water Cycle Processes, Management and Societal Interactions: Crossing from Crisis to Sustainability*" yang bernilai RM6,000,000.00.
 - ii. Profesor Abdul Rahman Mohamed sebagai ketua bagi projek yang bertajuk "*Sustainable Energy production Towards Low Carbon Energy*" yang bernilai RM6,000,000.00

5. Dalam konteks memperkasa perhubungan dan jaringan antarabangsa, sebanyak 33 MOU/MOA dan 11 kerja-kerja perundingan telah berjaya ditandatangani dengan institusi dalam dan luar negara yang sebahagian besarnya, secara langsung mahupun tidak langsung, menyentuh isu-isu berkaitan dengan 'Insaniversiti'.

Perincian MOU/MOA mengikut PTJ adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2 Bilangan MOU/MOA dan Kerja Rundingan di PTJ

Pusat Tanggungjawab (PTJ)	Bilangan MOU/MOA/Perundingan	Institusi Yang Terlibat
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral	22	Asian Composites Manufacturing Sdn. Bhd., Hoya Electronics Sdn. Bhd., Institute of Materials Malaysia (IMM), International College Of Advance Technology Sarawak (ICATS), Seagate International (Johor) Sdn. Bhd., Sibelco Malaysia Sdn. Bhd., SGS Malaysia Sdn. Bhd., Toyohashi University Of Science And Technology dan University Of Applied Sciences Regensburg.
Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	2	Furutec Electrical Sdn Bhd. Malaysia, TT Vision Technologies Sdn Bhd Malaysia dan Malaysian Software Testing Board.
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia	2	Vietnam Petroleum Institute (VPI), Vietnam dan Schaefer Kalk (Malaysia) Sdn. Bhd.
Pusat Tanggungjawab (PTJ)	Bilangan MOU/MOA/Perundingan	Institusi Yang Terlibat
	2 (Perundingan)	Texchem Polymers Sdn. Bhd dan Teleflex Medical Sdn. Bhd.
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik	1	
CEDEC	6	IIUM, UTP dan MMU
Redac	9 (Perundingan)	UKM Pakarunding Sdn. Bhd., Glenmarie Properties Sdn. Bhd., DRB-HICOM Berhad, Housedale Development Berhad dan Majlis Daerah Lenggong.

6. 15 paten inovasi (masih menunggu status) dan 3 produk komersil telah berjaya dihasilkan berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 3 menunjukkan jumlah inovasi dan produk komersil yang dihasilkan secara perbandingan antara tahun 2010 dan 2011 yang menampakkan peningkatan yang amat membanggakan.

Jadual 3 Bilangan Inovasi & Produk Komersil

Inovasi	2010	2011
Paten inovasi (masih menunggu status)	8	15
Produk komersil	0	3

Tiga produk komersil yang dihasilkan adalah Alatan Kajian Biodegrasi Tanpa Wayar, *Wired Sensor Network* dan *Embedded System*.

7. Menganjurkan persidangan antarabangsa REDAC iaitu *3rd International Conference On Managing Rivers In The 21st Century: Sustainable Solutions For Global Crisis Of Flooding, Pollution And Water Scarcity. Rivers 2011*.

8. Program-program yang menjurus kepada 'Insaniversiti' tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Lebih 100 jenis program dijana oleh staf dan pelajar termasuk program sejahtera atau kesihatan untuk masyarakat setempat, kempen melestari dan menghargai alam sekitar, bantuan kemanusiaan, program rohaniah dan kebajikan, kempen hidup sejahtera, program meningkatkan pendapatan penduduk termiskin, program pendidikan untuk pelajar luar bandar, program untuk orang kelainan upaya (OKU), aktiviti yang bersifat prihatin terhadap kedaifan penduduk setempat dan sebagainya.

Menerusi Jadual 4, diperlihatkan beberapa program insaniah berimpak tinggi yang dijana oleh Kampus Kejuruteraan ke atas komuniti setempat.



Jadual 4 Program Insaniversiti Berimpak Tinggi

Program (PTJ)	Impak	Aktiviti Yang Dijalankan
Program Sejahtera Kampus Khidmat Masyarakat (Unit Kesihatan)	Hidup sejahtera-kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Khidmat masyarakat kepada ibu-ibu tunggal di Kepala Batas, Pulau Pinang. • Pemeriksaan Kesihatan Percuma di Taman Seri Tenggara, Parit Buntar dan Kampung Paya Kelubi, Pendang, Kedah. • Pengesanan awal penyakit dalam kalangan staf.
Lawatan dan Gotong-royong Motivasi (Pusat Islam)	Sumbangan dan kebajikan Membantu meningkatkan pencapaian pelajar sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan dan gotong-royong HELWA ke Rumah Raudhatus Sakinah, Relau, Kedah • Explorasi Insani di SMK Tinggi Bukit Mertajam
Jelajah Fakir Miskin (PPK Elektrik & Elektronik)	Sumbangan dan kebajikan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyumbang barangan keperluan dan wang tunai kepada golongan fakir dan ibu tunggal di Kampung Parit Haji Wahab, Parit Buntar.
Sosio ekonomi (PPK Bahan & Sumber Mineral)	Membantu meningkatkan sumber pendapatan golongan terkecambah	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel penanaman cili melalui kaedah fertigasi di Majlis Qaryah Seri Ampangan, Pulau Pinang. • Kursus teknik pembuatan seramik tanah liat kepada golongan kurang berkemampuan. • Kursus pemindahan teknologi ferosimen ke kampung-kampung.
Pengurusan Sisa Pertanian (CEDEC)	Mengurangkan pencemaran dan meningkatkan hasil pendapatan golongan pesawah/petani.	<ul style="list-style-type: none"> • Membina loji penukaran berpandukan teknologi penderia. • Program pemindahan ilmu Universiti-Komuniti.

9. Hasil ciptaan tenaga pakar Kampus Kejuruteraan yang dipertandingkan telah mendapat pengiktirafan sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa dengan meraih 6 anugerah di peringkat kebangsaan dan 20 anugerah di peringkat antarabangsa.

Cabaran

Sepanjang merealisasikan 'Insaniversiti: Transformasi Menginsani Universiti', terdapat beberapa cabaran yang dihadapi, antaranya:

1. Isu penempatan tenaga akademik 'baru' di PTJ yang bakal pulang setelah berjaya menamatkan pengajian masih berlarutan disebabkan kekurangan atau tiada lagi ruang penempatan untuk mereka.
2. Mengembalikan konsep pendidikan holistik yang tidak meminggirkan sama sekali falsafah dan pendidikan yang mempunyai nilai-nilai manusia dan kemanusiaan dalam proses pengajaran-pembelajarannya meskipun masih belum terserlah dan didominasi secara menyeluruh. Falsafah dan nilai-nilai manusia dan kemanusiaan hanya diterapkan dalam bentuk aktiviti-aktiviti tidak formal oleh staf dan pelajar dan dipraktikkan secara berkala.

Rumusan

Secara keseluruhannya, tahun 2011 memperlihatkan pencapaian yang signifikan dan berimpak tinggi yang dikecapi Kampus Kejuruteraan dalam memanipulasikan sumber-sumber sedia ada terutamanya sumber modal insannya dan tidak dinafikan juga kearifan penggerakannya menyusun strategi yang baik dalam satu mekanisme bertunjangkan 'Insaniversiti: Transformasi Menginsani Universiti'. Jelas sekali, tanpa mengabaikan falsafah dan norma-norma tradisi sesebuah universiti, Kampus Kejuruteraan terus berperanan dalam menambah nilainya sendiri bagi membangun bentuk pendidikan yang holistik dengan mengambil berat dan prihatin terhadap pengajaran-pembelajaran serta mendidik warganya dengan nilai-nilai insan dan insaniah. Isu-isu seperti jurang keseimbangan sosio ekonomi yang ketara, kemiskinan, perjuangan memartabatkan golongan terkecambah dan menambah baik kualiti hidup mereka, pemeliharaan alam sekitar, inovasi dan penemuan-penemuan baru terus dijana dan dipacu oleh Kampus Kejuruteraan agar sentiasa terkehadapan dan mendahului penyumbangan ke arah menjayakan transformasi pendidikan tinggi negara dan merealisasikan agenda Universiti di bawah program APEX.



fun for peace
creating a culture of peace

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA



BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Pengenalan

Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa telah menerajui proses penilaian semula semua program akademik yang ditawarkan sejajar dengan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dalam usaha memperkukuh asas sebuah universiti bertaraf APEX khususnya daripada segi pengajaran dan pembelajaran.

Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (BHEAA) dahulu dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA). Ia ditubuhkan pada awal 1978 di bawah pimpinan Timbalan Naib Canselor (Akademik) ketika itu, Dr. Sharom Ahmat. Pada tahun 2001, bahagian ini digabungkan dengan Unit Antarabangsa dan dikenali dengan namanya sekarang.

Fungsi

Bahagian ini berperanan dalam menentukan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM) melalui penggubalan, perancangan dan pelaksanaan dasar akademik. Usaha ini dilakukan untuk memastikan agar kualiti program, pengajaran dan pembelajaran di USM mencapai tahap dan sasaran yang ditetapkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Penggubalan, perancangan dan pelaksanaan dasar akademik ini merangkumi pengambilan pelajar, penawaran program baharu dan kerjasama akademik dengan institusi tempatan dan antarabangsa dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pengajaran serta pembelajaran di USM.

Sebagai sebuah universiti bertaraf APEX, BHEAA telah mempertingkatkan usaha pengantarabangsaan pelajar dengan memperkasakan pendidikan secara menyeluruh supaya dapat menghasilkan modal insan yang mempunyai nilai-nilai kemanusiaan untuk membantu golongan terkecuali (*bottom billions*) dan golongan kelainan upaya.

Misi

Misi BHEAA ialah menerajui inisiatif penggubalan dan perancangan dasar akademik demi meningkatkan kecemerlangan akademik dan penyebaran ilmu kepada masyarakat.

Objektif

- Menyediakan dan menggalakkan kerjasama akademik antara USM dengan institusi tempatan dan luar negara bagi meningkatkan peluang pendedahan yang berkesan kepada pelajar dan staf.
- Membangunkan program-program akademik dan kaedah pembelajaran untuk menggalakkan pelajar meneruskan pembelajaran sepanjang hayat.
- Menyelia dan memastikan kualiti program akademik, sistem pengajaran dan pembelajaran Universiti memenuhi tahap kualiti yang ditetapkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- Menghasilkan program-program akademik yang memenuhi visi dan misi Universiti serta aspirasi negara dan masyarakat; di samping memenuhi keperluan akreditasi negara dan antarabangsa.
- Memastikan program-program akademik yang ditawarkan oleh USM adalah sejajar dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara.
- Memantau dan menyelaras jaringan kerjasama Universiti dengan institusi-institusi antarabangsa serta memberikan pendedahan kepada staf dan pelajar universiti serta meningkatkan imej dan peranan Universiti dalam pengajian tinggi pada peringkat antarabangsa.

Aktiviti dan Pencapaian

Program Kerjasama Akademik dengan Institusi Luar

Pada tahun 2011, BHEAA telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu Exploring Leadership & Learning Theories In Asia Conference (ELLTA) pada 15 hingga 17 Februari 2011 yang melibatkan negara-negara di rantau Asia dan dihadiri lebih daripada 200 peserta. Selain itu, BHEAA juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Organisasi Jaringan Antarabangsa seperti:

- University Mobility in Asia and the Pacific (UMAP),
- The Consortium of Universities and the Cities,
- Asean University Network (AUN),
- Asia-Europe Hub (AEH),
- Southeast Asia and Taiwan Universities (SATU)
- International Association of Universities (IAU),
- Malaysia - Indonesia - Thailand (M-I-T) Program
- The International Association for the Exchange of Students for Technical Experience (IAESTE).

Selain itu, BHEAA telah menganjurkan satu bengkel anjuran bersama Institut Pengajian Siswazah dan Unit Latihan iaitu Bengkel Kepimpinan dalam Konteks International Familiarisation di Kompleks Cahaya pada 14 hingga 23 Oktober 2011. Bengkel ini telah disertai oleh 50 orang peserta yang terdiri daripada pelajar tempatan, pelajar antarabangsa dan staf. Tujuan bengkel tersebut adalah untuk memahami konsep dan isu utama yang berkaitan dengan komunikasi antara budaya yang berjaya dan memberi ganjaran, seperti silang budaya jenis kesopanan, mendengar, komunikasi dua hala, kejutan budaya, budaya konteks tinggi dan rendah serta sosiolinguistik.

Program Jangka Pendek

Pada tahun 2011, BHEAA melalui Pejabat Antarabangsa telah menerima kunjungan daripada beberapa universiti luar negara untuk program jangka pendek yang dikelolakan sepenuhnya oleh bahagian ini. Antaranya adalah seperti berikut:

Universiti Yang Terlibat	Pusat Pengajian Yang Terlibat	Nama Program	Jumlah Pelajar
Humboldt Universitat Zu Berlin Germany	P.Pengajian Sains Kemasyarakatan	Universiti Sains Malaysia – Humboldt Universität Zu Berlin Joint Summer School Programme	10
Nihon Fukushi University, Jepun	Pejabat Antarabangsa	2011 Nihon Fukushi University, Malaysia Study Programme	16
University of Victoria, Kanada	Pejabat Antarabangsa & P.Pengajian Sains Kajihayat	International Tropical Field School Programme	7
Keele University, UK	Pejabat Antarabangsa & P.Pengajian Sains Kajihayat	Rancangan Khas PMI (2) project	7
Ritsumeikan University, Jepun	Pejabat Antarabangsa	2011 Malaysia Study Programme	12
Yokohama City University, Jepun	Pejabat Antarabangsa	Yokohama City University – Exposure Program 2011	13

Skim Belajar Luar Negara / Program Mobiliti Pelajar


Seperti tahun-tahun sebelumnya, USM akan menghantar pelajar peringkat ijazah pertama ke universiti luar negara untuk pengajian selama satu semester di bawah Skim Belajar Luar Negara (SBLN). Skim ini melibatkan pemindahan kredit dan USM mempunyai panduan lengkap tentang tatacara pemindahan kredit ini. Skim ini terbuka kepada semua pelajar ijazah pertama di USM dan para pelajar lazimnya mengikuti pengajian di universiti luar negara pada tahun kedua pengajian di USM. Melalui Skim ini juga, USM telah menerima pelajar daripada universiti luar negara yang menjalin perjanjian pertukaran pelajar.

Melalui program ini seramai 100 orang pelajar telah dihantar ke 15 buah negara manakala 169 orang pelajar luar daripada 22 buah negara telah mengikuti pengajian di USM. Pertukaran pelajar ini telah melibatkan negara-negara seperti Austria, Kanada, Australia, Jepun, Perancis, Korea, Finland, Sweden, Amerika Syarikat, Taiwan, Thailand, Singapura, Indonesia, Jerman, Netherlands dan Mexico.




Jadual 1 Program Mobiliti Pelajar

Negara	Tahun	
	2010	2011
Australia	2	2
Austria	3	4
Belgium	0	1
Brunei	0	9
Kemboja	2	3
Kanada	3	24
Finland	7	46
Perancis	3	5
Jerman	8	5
Hong Kong	4	2
Indonesia	6	16
Iran	1	1
Jepun	2	2
Korea	7	8
Mexico	2	10
Netherlands	2	10
Pakistan	8	4
Filipina	1	0
Portugal	1	0
Sweden	3	3
Switzerland	2	8
Taiwan	1	1
Thailand	1	5
Amerika Syarikat	1	0
Jumlah Keseluruhan	70	169



Jadual 2 Skim Belajar Luar Negara

Negara	Pelajar	
	2010	2011
Australia	13	10
Austria	3	1
Finland	7	1
Hong Kong	4	0
Indonesia	4	5
Jepun	7	27
Jerman	6	5
Kanada	12	11
Korea	8	13
Mexico	0	1
Singapura	8	5
Sweden	0	4
Taiwan	0	7
Thailand	6	9
Amerika Syarikat	0	1
Jumlah	78	100



Graduan Program Kerjasama Akademik

Pada tahun 2011, sebanyak empat buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menjalankan kerjasama dengan USM dalam program perkongsian pintar yang dijalankan secara kawalselia/luaran. Bilangan graduan yang dihasilkan oleh program kerjasama akademik ini pada Konvokesyen ke-43 dan ke-44 ialah seramai 152 orang (Jadual 3)

Jadual 3 Graduan Program Kerjasama Akademik

IPTS	Program	Jumlah Pengijazahan	
		Tahun 2011	
		(Konvo Ke-43)	(Konvo Ke-44)
Stamford College	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer	-	1
Kolej Pengurusan ASTIN	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	1	62
Kolej Teknologi Pulau	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	23	19
	Ijazah Sarjana Muda Farmasi		16
KDU College, Penang	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	-	10
	Ijazah Sarjana Muda Komunikasi	6	17
Jumlah Keseluruhan		30	125

Syarah Umum Antarabangsa/Kebangsaan dan Pelantikan Profesor

Pada tahun 2011, sebanyak 3 syarahan umum antarabangsa dijalankan dan 9 siri syarahan umum pelantikan profesor telah dilaksanakan di USM oleh BHEAA.

Cabaran

Pada tahun ini, BHEAA menghadapi masalah pertukaran pelajar yang tidak seimbang untuk mengendalikan SBLN. Negara maju khususnya Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand kurang menerima pelajar kita untuk mengikuti program SBLN ini. Implikasinya, pelajar kita tidak mendapat manfaat daripada perjanjian program pertukaran ini. Hal ini terjadi disebabkan kos sara hidup yang tinggi dan tiada tawaran biasiswa daripada mana-mana pihak.

Rumusan

Kesimpulannya, program-program yang dilaksanakan oleh BHEAA merangkumi penggubalan, perancangan dan pelaksanaan dasar akademik serta penyemakan kurikulum. Tugas ini dijalankan bagi memastikan pendidikan secara menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran berteraskan kemahiran insaniah serta setiap maklumat kurikulum adalah berkualiti, terkini dan relevan.

Secara keseluruhannya, pencapaian BHEAA bagi tahun 2011 dalam melaksanakan program dan tugas telah memenuhi objektif bahagian yang selaras dengan keperluan Universiti.

Pencapaian BHEAA ini adalah hasil daripada asas yang diperkenalkan dan diperkukuhkan oleh usaha yang dilakukan bersama staf dan pelajar BHEAA dengan sokongan daripada pelbagai pihak termasuk pusat pengajian dan pusat tanggungjawab lain di USM serta jaringan dengan universiti luar negara.



USM reka papan pintar bantu atas-bosan belajar

USM telah membangunkan 'papan pintar' yang boleh membantu pelajar mengatasi masalah kebosanan semasa belajar. Papan pintar ini akan menampilkan gambar-gambar yang menarik dan interaktif untuk menarik perhatian pelajar semasa mereka belajar. Papan pintar ini akan membantu pelajar untuk memahami konsep-konsep yang sukar dengan lebih mudah. Papan pintar ini akan membantu pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan dan efisien.

USM terus pacu kecemerlangan

USM terus pacu kecemerlangan dengan pencapaian-pencapaian yang membanggakan. Universiti Sains Malaysia (USM) telah meraih beberapa anugerah dan pengiktirafan antarabangsa yang menunjukkan komitmen universiti ini terhadap kualiti dan inovasi. Pencapaian-pencapaian ini mencerminkan usaha berterusan USM untuk meningkatkan prestasi akademik dan penyelidikan.

USM temui kaedah jimat petroleum

USM telah menemui kaedah yang jimat petroleum. Penemuan ini adalah hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik USM. Kaedah ini menawarkan alternatif yang lebih mampan dan berkesan untuk mengurangkan penggunaan tenaga fosil. Penemuan ini diharapkan dapat memberi impak positif terhadap sektor tenaga dan alam sekitar.

USM is in the top 20

USM telah masuk dalam senarai 20 universiti terbaik di dunia. Pencapaian ini adalah bukti kepada kualiti akademik dan penyelidikan yang tinggi di USM. Universiti ini telah menunjukkan komitmen yang kuat terhadap kemajuan sains dan teknologi, serta keadilan sosial.

USM bangun program elak remaja bunuh diri

USM membangunkan program untuk elak remaja bunuh diri. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan remaja mengenai risiko bunuh diri. Melalui program ini, remaja diajar untuk menghadapi cabaran hidup dengan positif dan mencari bantuan jika diperlukan. Program ini juga menekankan kepentingan komunikasi terbuka dengan orang tua dan rakan-rakan.

Quality management award for USM faculty

USM telah menerima anugerah Quality Management Award untuk fakulti. Anugerah ini diberikan kepada fakulti yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam menguruskan kualiti proses pengajaran dan penyelidikan. Anugerah ini adalah pengiktirafan terhadap usaha berterusan fakulti untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada mahasiswa.

4 penyelidik USM diiktiraf

Terima pentauliah sebagai pakar dalam penelitian perubahan wajah untuk baca emosi seseorang. Empat penyelidik USM telah diiktirafkan dengan anugerah ini atas sumbangan mereka dalam bidang penyelidikan perubahan wajah. Penyelidikan ini bertujuan untuk memahami bagaimana perubahan wajah dapat mempengaruhi persepsi emosi seseorang.

Melioidosis dikesan cepat

USM berjaya mengesan melioidosis dengan cepat. Penemuan ini adalah hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik USM. Melioidosis adalah sejenis penyakit berjangkit yang boleh mengancam nyawa. Dengan mengesan penyakit ini dengan cepat, rawatan dapat diberikan lebih awal untuk mengelakkan komplikasi yang serius.

USM cipta kit kesan bakteria kolera

USM telah mencipta kit untuk kesan bakteria kolera. Kit ini adalah hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik USM. Kit ini digunakan untuk mengesan kehadiran bakteria kolera dalam sampel air. Kit ini menawarkan kaedah yang pantas dan mudah untuk mengesan penyakit ini, yang sangat penting untuk kawalan penyakit berjangkit.

USM bantu pelajar lanjut pengajian

USM membantu pelajar melanjutkan pengajian. Melalui program-program yang dijalankan, USM menyediakan bantuan kewangan dan akademik kepada pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian. Program-program ini bertujuan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan membina masa depan yang lebih cerah bagi mahasiswa.

USM hasil produk cegah barah pangkal rahim

USM telah menghasilkan produk untuk mencegah barah pangkal rahim. Produk ini adalah hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik USM. Produk ini menawarkan kaedah yang berkesan untuk mengurangkan risiko terkena barah pangkal rahim. Produk ini diharapkan dapat menyelamatkan banyak nyawa.

Penyelidik USM cipta alat penghubung golongan OKU

Penyelidik USM telah mencipta alat penghubung golongan OKU. Alat ini adalah hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik USM. Alat ini digunakan untuk membantu golongan OKU dalam berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain. Alat ini menawarkan kaedah yang mudah dan berkesan untuk meningkatkan kualiti hidup golongan OKU.

Group does USM proud

Group of students does USM proud with their achievements. A group of students from USM has achieved remarkable success in a national competition. Their hard work and dedication have earned them a top position, bringing pride to the university. This achievement is a testament to the quality of education and the talent of the students at USM.

ISSN 1675-1221



9 771675 122007

Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA

www.usm.my

USM perkasa konsep Insaniversiti

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong



BAHAGIAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR



BAHAGIAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Pengenalan

Insaniversiti adalah satu inspirasi yang dilahirkan demi mencapai hasrat masyarakat untuk melihat satu dimensi baru dalam pembangunan insan yang lebih dinamik. Universiti sebagai insitisi terulung dalam menjadi acuan pembentukan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai kemanusiaan. Pemulihan nilai-nilai kemanusiaan ini akan dapat dipupuk semula melalui pembinaan ruh dan karakter asal sesebuah Universiti. Nilai-nilai kemanusiaan penting untuk dimakmurkan kembali dalam Universiti kerana ia menjadi asas untuk mencorakkan kesempurnaan bagi pembangunan sesebuah organisasi dan juga negara. Fokus terhadap membawa balik nilai-nilai tersebut penting kerana konsep Universiti sebenarnya menekankan kepada pendidikan manusia dan kemanusiaan. Pendidikan yang tidak diterapkan dengan nilai-nilai kemanusiaan pada akhirnya

akan menyebabkan negara berada dalam kancah masa depan yang menyusahkan.

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, matlamat utama pendidikan Negara adalah untuk menghasilkan individu yang seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada tuhan. Oleh itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran harus difokuskan kepada pencapaian hasil psikomotor, afektif dan sosial.

Maka insaniversiti berfokuskan kepada memperkasakan teras pembinaan karakter Universiti dalam mentransformasi sifat kemanusiaan atas satu keperluan yang diterima pakai oleh semua pihak.

Peranan

Peranan BHEPP adalah sebagai pemangkin kepada usaha melahirkan individu yang boleh mencapai visi dan misi Universiti yang berstatus APEX. Untuk memastikan peranan ini dilaksanakan dengan lebih efektif dan komprehensif, BHEPP telah menfokuskan kepada dua bahagian iaitu Pembangunan Pelajar dan Perkhidmatan Pelajar.

Pembangunan Pelajar

1. Sektor Pembangunan Pelajar

Sektor Pembangunan Pelajar merupakan salah satu dari empat sektor utama BHEPP. Sektor Pembangunan Pelajar merupakan platform sokongan pembangunan modal insan selaras dengan status Universiti APEX. Fokus utama Universiti ini adalah melahirkan pemimpin masa depan melalui aktiviti-aktiviti di luar program pengajian. Aktiviti pembangunan pelajar akan memberi penekanan kepada pembentukan graduan yang holistik, kreatif dan inovatif serta memiliki sifat kepimpinan yang tinggi, bijak berkomunikasi, berbudi pekerti, berkecakapan dan memiliki sifat jati diri yang kental, peka kepada kelestarian, pintar bermasyarakat dan responsif kepada keadaan semasa dan masa depan. Secara umumnya, Sektor Pembangunan Pelajar memberi fokus kepada kepimpinan dan kemahiran insaniah sepanjang pengajian mereka di Universiti.

Visi

Mentransformasi dan melonjakkan potensi, bakat dan keunggulan personaliti siswa untuk kelestarian hari esok.

Misi

Memupuk ekosistem yang kondusif untuk perkhidmatan dan pembangunan siswa yang holistik berteraskan kepada pengayaan bakat, kelestarian kehidupan dan pengupayaan siswa berdaya saing.

Sejajar dengan falsafah Universiti yang salah satu daripadanya ialah untuk menghasilkan pemimpin masyarakat yang berkualiti, maka Universiti ini menggalakkan kegiatan-kegiatan di luar bidang akademik. Usaha gigih ke arah mencapai falsafah ini sedang dipergiatkan. Antara tujuan kegiatan luar ini ialah menanam perasaan tanggungjawab dan kualiti kepimpinan dalam kalangan pelajar melalui pengalaman mentadbir dan mengelola kegiatan-kegiatan pelajar melalui persatuan-persatuan dan kelab-kelab, menanam perasaan penuh kesedaran tentang perlunya tatasusila dan kewarganegaraan yang baik dengan cara bergiat menceburkan diri dalam projek-projek khidmat masyarakat, memupuk semangat penghargaan terhadap unsur-unsur kepimpinan sambil mengasah bakat dalam kalangan pelajar serta memupuk dan memelihara satu kesegaran mental dan fizikal dalam kalangan pelajar melalui pengelolaan aktiviti-aktiviti yang berbentuk rekreasi.

Aktiviti sepanjang tahun 2011 (Jadual 1.0) yang telah dijalankan mengikut 8 teras sebagaimana berikut:

Jadual 1 Statistik Bilangan Program dan Bilangan Penyertaan Pelajar Bagi Sidang Akademik 2011/2012

Kod	Teras	Bilangan Program		Bilangan Penyertaan	
		Bilangan Program	Peratus (%)	Bilangan Program	Peratus (%)
1	Reka Cipta dan Inovasi	14	4.6	850	3.6
2	Khidmat Masyarakat	28	9.3	1,559	6.6
3	Debat dan Pidato	4	1.3	181	0.8
4	Kesukarelawan	27	8.9	3,017	12.8
5	Keusahawanan	53	17.5	1,661	7.1
6	Kepimpinan	68	22.5	9,204	39.2
7	Kebudayaan	27	8.9	1,267	5.4
8	Sukan/Rekreasi	81	27.0	5,761	24.5
Jumlah		302	100.0	23,500	100

2. Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiyah Pelajar

Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiyah Pelajar telah mengukuhkan skop perkhidmatannya mencakupi tadbir urus program baharu, iaitu *Continuous Student Development* (Pembangunan Siswa/Siswi Berterusan) dan Program Pembangunan Keusahawanan Pelajar. Aktiviti telah disasarkan kepada pembentukan graduan yang holistik, kreatif, inovatif, memiliki sifat kepimpinan yang tinggi, bijak berkomunikasi, berbudi pekerti, berketerampilan dan memiliki sifat jati diri yang kental. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Program PIMPIN Siswa, PIMPIN Siswa Lanjutan dan Program Keusahawanan Siswa.

Program PIMPIN Siswa berkonsepkan 'Memastikan Kelestarian Hari Esok' dengan matlamat untuk melahirkan siswa/siswi yang cintakan Universiti dan negara, bersifat patriotis dan menghormati negara, memiliki jati diri dan daya ketahanan diri yang tinggi dan kemahiran insaniah yang mantap dan gemilang.

Program PIMPIN Siswa Lanjutan dirangka khas bagi memberikan peluang kepada siswa yang terpilih bagi mendapat dan meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang yang dikenalpasti oleh Universiti untuk diperkasakan. Program PIMPIN Siswa Lanjutan diperkenalkan untuk mengasah dan memperkayakan bakat sedia ada ke tahap yang lebih tinggi bagi menyediakan ruang dan peluang yang lebih besar kepada siswa untuk berkhidmat kepada masyarakat dan Negara selepas bergraduan. Bagi memperkasakan para siswa yang terpilih berteraskan penguasaan dalam ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk mempersiapkan graduan ke alam pekerjaan dan masyarakat beberapa konsep asas perlu diberi tumpuan iaitu daya kepimpinan, daya keusahawanan, sikap yakin diri dan keupayaan berpasukan/kendiri.

Program Keusahawanan Siswa memberi pendedahan awal kepada siswa dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Program Keusahawanan terdiri daripada Program Pembudayaan, Program Pengukuhan dan Program Pemantapan Keusahawanan.

Jadual 2 Aktiviti Sektor Pembinaan Sahsiyah Pelajar

Program	Penyertaan 2009	Penyertaan 2010	Penyertaan 2011
PIMPIN Siswa	3,088	2,635	3,607
PIMPIN Siswa Lanjutan	-	-	241
Program Keusahawanan	2,500	3,942	2,030

Perkhidmatan Pelajar

1. Sektor Kesejahteraan Pelajar

Sektor kesejahteraan pelajar merupakan satu sektor sokongan di bawah BHEPP. Sektor ini menawarkan beberapa perkhidmatan utama seperti :

- Perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi
- Perkhidmatan Kebajikan Pelajar
- Perkhidmatan Cuti Dengan Kebenaran
- Anugerah Pelajar

Selain itu, sektor ini juga turut menjalankan beberapa aktiviti sepanjang tahun 2011 seperti :

- Ekspo Kerjaya dan Pendidikan 2011
- Bantuan APEX : Sosioekonomi
- Bengkel Latihan Mentor Rakan Siswa
- Kajian Pengesanan Graduan
- Kajian Tahap Kemudahan dalam Perkhidmatan di Universiti Sains Malaysia
- Bengkel Pengurusan Stress
- Diskusi Sejahtera: bertajuk "Apa, Kenapa & Siapa ?"
- Program Pendidikan Pencegahan Dadah


1.1 Perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi

Perkhidmatan kaunseling dan psikologi merupakan perkhidmatan utama yang dijalankan oleh Sektor Kesejahteraan Pelajar. Perkhidmatan ini terdiri daripada perkhidmatan kaunseling, psikologi serta bimbingan. Secara kebiasaannya, pelajar akan mendapatkan perkhidmatan ini secara sukarela mahupun dirujuk oleh PTJ lain.

Selain itu juga, sektor ini menjalankan ujian psikometrik kepada pelajar. Ujian ini merangkumi Inventori Profil Personaliti, Ujian Stres dan Ujian Minat Kerjaya.

Jadual dibawah menerangkan laporan mengenai perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang diberikan kepada pelajar bagi tahun 2011.

Carta 1 Laporan Kaunseling dan Psikologi



1.2 Perkhidmatan Kebajikan Pelajar

Perkhidmatan kebajikan pelajar merangkumi pengurusan tahap kebajikan yang melibatkan khairat kematian, bantuan kepada pelajar OKU, pembelian peralatan rawatan dan pembedahan, bantuan pembelian alat sokongan dan bantuan wang ihsan kepada pelajar yang memerlukan.

Jadual dibawah menerangkan bantuan yang telah di salurkan kepada pelajar bagi tahun 2011.

Jadual 3 Laporan Tabung Kebajikan Pelajar

Perkhidmatan	Bil.Pelajar	Jumlah (RM)
Bantuan Khairat Kematian	37	35,172.92
Bantuan Alat Sokongan	0	-
Bantuan Wang Ihsan	13	2,460.00
Bantuan Rawatan dan Pembedahan	7	36,122.00
Jumlah	87	42,099.92

Selain daripada bantuan Tabung Kebajikan Pelajar, Insentif Sosioekonomi melalui peruntukan APEX 2011 telah menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dengan kadar sumbangan RM 500.00 secara 'one-off' kepada pelajar yang layak. Jadual di bawah merupakan laporan bantuan yang telah disalurkan.

Jadual 4 Laporan Bantuan Tabung Intensif Sosioekonomi Bagi Tahun 2011

Fasa	Bilangan Pelajar
Fasa 1	242
Fasa 2	352
Jumlah	594

1.3 Perkhidmatan Cuti Dengan Kebenaran

Perkhidmatan cuti dengan kebenaran merupakan perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar yang mempunyai masalah untuk meneruskan pengajian dalam tempoh yang lama disebabkan oleh masalah peribadi, kesihatan dan juga kes-kes khas. Pelajar yang ingin mengambil cuti dengan kebenaran dikehendaki menjalani sesi kaunseling terlebih dahulu untuk mengenalpasti punca dan sebab permohonan. Jadual dibawah menerangkan laporan cuti dengan kebenaran bagi tahun 2011.

Jadual 5 Laporan Cuti Dengan Kebenaran (CDK)

Jenis Kes	Bil. Pelajar
Masalah Kesihatan	35
Masalah Bukan Kesihatan	100
Jumlah	135

1.4 Anugerah Pelajar

Anugerah pelajar merupakan satu bentuk penghargaan Universiti kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya dalam akademik dan kokurikulum. Pemberian anugerah adalah mengikut beberapa kriteria dan jenis pingat dan hadiah yang ditawarkan. Jadual dibawah melaporkan pemberian anugerah yang telah dijalankan bagi tahun 2011 sempena majlis Konvokesyen yang ke-44.

Jadual 6 Laporan Anugerah Pelajar

Jenis Anugerah	Bilangan
Pingat Khas	5
Pingat Emas Am (Pasca Siswazah)	9
Pingat Emas Am (Sarjana Muda)	51
Hadiah Buku (Pasca Siswazah)	1
Hadiah Buku (Sarjana Muda)	22
Hadiah Untuk Penyelidikan	1
Hadiah Kepujian	51
Jumlah	140

**1.5 Kajian Pengesanan Graduan**

Kajian pengesanan graduan adalah kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama USM bagi mendapatkan maklumbalas pelajar mengenai tahap kebolehpasaran pelajar, kualiti kursus yang ditawarkan, latihan dan perkhidmatan yang diberikan serta prasarana yang disediakan bagi kemudahan siswazah. Kajian ini dijalankan ketika majlis konvokesyen iaitu pada Mac dan September. Graduan USM pada tahun 2011 ialah seramai 6,285. Dari jumlah ini, 86% (5,406) graduan telah melibatkan diri dengan kajian tersebut. Rujuk jadual di bawah bagi status responden yang mendapat pekerjaan dan melanjutkan pelajaran dalam tempoh 4 bulan selepas bergraduan.

1.6 Kajian Tahap Kemudahan dan Perkhidmatan di USM

Kajian ini dijalankan setiap tahun ketika majlis konvokesyen pada bulan Mac dan September. Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada graduan mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan di USM. Pada tahun 2011, 4,733 (75.3%) graduan telah melibatkan diri dengan kajian tersebut. Berikut merupakan tahap kepuasan pelajar secara keseluruhan terhadap kemudahan yang disediakan di Universiti.

Jadual 8 Kajian Tahap Kemudahan dan Perkhidmatan di USM

		Kemudahan Pelajar		
		Kesejahteraan	Pembangunan	Perkhidmatan
Sangat Memuaskan	Bil.	664	618	629
	%	14.03	13.06	13.29
Memuaskan	Bil.	2,925	2,810	2,794
	%	61.8	59.37	59.03
Sederhana	Bil.	956	1,031	1,064
	%	20.2	21.78	22.48
Kurang Memuaskan	Bil.	82	121	123
	%	1.73	2.56	2.6
Tidak Memuaskan	Bil.	37	39	45
	%	0.78	0.82	0.95
Tidak Berkenaan	Bil.	69	114	78
	%	1.46	2.41	1.65
Jumlah	Bil.	4,733	4,733	4,733
	%	100.0	100.0	100.0

Jadual 7 Kajian Pengesanan Graduan

	Bilangan	Peratus (%)	Peratus (%) Keseluruhan
Bekerja	3314	61.3	79.8
Melanjutkan Pengajian	416	7.7	
Meningkatkan Kemahiran	33	0.6	
Menunggu Penempatan	552	10.2	
Belum Bekerja	1091	20.2	20.2
Jumlah	5406	100.0	100.0

1.7 Aktiviti-aktiviti Sektor Kesejahteraan Pelajar di bawah peruntukan APEX

Sektor Kesejahteraan Pelajar telah menjalankan beberapa program perkembangan dan pembangunan pelajar sepanjang tahun 2011. Berikut merupakan jadual yang menerangkan program-program yang telah berjaya dilaksanakan:

Jadual 9 Program Perkembangan dan Pembangunan Pelajar

Program	Bil. Pelajar
Bengkel Latihan Mentor Rakan Siswa Siri 1	67
Bengkel Latihan Mentor Rakan Siswa Siri 2	74
Bengkel Latihan Mentor Rakan Siswa Siri 3	65
Bengkel Latihan Mentor Rakan Siswa Siri 4	69
Bengkel Pengurusan Stress Siri 1	60
Bengkel Pengurusan Stress Siri 2	126
Diskusi Sejahtera Transgender: Apa, Kenapa & Siapa ?	104
Kem Mahasiswa Bebas Dadah	54
Konvensyen dan Pelancaran Sekretariat Mentor Rakan Siswa	156
Jumlah	775

Lain-lain Aktiviti

Sektor Kesejahteraan Pelajar juga menjalankan aktiviti secara bekerjasama dengan Sektor Perkhidmatan Pelajar. Kerjasama ini melibatkan aktiviti berkaitan kerjaya dan kebolehpasaran graduan. Butiran dibawah menjelaskan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2011:

Jadual 10

Program	Bil. Pelajar
Ekspo Kerjaya dan Pendidikan 2011	
i. Pameran Kerjaya	4,165
ii. Syarikat (Bilangan Syarikat: 52 buah)	
Jumlah	4,165

2. Sektor Perkhidmatan Pelajar

Sektor Perkhidmatan Pelajar terdiri dari Unit Kerjaya, Unit Tajaan, Unit Perhubungan Pelajar Antarabangsa dan Unit Perumahan dan Peninginapan Universiti.

Unit Kerjaya bertanggungjawab untuk memberikan panduan berkaitan kerjaya serta mengadakan aktiviti berkala seperti seminar, ekspo kerjaya, **program kebolehpasaran graduan** dan sesi taklimat.

Aktiviti	Bil. Pelajar
Ekspo Kerjaya dan Pendidikan 2011	
a) Ceramah Kerjaya	899
b) Mock Interview (Latihan Temuduga)	135
Bengkel/Seminar/Aktiviti Kebolehpasaran Graduan 2011	
Induk	5,204
Kejuruteraan	985
Kesihatan	577
Ekspo Kerjaya dan Pendidikan 2011 Kampus Kejuruteraan	
a) Pameran Kerjaya	60 syarikat 3,000 (anggaran)
b) Temuduga Terbuka	30 syarikat 2,000 (anggaran)
Jumlah Keseluruhan	12,800

Unit Tajaan bertanggungjawab dalam urusan kewangan pelajar seperti biasiswa dan pinjaman. Unit ini memberikan maklumat dan menyelaraskan urusan berkaitan penajaan dan membantu dalam masalah kewangan pengajian serta permohonan rayuan pendaftaran pelajar. Jadual 12 menunjukkan bilangan pelajar yang mendapat penajaan sepanjang tahun 2011.

Jadual 12 Tawaran Biasiswa/Pinjaman Pelajar 2011

Penaja	Kampus Induk	Kampus Kejuruteraan	Kampus Kesihatan	Jumlah Pelajar
	Bil. Pelajar	Bil. Pelajar	Bil. Pelajar	Bil. Pelajar
Badan Kerajaan & Berkanun	1,172	689	1,024	2,885
PTPTN	6,096	1,013	402	7,511
Kerajaan/Yayasan Negeri	109	58	9	176
Badan Swasta	108	47	12	167
Jumlah	7,485	1,807	1,447	10,739

Unit Perhubungan Pelajar Antarabangsa pula menguruskan hal ehwal pelajar dari luar negara seperti insuran dan kesihatan.

Unit Penginapan dan Perumahan Universiti menguruskan penginapan pelajar termasuk kafeteria dan premis perniagaan untuk kemudahan pelajar. Prestasi dan mutu perkhidmatan yang disediakan ini sentiasa dipantau oleh jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh BHEPP.



Jadual 13 Kemudahan Penginapan

Kampus	Desasiswa	Jumlah Keseluruhan	Jumlah Tempat		Jumlah Menginap		Jumlah Kekosongan	
			Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Induk	Aman Damai	1,066	252	814	202	738	50	76
	Bakti Permai	334	167	167	147	148	20	19
	Cahaya Gemilang	645	292	353	261	329	31	24
	Fajar Harapan	652	294	358	258	338	36	20
	Indah Kembara	904	226	678	181	598	45	80
	Restu	1,829	796	1,033	726	1,030	70	3
	Saujana	1,746	-	1,746	-	1,694	-	52
	Tekun	1,663	764	899	663	853	101	46
	Jumlah	8,839	2,791	6,048	2,438	5,728	353	320
	Unit Kediaman Transit	26		26		26		26
	Rumah Antarabangsa	242	-	242	-	241	-	1
Kejuruteraan	Jaya	1,176	846	330	821	324	25	6
	Lembaran	1,069	360	709	259	634	101	75
	Jumlah	2,245	1,206	1,039	1,080	958	126	81
Kesihatan	Murni	1,053	195	858	186	835	9	23
	Nurani	1,212	414	798	366	793	48	5
	Jumlah	2,265	609	1,656	552	1,628	57	28
			13,349		12,384		965	

3. Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar

Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar (U3P) merupakan sebuah unit perkhidmatan yang diwujudkan di bawah BHEPP. Unit ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan khusus untuk para pelajar di kampus.

Antaranya ialah menyediakan perkhidmatan kaunseling akademik dan konsultasi kepada pelajar; merancang, menyelaras dan melaksanakan kursus, bengkel, latihan pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar dan menjalankan konsultasi pengurusan dan perancangan kepada kelab/persatuan.

U3P lebih menfokuskan kepada pelajar yang mempunyai masalah dalam pencapaian akademik. Bagi membantu pelajar tersebut ke tahap aktif U3P telah merancang program Sistem Intervensi Akademik Pelajar (SIAP). U3P membantu pelajar dengan mengadakan beberapa modul seperti berikut:

Modul Sistem Intervensi Akademik Pelajar (SIAP)

1. Modul 1: Asas Buku Panduan
2. Modul 2 : Penyusunan Kursus
3. Modul 3 : Tugas (laporan makmal/kualiti tugas)
4. Modul 4 : Penggunaan IT dalam mencari bahan akademik
5. Modul 5 : Persediaan Peperiksaan

6. Modul 6 (i) : Pengurusan Masa
7. Modul 6 (ii) : Pengurusan Stres
8. Modul 6 (iii) : Pembentukan Objektif dan Prioriti
9. Modul 6 (iv) : Potensi Diri

Pencapaian menunjukkan status pelajar percubaan semakin berkurangan dan masalah-masalah pelajar dapat diatasi berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan.

Selain itu U3P juga menganjurkan Program Penghayatan Lestari Akademik untuk pelajar baru. Program ini berkonsepkan adaptasi pengajaran dan pembelajaran semasa di Universiti agar pelajar tidak mendapat status percubaan.

Pada tahun 2011 U3P telah menjadi sekretariat Persidangan Serantau Kearifan Tempatan (RCLK). Kearifan Tempatan atau dikenali sebagai “*Local Knowledge*” adalah program penyelidikan mengenai Ilmu tempatan di Malaysia. Persidangan tersebut telah mendapat sambutan dengan kehadiran dari pelbagai Universiti Tempatan dan beberapa Universiti Antarabangsa. Seramai 120 pembentang telah menghadiri persidangan yang di adakan di Kg. Tok Senik Resort, Pulau Langkawi termasuk 40 orang pelajar USM yang membentangkan kertas kerja.

Jadual 14 Aktiviti Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar

Jenis Aktiviti	2010		2011	
	Bilangan Aktiviti	Bilangan Peserta	Bilangan Aktiviti	Bilangan Peserta
Bengkel Akademik	9	277	7	394
Program	8	2,197	10	2,299
Seminar	2	101	1	20
Persidangan	-	-	1	120
Jumlah	6	2,575	19	2,833



4. Pencapaian dan Penyertaan Pelajar

Berikut adalah pencapaian pelajar yang telah dicapai sepanjang tahun 2011. Pencapaian ini merangkumi pencapaian pelajar di peringkat antarabangsa dan kebangsaan:

Jadual 15

Perkara	Bilangan Program
Anugerah	3
Lawatan Dalam Negara	1
Baktisiswa / Khidmat Masyarakat	27
Persidangan	15
Bengkel	17
Penyelidikan	8
Program Sukarelawan	10
Lawatan Luar Negara	14

5. Pusat Sukan dan Rekreasi

Pusat Sukan dan Rekreasi berperanan dalam pembangunan sukan dan atlet serta pembangunan sahsiah siswa-siswi USM. Sepanjang tempoh 2011, ketiga-tiga kampus telah memainkan peranan penting sehingga berjaya memacu kecemerlangan pengurusan sukan dan melonjakkan imej Universiti.

Pusat ini juga telah menambahbaik perancangan program dengan mewujudkan sektor pembangunan sukan wanita dan mengemaskini pelaksanaan Program Warga Sukan, Program Kesukarelawan Pelajar dan Program Pemantapan Pengurusan Acara dari peringkat kebangsaan ke peringkat antarabangsa. Setakat ini sebanyak 66 pelajar sedang mengikuti pelajaran di bawah program warga sukan. Manakala Program Pemantapan Pengurusan Acara melibatkan dua kursus pada peringkat 100 dan 200 telah ditawarkan sebagai matapelajaran ko-kurikulum berunit untuk penganugerahan ijazah pertama mulai semester I 2011/2012. Jadual 17 menunjukkan bilangan aktiviti dan sukarelawan yang terlibat dalam setiap program, manakala Jadual 18 adalah kejayaan dalam aktiviti sukan

yang dianjurkan oleh Pusat Sukan dan Rekreasi dan Jadual 19 adalah Kejayaan dalam Aktiviti Sukan (Luar Negara) (Januari–Disember 2011).

Jadual 16 Aktiviti dan Bilangan Sukarelawan yang Terlibat

Program/Aktiviti	Sukarelawan
Pesta Hoki USM–Penang International	300
Pesta Bola Jaring USM–Penang	300
1 st Asian Invitational Netball Championships	150
Sukan Antara Desasiswa (SUKAD)	1,500
Temasya Olahraga Tahunan	3,000
Program Rekreasi	200
USM Open Relay	30
Majlis Anugerah Sukan	150
Perasmian Cycling Though Life	300
Kampus Walkrobik	3,000
Cycling through Life Round Penang Island	400
Kejohanan Pusat Kecemerlangan Sukan	50
Renang (PKS)–aged group	130
IMT–GT	130
Sukan Pantai	10
Kejohanan Kebangsaan Memanah Kota Kinabalu	8
Basketball PSDC	8
Futsal liga IRT	14
Kejohanan Utama MASUM	500
Minggu Suaikenal	80
Berakit Sungai Perak	80
Projek Gotong Royong Taman Rekreasi	500

Jadual 17 Kejayaan dalam Acara Sukan Dalam Negara
(Januari–Disember 2011)

Acara Sukan	Pencapaian
Kejohanan SIPMA 2011	12 Orang atlet USM Bola Sepak – Johan (2 orang) Olahraga – 3 orang Renang – 1 perak 4 gangsa Hoki (L) – Johan (1 orang) Hoki (W) – (2 orang)
USM International taekwando Fiesta 2011, UMS, SABAH	2 Gangsa
Karnival Sukan MASUM	Mencapai sasaran dengan 10 Emas, 16 Perak dan 22 Gangsa. Kedudukan ke-5 dalam MASUM. Sidang lepas berada di kedudukan ke-10 keseluruhan dengan 4 Emas, 8 Perak dan 8 Gangsa.
MASUM Siri 1 (UIA)	Ragbi – kumpulan Sepaktakraw – Separuh Akhir Taekwando – 2 Emas, 3 Gangsa
MASUM Siri II (UTM)	Ragbi – kumpulan Sepaktakraw – Kumpulan Taekwando – 3 Perak, 3 Gangsa
MASUM Siri III (UMS)	Taekwando – 4 Emas, 4 Gangsa
Liga Bola Sepak IPT	Naib Johan – Peringkat Zon Utara. Layak ke pusingan zon akhir

Liga Futsal IPTA 2011	Sirkuit 1 – UUM Lelaki – peringkat kumpulan Wanita – ketiga Sirkuit 2 – UIAM Wanita – ketiga. Pasukan wanita layak ke pusingan akhir akan berlangsung pada November 2011.
Karnival Sukan Air–MASUM 2011	1 PERAK
Karnival Bola Jaring MASUM Divisyen 1	Tempat Ke-8
Kejohanan Ping Pong IPT 2011, Piala Timbalan Menteri Pengajian Tinggi	Kedudukan Pasukan Campuran 16/60
Kejohanan Olahraga Terbuka Pulau Pinang 2011	2 Emas, 5 Perak, 1 Gangsa
Kejohanan Olahraga Terbuka Kedah 2011	1 Emas, 1 Gangsa
Kejohanan Swimathon, Kapas Marang, Terengganu 2011	No. 1 dan No. 8
47 th PASA–PKS–USM Swimming Championship 2011	5 Emas, 8 Perak
Kejohanan Bola Baling 1 Malaysia Perlis 2011	Peringkat Kumpulan
USM Open Relay 2011	4 Emas, 8 Perak
Pesta Bola Jaring USM–Penang International	Bola Jaring (L) – Tempat ke-3 Bola Jaring (W) – Tempat ke-2
1 st Asian Invitational Netball Championships	Tempat ke-3
Varsity Boat Race	1 Perak
Bola Keranjang 3 On 3 (UMP)	1 johan, 1 Naib Johan
Futsal GP Final (UIA)	Suku Akhir
Sukan Pantai MASUM–Port Dickson	2 Perak
Kejohanan Kebangsaan Memanah Sabah	Suku akhir
PSDC Basketball 3 on 3	Johan
Kejohanan Renang PKS 2011	5 Emas 7 Perak 6 Gangsa
Open Equestrian International Championships	1 Emas

Jadual 18 Kejayaan dalam Aktiviti Sukan (Luar Negara)
(Januari – Disember 2011)

Program/ Aktiviti	Peringkat Pencapaian
World Universiti Games, Shenzhen, China 2011	Looi Xin Hao, mewakili Malaysia dalam Sukan Catur
Sea Games – Indonesia	3 Emas – Mandy Yup 1 Gangsa – Lin Cheu Wei (karatedo)
13 th IMT-GT, Medan	3 Emas, 1 Gangsa (Johan Keseluruhan)

Cabaran

- i. Mewujudkan sistem dan mekanisma yang efektif untuk menguruskan aktiviti pelajar yang semakin bertambah dari semasa ke semasa;
- ii. Menguruskan sumber tenaga kerja dan masa kerja dengan betul;
- iii. Memenuhi keperluan semasa pelajar yang semakin meningkat;
- iv. Memastikan aktiviti pembangunan pelajar selaras dengan hasrat universiti;
- v. Melahirkan bakal graduan yang mampu memenuhi keperluan dan kehendak pasaran kerja;
- vi. Mengurangkan kerenah birokrasi untuk meningkatkan tadbir urus yang cekap; dan
- vii. Memastikan tuntutan dan kehendak pelajar bersesuaian dengan pembangunan pelajar yang kondusif dan sistematik dapat dipenuhi.

Rumusan

Secara keseluruhannya, pencapaian BHEPP bagi tahun 2011 telah membantu untuk menginsankan Universiti melalui pelaksanaan program dan peningkatan perkhidmatan untuk pelajar. BHEPP juga telah menjadi perintis kepada beberapa program utama seperti PIMPIN Siswa, Dewan Perundingan Pelajar dan Program Kelestarian. BHEPP akan terus menjadi pemangkin dalam usaha melahirkan individu cemerlang.









fun for peace
creating a culture of peace

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

PENYELIDIKAN DAN INOVASI



Pengenalan

Universiti Sains Malaysia (USM) dikenali kerana kekuatannya dalam bidang sains fundamental dan sains gunaan, kajian penterjemahan dan perkhidmatan. Selain itu kehebatannya juga terserlah dalam bidang seni, budaya dan warisan. Teras utama Universiti sehingga kini masih lagi kekal iaitu aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perundingan yang berkait secara langsung terhadap kemajuan pembangunan sumber manusia, pembinaan keupayaan ilmu pengetahuan dan persaingan industri.

Selaras dengan Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX) dan statusnya sebagai Universiti Penyelidikan, aktiviti penyelidikan di USM mempunyai kelainan dan keunikannya yang tersendiri. Keutamaan diberikan kepada penyelidikan yang mempunyai impak terhadap masyarakat dan menyediakan penyelesaian atau keperluan masyarakat terbiar yang juga dikenali sebagai masyarakat terkebawah selari dengan tema amanat tahunan Naib Canselor USM 2011 "INSANIVERSITI: Transformasi Menginsani Universiti". Bahagian yang bertanggungjawab terhadap pengurusan penyelidikan dan inovasi ini ialah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (P&I) USM.

Walaupun banyak penumpuan diberikan terhadap sains, teknologi dan persekitaran, Universiti juga tidak mengabaikan kepentingan bidang seni. Perkara ini dibuktikan melalui penubuhan Science and Arts Innovation Space (SAINS@USM) yang bakal menempatkan institut penyelidikan baru, pusat dan unit-unit penyelidikan dengan mengambil kira keperluan dalam bidang seni. Entiti penyelidikan ini bertujuan menghasilkan pusat kecemerlangan akademik, bakat penyelidikan dan gabungan

kepakaran daripada pelbagai disiplin dalam Universiti sejajar dengan usaha menggalakkan penyelidikan transdisiplin.

Penyelidikan USM diselaraskan melalui tujuh pelantar penyelidikan:

- i. Biomedikal dan Sains Kesihatan
- ii. Sains Fundamental
- iii. Transformasi Sosial
- iv. Sains Hayat
- v. Kejuruteraan & Teknologi
- vi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- vii. Sains Klinikal

Terdapat 26 pusat pengajian dan 16 pusat kecemerlangan (CoE) di empat buah kampus USM yang menerajui penyelidikan dan inovasi ke arah pelbagai bidang kecemerlangan. Dua daripadanya merupakan HiCoE, iaitu Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM), dan Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan. Antara tumpuannya ialah kesihatan, kitar-semula sisa buangan kepada barangan bernilai, menyediakan tenaga alternatif, teknologi hijau, sains otak, pemeliharaan persekitaran dan lain-lain lagi.

Penglibatan dan penerokaan USM dalam kerja-kerja penyelidikan ini telah menghasilkan kejayaan yang membanggakan melalui penerimaan anugerah dan sanjungan/kemenangan dalam pelbagai pertandingan/pameran tempatan serta antarabangsa.

Antaranya ialah *Exhibition Invention New Techniques*, Ekspo Teknologi Malaysia, *International Exhibition of Invention New Techniques & Products* (Geneva), *International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition* (ITEX) dan PECEIPTA.

Tugas Pejabat Inovasi ialah mentadbir dan menguruskan hak harta intelek USM dan produk inovasi serta aset yang dijana secara berterusan oleh penyelidik. Selain itu ia berperanan membina hubungan antara penyelidik USM dengan penyelidik luar. Pejabat Inovasi juga bertindak sebagai sayap perniagaan menerusi penglibatan secara langsung terhadap industri dengan menyediakan saluran dan proses komunikasi yang berkaitan.

Melalui penubuhan anak syarikatnya, USAINS Holding Sdn Bhd (USAINS), USM menjadi pusat rujukan yang penting untuk industri. USAINS menyediakan perkhidmatan perundingan, kontrak penyelidikan, inisiatif pembangunan penyelidikan bersama, peningkatan profesional, sewaan tempat Penyelidikan & Inovasi (P&I) serta akses kepada kemudahan makmal dan peralatan penyelidikan.

Dalam melaksanakan penyelidikan dan inovasi ke arah meningkatkan ekonomi baharu, bahagian ini tidak lagi mampu untuk mempunyai mentaliti kawan. Penyelidikan perlu dilakukan dengan satu perbezaan – *Performing Research Excellence with Soul. Brains – Bussiness – Humanity.*

Aktiviti Penyelidikan dan Inovasi

Penglibatan USM dalam pameran-pameran penyelidikan merupakan usaha Universiti untuk mencari dan membina rangkaian usaha sama dengan industri tempatan dan luar negara, individu usahawan dan mereka yang berminat dengan hasil penyelidikan. Usaha ini selain dapat diketahui masyarakat untuk dimanfaatkan juga bertujuan mempromosikan produk penyelidikan USM ke seantero dunia.

Sepanjang tahun 2011, terdapat banyak aktiviti penyelidikan dan yang berkaitan telah dilaksanakan. Aktiviti seperti seminar/bengkel/simposium/jerayawara dan penawaran/penyediaan geran penyelidikan telah dilaksanakan melalui pelantar penyelidikan. Bengkel Pemantauan Geran Universiti Penyelidikan pula telah dilaksanakan untuk memantau *output* dan perkembangan projek penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.

Projek Penyelidikan

Pada tahun 2011, sebanyak 3,643 projek penyelidikan dilaksanakan oleh para penyelidik USM (projek aktif dalam tempoh 2011). Projek-projek tersebut ialah:

- i. 22 projek *Intensification of Research in Priority Areas* (IRPA),
- ii. 1,155 projek USM Jangka Pendek,
- iii. 545 projek *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS),
- iv. 518 projek penyelidikan agensi luar,
- v. 2 projek *The Scientific Advancement Grant Allocation* (SAGA),
- vi. 33 projek *SCIENCEFUND*,
- vii. 664 projek Insentif dan
- viii. 651 projek Geran Universiti Penyelidikan (RU).

Sejajar dengan tema “**INSANIVERSITI: Transformasi Menginsani Universiti**”, USM melalui Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (P&I) telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai Universiti Penyelidikan dengan menerima beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) dan agensi berkaitan dalam perkongsian amalan yang boleh meningkatkan kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi. Antaranya adalah seperti berikut :

- Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)
- Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
- Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- Pegawai-pegawai Sains, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)


Pada tahun 2011 juga, Universiti telah memperkasakan aktiviti Geran Universiti Penyelidikan Individu (RUI), Geran Universiti Penyelidikan Pasukan (RUT) dan Geran Universiti Penyelidikan Kluster (RUC) bagi memastikan kualiti dan daya saing yang tinggi pada persaingan yang lebih kompetitif khususnya pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pemeraksanaan aktiviti Geran Universiti Penyelidikan (RU) telah berjaya menggalakkan aktiviti penyelidikan transdisiplin bukan sahaja antara Pusat Tanggungjawab (PTJ) di USM malah melibatkan agensi luar seperti IPTA, IPTS, industri dan lain-lain.

Impak pemeraksanaan Geran RU ini boleh dilihat melalui pencapaian yang membanggakan oleh penyelidik USM yang berjaya mendapatkan geran penyelidikan pada peringkat kebangsaan seperti *Fundamental Research Grants Scheme* (FRGS), *Exploratory Research Grants Scheme* (ERGS), *Long Term Research Grants Scheme* (LRGS) dan *Prototype Research Grants Scheme* (PRGS-KPT).

Sebanyak 651 projek geran RU adalah terdiri daripada 634 projek RUI, 11 projek RUT dan 6 projek RUC. Tahun 2011 juga telah menonjolkan keupayaan penyelidik USM bersaing secara kompetitif pada peringkat kebangsaan dengan berjaya mendapatkan 45 projek *Exploratory Research Grants Scheme* (ERGS), tiga projek *Prototype Research Grants Scheme* (PRGS-KPT) dan 3 projek *Long Term Research Grants Scheme* (LRGS).

Jumlah projek penyelidikan tahun 2011 telah meningkat kepada 3643 projek berbanding jumlah projek penyelidikan pada tahun 2010, iaitu sebanyak 3,329 projek. Peningkatan ini adalah hasil inisiatif pembudayaan dan pemeraksanaan aktiviti penyelidikan di USM.

Carta 1 Projek Penyelidikan Tahun 2010 dan 2012



Peruntukan Geran Penyelidikan

Agihan peruntukan tahunan yang telah diluluskan untuk projek penyelidikan bagi staf USM pada tahun 2011 ialah RM89,217,011.08 berbanding RM46,140,452.99 pada tahun 2010 (Jadual 1), dengan peningkatan sebanyak RM43,076,558.09 (93%). Peningkatan peruntukan ini adalah hasil keupayaan penyelidik USM mendapatkan geran penyelidikan daripada agensi luar serta KPT selepas berjaya melalui proses pemilihan kompetitif daripada permohonan seluruh negara. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 909 projek baharu dan 382 projek sambungan.

Jadual 1 Peruntukan Geran Yang Diluluskan (RM) bagi Tahun 2010 dan 2011

Jenis Geran	2010		2011	
	Bilangan Projek	Peruntukan Geran (RM)	Bilangan Projek	Peruntukan Geran (RM)
Universiti Penyelidikan	349	24,107,530.42	382	42,708,044.16
Agensi Luar	126	12,024,154.62	145	18,422,866.98
USM Jangka Pendek	331	6,219,619.95	405	8,251,307.04
Insentif	215	1,075,000.00	167	835,000.00
SCIENCEFUND	16	1,194,018.00	10	769,587.00
FRGS	50	1,520,130.00	129	6,927,106.00
ERGS	-	-	45	2,590,377.50
PRGS	-	-	4	712,722.40
LRGS	-	-	4	8,000,000.00
Jumlah	1,087	46,140,452.99	1,291	89,217,011.08

Sebanyak RM3,444,916.05 juga diperuntukan pada tahun 2011 untuk membiayai projek penyelidikan oleh pelajar siswazah melalui *Postgraduate Research Grant Scheme (PRGS)* bagi 402 projek baharu dan 556 projek sambungan.

Pencapaian

Kehebatan penyelidikan USM juga dibuktikan melalui kejayaan dalam pameran penyelidikan dalam dan luar negara. Sepanjang tahun 2011, USM telah menghantar 73 hasil penyelidikan dalam 11 pameran melibatkan lapan pameran berbentuk pertandingan dan tiga berbentuk penyertaan (Jadual 2). Keseluruhannya, USM berjaya memenangi 27 emas, 28 perak dan 16 gangsa (Jadual 3). Sebelas anugerah khas juga berjaya diperolehi melalui pameran penyelidikan yang disertai seperti di Jadual 4.

Jadual 2 Senarai Pertandingan/Pameran Penyelidikan Yang Disertai oleh USM

Pameran	Tarikh	Tempat	Peringkat	Jenis Pameran
Malaysia Technology Expo (MTE 2011)	17–19 Februari 2011	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Kebangsaan	Pertandingan
39 th International Exhibition of Invention New Techniques & Products (Geneva 2011)	6–10 April 2011	Geneva - Palexpo, Switzerland	Antarabangsa	Pertandingan
22 nd International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX 2011)	20–22 Mei 2011	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Antarabangsa	Pertandingan
Small and Medium Industries Development Corporation 2011 (SMIDEX 2011)	7–9 Jun 2011	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Kebangsaan	Penyertaan
Pameran Dagangan Antarabangsa Makanan & Minuman Malaysia Ke-12 (MIFB 2011)	13–15 Julai 2011	Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur	Kebangsaan	Penyertaan
The 2 nd International Greentech & Eco Products Exhibitions & Conference Malaysia (IGEM 2011)	7–10 September 2011	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Kebangsaan	Penyertaan
PECIPTA 2011 <ul style="list-style-type: none"> • MM Category - Products have not entered any competition • MO Category - Products have previously entered competitions 	13–15 September 2011	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Kebangsaan	Pertandingan - MM - MO
International Exhibition of Ideas, Invention and Innovations Trade Fair (IENA 2011) <ul style="list-style-type: none"> • International Federation of Inventor's Associations (IFIA) • World Competition of Green Inventions 	27–30 Oktober 2011	Nuremberg, Jerman	Antarabangsa	Pertandingan
International Warsaw Inventions Show (IWIS 2011)	November 2011	Poland	Antarabangsa	Pertandingan
Bio Malaysia 2011	21–23 November 2011	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Kebangsaan	Pertandingan
The 4 th International Invention Fair in The Middle East 2011	November 2011	Kuwait	Antarabangsa	Pertandingan

Jadual 3 Pencapaian dalam Pertandingan Penyelidikan

Pameran	Bilangan Penyertaan	Emas	Perak	Gangsa	Anugerah Khas	Jumlah
Malaysia Technology Expo (MTE 2011)	15	4	2	8	1	15
39 th International Exhibition of Invention New Tecniques & Products (Geneva 2011)	8	2	6	-	1	9
22 nd International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX 2011)	18	8	6	4	4	22
PECIPTA 2011						
<ul style="list-style-type: none"> MM Category - Products have not entered any competition 	11	3	5	2	1	11
<ul style="list-style-type: none"> MO Category - Products have previously entered competitions 						
International Exhibition of Ideas, Invention and Innovations Trade Fair (IENA 2011)						
<ul style="list-style-type: none"> International Federation of Inventor's Associations (IFIA) World Competition of Green Inventions 	7	4	2	1	*4	11
International Warsaw Inventions Show (IWIS 2011)	7	3	3	1	-	7
Bio Malaysia 2011	6	2	4	-	-	6
The 4 th International Invention Fair in The Middle East 2011	1	1	-	-	-	1
Jumlah	73	27	28	16	11	81

Jadual 4 Senarai Anugerah Penyelidikan Yang Diterima Mengikut Peringkat (Kebangsaan/ Antarabangsa) pada Tahun 2011

Peringkat	Badan / Persatuan yang Memberi Anugerah / Nama Pameran	Nama Anugerah	Nama Penyelidik dan Pusat Pengajian	Tajuk penyelidikan
Kebangsaan	Malaysia Technology Expo (MTE 2011)	Booth Design Competition (Bare Space - 2nd Prize) & Most Innovative Booth	Azizi Bahauddin, Prof. Madya Dr. Aldrin Abdullah, Prof. Madya Dr. Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan	Booth Design
Antarabangsa	39th International Exhibition Of Invention New Techniques & Products (Geneva 2011)	FIRI DIPLOMA (Iran)	Mashitah Mat Don, Prof. Madya Dr. Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia	PycnoSORB: Green Biosorbent for Heavy Metals Removal
Kebangsaan	22nd International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2011)	IFIA Cup The Best Women Inventor	Chan Lai Keng, Prof. Pusat Pengajian Sains Kajihayat	Compact Versatile Plant Cell Culture Tank
Kebangsaan	22nd International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2011)	Taiwan Special Award	Gam Lay Harn, Prof. Madya Dr. Pusat Pengajian Sains Farmasi	Analysis Method for Differentiating The Poercine and Bovine Gelatin Source in Candies
Kebangsaan	22nd International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2011)	Best Invention University Category	Hanafi Ismail, Prof. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral	1 Plus 1 – From Rubber Wastes into 2 Novel Products
Kebangsaan	22nd International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2011)	Best Booth Design (55m2 and Above) Gold Award	Azizi Bahauddin, Prof. Madya Dr. Aldrin Abdullah, Prof. Madya Dr. Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan	Booth Design
Kebangsaan	PECIPTA 2011	The Best Booth Award	Azizi Bahauddin, Prof. Madya Dr. Aldrin Abdullah, Prof. Madya Dr. Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan	Booth Design
Antarabangsa	International Federation Of Inventor's Associations (IFIA) World Competition Of Green Inventions	Grand Eco Prize	Hanafi Ismail, Prof. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral	FruitPlast: Biodegradable Plastic for Tomorrow
Antarabangsa	International Federation of Inventor's Associations (IFIA) World Competition of Green Inventions	For Ecology Medal	Srimala Sreekantan, Prof. Madya Dr. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral	Titano: An Excellent Air Purifier
Antarabangsa	International Federation Of Inventor's Associations (IFIA) World Competition of Green Inventions	Certificate of Appreciation	Abdul Latif Ahmad, Prof. Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia	NCmem : Indigenous Biomedical Lateral Flow Membrane
Antarabangsa	International Federation of Inventor's Associations (IFIA) World Competition of Green Inventions	Certificate of Appreciation	Issam A. Mohammed, Dr. Pusat Pengajian Teknologi Industri	Waste to Wealth: A New Composite

Kejayaan produk-produk penyelidikan dalam meraih anugerah khas khususnya yang berkaitan kelestarian seperti anugerah daripada *International Federation of Inventor's Associations (IFIA) World Competition of Green Inventions* ini menyokong hasrat Universiti. Pada perutusan tahun 2011 yang bertajuk "INSANIVERSITI: Transformasi Menginsani Universiti," Naib Canselor telah menyentuh berkenaan kajian penyelidikan yang menekankan isu kelangsungan terhadap kelestarian sejagat dan penerapan penyelidikan ini yang memberi impak terhadap masyarakat serta menyediakan penyelesaian / keperluan golongan terke bawah (*the bottom billions*).

Harta Intelek dan Pengkomersialan Produk

Kepentingan hak harta intelek bagi setiap produk penyelidikan USM merupakan antara agenda utama dalam usaha meningkatkan kecemerlangan penyelidikan USM. Produk penyelidikan USM dipatenkan selari dengan usaha-usaha pengkomersialan produk penyelidikan.

Sehingga penghujung tahun 2011, USM telah memfailkan sejumlah 232 paten (berstatus *pending*) yang merangkumi 115 paten pada peringkat kebangsaan dan 117 paten pada peringkat antarabangsa.

Paten yang mendapat status *granted* pula telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan kepada 10 paten pada tahun ini, iaitu sembilan paten pada peringkat kebangsaan dan satu paten antarabangsa, berbanding lima paten berstatus *granted* pada tahun 2010 dengan dua paten pada peringkat kebangsaan dan tiga paten pada peringkat antarabangsa.

Faktor tarikh pemfailan yang telah dilakukan sebelum ini dan pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Harta Intelek Negara (MyIPO) merupakan faktor bilangan status *granted* ini tidak dapat dijangka bilangannya untuk setiap tahun.

Bagi *technology know-how licencing*, USM telah menunjukkan peningkatan kepada lapan *technology know-how* pada tahun 2011 berbanding tujuh pada tahun 2010. Sebanyak 38 IPR/hak cipta, (termasuk karya asli) pula telah dihasilkan pada tahun 2011.


Penerbitan

Selain keghairahan menumpukan terhadap pengembangan hasil penyelidikan kepada pembangunan produk, USM juga tidak mengabaikan kepentingan menerbitkan hasil penyelidikan melalui penghasilan artikel dan buku berkualiti yang menjadi sumber rujukan terhadap hasil kajian yang dijalankan.

Berdasarkan sumber *Essential Science Indicators (Thomson Reuters)*, pada 1 Januari 2012, jumlah penerbitan artikel dan bilangan sitasi artikel penyelidikan dalam jurnal menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan seperti Carta 4.

Carta 2 Bilangan Artikel Jurnal dan Sitasi Artikel Jurnal Penerbitan USM (Tempoh 5 tahun)

Sumber: *Essential Science Indicators (Thomson Reuters)*, 1 Januari 2012



Sepanjang tahun 2011 juga, sebanyak 80 penerbitan baharu telah berjaya diterbitkan oleh Penerbit USM (PUSM). Penerbitan ini terdiri daripada 42 judul buku, 32 isu jurnal dan 6 judul siri syarahan. Statistik penerbitan adalah seperti di Jadual 5

Jadual 5 Statistik Penerbitan Baharu Penerbit USM (PUSM) 2011

Jenis Penerbitan	Kategori	Jumlah
Buku	Sains	7
	Sastera	35
Siri Syarahan	Sains	4
	Sastera	2
Jurnal	Wacana Seni	1
	The Malaysian Journal of Medical Sciences	4
	Asian Academy of Management Journal of Accounting & Finance	2
	Bulletin of the Malaysian Mathematical Science Society	3
	International Journal of Asia-Pacific Studies	3
	Jurnal Pendidikan Jarak Jauh Malaysia	2
	Journal Physical Science	2
	Asia Pacific Journal of Educators and Education	1
	Malaysian Journal of Pharmaceutical Sciences	2
	Asian Academy of Management Journal	2
	Tropical Life Sciences Research	2
	Journal of Construction in Developing Countries	2
	Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities	2
	Kajian Malaysia	3
	Journal of Engineering Science	1
Jumlah		80

Karya dan hasil penerbitan yang diterbitkan oleh PUSM merupakan penerbitan yang berkualiti tinggi dan memberi impak besar dalam merekod dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat sejagat. Kualiti penerbitan PUSM telah dibuktikan melalui beberapa anugerah yang diterima sepanjang tahun 2011 seperti berikut :

1. Anugerah MAPIM 2010

PUSM telah memenangi kategori Anugerah Makalah Jurnal Terbaik bagi bidang Sains, Teknologi & Perubatan di majlis Anugerah MAPIM 2010 di Kuala Lumpur pada 24 April 2011. Hadiah yang dimenangi ialah sijil dan wang tunai RM7,000.

Maklumat lanjut pemenang adalah seperti berikut:

Tajuk Makalah: On subordination and superordination of the multiplier transformation for meromorphic functions
Nama Jurnal: *Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society*, Vol. 33 No. 2, 2010
Pengarang: Rosihan M. Ali, V. Ravichandaran dan N. Seenivasagan
Penerbit: Penerbit Universiti Sains Malaysia

2. Anugerah Akademik Negara (AAN) 2009

Berasaskan buku yang memenangi Anugerah MAPIM 2009, Profesor Madya Jelani Harun telah memperoleh Anugerah Akademik Negara 2009 bagi kategori Penerbitan Buku.

Tajuk Buku: *Bustan al-Salatin: A Malay Mirror for Rulers*
Nama Pengarang: Jelani Harun
Penerbit: Penerbit Universiti Sains Malaysia

3. Penghargaan Buku Terbaik Perpustakaan Negara Malaysia (Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986, Akta 331) 2010

Nama Buku: *Bustan al-Salatin: A Malay Mirror for Rulers.*
Nama Pengarang: Jelani Harun

4. XXXVI Conurso – Premio Anual de la Salud, Cuba, 2011.

Buku ini adalah hasil usaha sama antara PUSM dengan Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Nama Buku: *The Art & Science of Tuberculosis Vaccine Development*
Nama Pengarang: Norazmi Mohd Nor, Armando Acosta and Maria Elena Sarmiento.
Penerbit: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
Hak cipta: Penerbit USM

Cabaran

USM kini sedang berusaha meningkatkan kecemerlangannya ke arah mencapai status Universiti Penyelidikan Matang dengan memenuhi kriteria baharu yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia. Perkara ini perlu dilihat sebagai usaha yang sangat besar bagi memartabatkannya sebagai institusi pengajian tinggi terkemuka negara. Pada masa yang sama, dalam menjalani Program Pemacuan Kecemerlangan (APEX), USM perlu memenuhi sasaran yang telah ditetapkan oleh KPT didalam CAPS APEX, PSPTN dan lain-lain.

Pencapaian USM dalam aktiviti penyelidikan dan inovasi agar selari dengan status Universiti Penyelidikan dan APEX ini dibantu dengan nilai yang diterapkan kepada semua warga USM iaitu kualiti, kesamaan, ketersediaan, ketercapaian, ketersanggupan dan kesesuaian. Tujuh teras utamanya juga diberi keutamaan iaitu masa hadapan, keunikan (kelainan), kelestarian, kemanusiaan, kesejagatan, perubahan dan pengorbanan, sejajar dengan tema dan gagasan yang telah diletakkan oleh Naib Canselor dalam ucapan tahunannya.

Pada tahun-tahun akan datang, cabaran utama USM bukan sahaja untuk mendapatkan status Universiti Penyelidikan Matang dan mengekalkan status APEX, malah untuk meletakkan Universiti ini sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan ilmu dan memperkasakan konsep kelestarian yang menjadikan Universiti ini unik di mata dunia. Perancangan strategik ini dijalankan untuk menggerakkan USM bagi mencapai visi: ***“To Move towards World Class Research University with Emphasis on Sustainability”*** melalui pengurusan bakat, tadbir urus dan sumber yang terbaik.

Rumusan



Pada tahun 2011, pencapaian USM dalam penyelidikan dan inovasi menunjukkan peningkatan hasil strategi yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Penyelidikan dan Inovasi dengan bantuan ahli akademik USM telah berjaya. Peningkatan ini bertepatan dengan usaha USM mempelopori bidang ini di dalam dan luar negara sekali gus memimpin Universiti Penyelidikan ke arah mencapai status Universiti Penyelidikan Matang pada tahun 2012.

Pencapaian cemerlang USM ini mampu dikekalkan melalui semangat kerjasama dan bekerja secara berpasukan dengan komitmen yang tinggi serta hasrat yang sama untuk menggerakkan Universiti menuju kejayaan.



BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT



Pengenalan

Universiti sering di salah anggap sebagai institusi yang kurang prihatin terhadap kehidupan di dunia luar tetapi sebaliknya lebih tertumpu kepada isu-isu yang bersifat ilmiah terutamanya dalam pengeluaran sumber intelektual dan tenaga kerja mahir kepada negara. Namun begitu, kini universiti telah mula menunjukkan komitmen dengan menggalas tanggungjawab sosial terhadap kebajikan masyarakat setempat serta memupuk hubungan yang lebih erat dan bermakna dengan pihak di luar di samping terus memastikan misi dan visi utamanya terus dilaksanakan sebaiknya.

Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) Universiti Sains Malaysia (USM) ditubuhkan berperanan untuk merapatkan jalinan hubungan di antara Komuniti-Universiti-Industri agar usaha ini dapat dimanfaatkan dan dilestarikan di pelbagai peringkat. Tumpuan diberikan bagi mengembangkan nilai-nilai kemanusiaan dan kesejagatan ke arah kelestarian serta keharmonian masyarakat khususnya golongan terkebahawah melalui aktiviti usahasama dengan pihak industri dan komuniti.

Di USM, BJIM turut digiatkan dengan menumpukan usaha untuk menerap dan mengembalikan nilai-nilai positif ini di kalangan warganya demi mencapai aspirasi dan hasrat Universiti iaitu 'Menginsani Universiti'.

Usaha-usaha yang dijalankan adalah sejajar dengan peranan BJIM untuk bersama-sama dengan pihak industri/komuniti mengembeling tenaga dan inisiatif dalam aspek perkongsian dan pemindahan pengetahuan serta kemahiran dan kepakaran bagi memenuhi keperluan dan kehendak industri dan komuniti. Tanggungjawab ini sangatlah penting kerana ia merupakan asas yang dapat meningkatkan pertumbuhan serta kemajuan Universiti dan negara.

Visi

Menerajui kelestarian pembangunan ekonomi, sosial, budaya, pendidikan, kesihatan dan persekitaran ke arah kemajuan serta transformasi negara.

Misi

Menjalin hubungan erat dengan pihak industri dan masyarakat di dalam pelbagai bidang bagi merealisasikan visi.

Objektif

Untuk merealisasikan misi dan visi di atas, BJIM:

- Berperanan sebagai pusat rujukan kepada pihak industri dan masyarakat.
- Memastikan libatsama dengan pihak industri dan masyarakat selari dengan visi dan misi universiti.
- Memastikan jaringan dan libatsama dengan pihak industri dan masyarakat adalah bermanfaat, efektif dan lestari.
- Mempertingkatkan serta mengukuhkan jaringan dan libatsama pada peringkat negeri, negara, serantau dan antarabangsa.



Aktiviti dan Pencapaian

Projek Libatsama Universiti-Komuniti/Flagship 2011

Sebanyak 43 projek dan 3 projek *flagship* telah diluluskan pada tahun 2011 dan pelaksanaan 46 projek ini melibatkan belanjawan sebanyak RM1,758,752.06. Selain itu, terdapat juga 46 projek dari tahun 2010 telah disambung ke tahun 2011. Keseluruhan projek-projek yang disambung dari tahun 2010 dan 2011 ini merangkumi bidang-bidang yang telah memfokuskan kelestarian dan peningkatan hidup masyarakat khususnya golongan terkecuali serta proses pemindahan ilmu kepada masyarakat supaya lebih berdikari seperti berikut:

Bidang	Projek tahun 2010 yang dibawa ke tahun 2011	Projek Tahun 2011
Kesihatan & Keselamatan	16	18
Persekitaran	6	10
Ekonomi	9	7
Budaya dan warisan	1	2
Sosial	6	4
Pendidikan	8	5
Jumlah Keseluruhan	46	46

Bengkel/Forum yang dianjurkan oleh BJIM

Sepanjang tahun 2011, antara bengkel/forum yang telah dilaksanakan oleh BJIM ke arah menginsanikan universiti adalah seperti berikut:



Aktiviti	Pencapaian
Bengkel	
Bengkel Moving Into Engagement <ul style="list-style-type: none"> Hotel Vistana, Pulau Pinang 27 Julai 2011 	Melalui bengkel ini, 62 orang peserta terdiri daripada ketua dan ahli projek libatsama universiti-komuniti telah mendapat pendedahan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang aktiviti libatsama komuniti terutama dari segi konsep dan amalannya.
Bengkel Perancangan Strategik & Senario Unit Industri & Unit Komuniti <ul style="list-style-type: none"> Hotel Vistana, Pulau Pinang 26 September 2011 	Perancangan strategik bagi Unit Industri dan Komuniti BJIM telah disediakan melalui bengkel ini yang dihadiri oleh 22 orang peserta daripada ahli-ahli kluster, <i>champion</i> dan staf BJIM. Selain itu, setiap kluster telah berjaya memurnikan objektif, tanggungjawab dan pelan kluster serta <i>champion</i> masing-masing. Tanggungjawab dan aktiviti di antara kluster juga telah dapat diselaraskan.
Bengkel Pemantapan KPI/KIP Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat 2011 <ul style="list-style-type: none"> Hotel Vistana, Pulau Pinang 27 September 2011 	Melalui bengkel sehari ini, satu kriteria dan ukuran KPI/KIP BJIM bagi bidang libatsama Universiti-Industri/Komuniti yang menyeluruh berjaya disediakan oleh 11 orang Ahli Jawatankuasa KPI/KIP BJIM yang dilantik dan 10 orang peserta jemputan.
Bengkel Penyediaan Kertas Kerja Anugerah Tokoh Industri/Komuniti USM <ul style="list-style-type: none"> Hotel Vistana, Pulau Pinang 28 September 2011 	Garis panduan pemberian anugerah, kriteria pencalonan dan syarat pemilihan yang akan diguna pakai telah berjaya disediakan melalui bengkel ini oleh 16 orang Timbalan Dekan (Jaringan Industri & Masyarakat) serta Wakil Tetap Pusat/Institut yang dilantik untuk menganggotai jawatankuasa penyediaan kertas kerja kriteria dan ukuran bagi pemberian Anugerah Tokoh Industri/Komuniti kepada staf USM.
Hari Bersama BJIM <ul style="list-style-type: none"> 7 Disember 2011 di Kampus Kejuruteraan 19 Disember 2011 di Kampus Induk 	Seramai 45 staf pentadbiran dan akademik telah menghadiri program di Kampus Kejuruteraan ini di mana warga USM di Kampus Kejuruteraan telah diberi penerangan tentang visi dan misi BJIM, aktiviti-aktiviti jaringan industri & jaringan komuniti serta pelaksanaan Projek Libatsama Universiti-Komuniti BJIM. Tiga projek libatsama universiti-komuniti yang mempunyai impak telah dibentangkan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <i>“Tools for Teens and Tools for Children”</i> oleh Dr. Azlinda Azman dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. <i>‘Cultural Heritage Preservation Program: An Inter-Varsity Collaborative Project with the Community in the Penang Region’</i> oleh Prof. Madya Munir Shuib dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Tayangan video tentang <i>‘Community Project’</i> oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral. Program yang sama juga telah diadakan di Kampus Induk pada 19 Disember 2011 bertempat di Dewan Persidangan Universiti. Seramai 76 orang staf akademik dan pentadbiran Kampus Induk telah menghadiri program ini. Di Kampus Induk, dua projek dan satu projek flagship telah dibentangkan iaitu: <ol style="list-style-type: none"> <i>“Tools for Teens and Tools for Children”</i> oleh Dr. Azlinda Azman dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. <i>‘Cultural Heritage Preservation Program: An Inter-Varsity Collaborative Project with the Community in the Penang Region’</i> oleh Prof. Madya Munir Shuib dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. <i>‘INFORMM at SAHABAT: A community Empowerment Activity for Drug User and People Living with HIV/AIDS (PLWHA)’</i> oleh Prof. Rusli Ismail dari Institut Penyelidikan Perubatan Molekul.

Kluster dan Champion

Kluster	Aktiviti/Pencapaian
Kluster Libatsama Universiti-Komuniti [University-Community Engagement (UCE)]	<p>Kluster UCE berperanan untuk menjadikan USM sebagai sebuah universiti yang bertanggungjawab, relevan dan juga rakan usahasama yang aktif dalam menangani keperluan masyarakat terutamanya golongan masyarakat terkecuali. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:</p> <p>i) Lawatan Kerja ke Merbok, Kedah</p> <p>Lawatan kerja ini telah diadakan pada 17 Oktober 2011 di Kampung Sungai Batu dan Kampung Belau, Daerah Merbok, Kedah. Seramai 14 staf akademik dan pentadbiran yang merupakan ketua dan ahli-ahli projek libatsama di bawah BJIM telah turut serta dalam lawatan ini sekaligus mengadakan perbincangan dengan Tn. Hj. Romli selaku Pengasas kelab Pendidikan dan Kebajikan Puncak (Kelab Puncak). Hasilnya, USM telah bersetuju melaksanakan tiga projek di kawasan Merbok, iaitu:</p> <p>(a) Pembelajaran Berasaskan Permainan Untuk Menarik dan Memupuk Minat Pelajar Terhadap Sains oleh Dr. Nooraida Yaakob dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.</p> <p>(b) Penubuhan Trail Etnobotani di Lembah Merbok oleh Prof. Madya Saad Othman dari Eco Hub/Pusat Pengajian Sains Farmasi.</p> <p>(c) Memperkasakan Kesihatan Komuniti Kampung di Merbok, Kedah oleh Prof. Madya Zuraidah Mohd Yusoff dari Pusat Pengajian Sains Farmasi.</p> <p>Di samping itu, satu projek <i>flagship</i> iaitu "Pertanian Cendawan Tanpa Sisa Buangan – Projek Model di Kampung Belau, Kedah" oleh Dr. Foong Sew Yeok dari Pusat Pengajian Sains Kajiayatan kini sedang dilaksanakan.</p> <p>ii) Kluster UCE telah mengadakan pameran Projek Libatsama Universiti-Komuniti di Persidangan Matra 2011 di bawah anjuran Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan pada 16–17 November 2011 di Hotel Vistana, Pulau Pinang. Dr. Mohd. Adi Firdaus Tan Abdullah telah menyampaikan ucapan bertajuk "Peranan dan sumbangan BJIM ke arah memperkasakan pembangunan komuniti di Malaysia" semasa persidangan tersebut.</p>

Kluster	Aktiviti/Pencapaian
Kluster Orang Kurang Upaya (OKU)	<p>Kluster OKU berperanan menjadikan USM sebagai institusi yang mesra OKU, melibatkan diri dalam pembentukan sebarang dasar berkaitan dengan OKU dan juga memperkasakan hak golongan OKU melalui kerjasama dengan agensi kerajaan, institusi luar dan NGO. Di samping itu, ia juga berperanan menjadikan USM sebagai pusat rujukan rekabentuk sejagat.</p> <p>i) Analisis akses lima bangunan di Kampus Induk telah dilaksanakan dan antara cadangan yang diberikan adalah pengubahsuaian tandas di Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan hendaklah menepati ciri-ciri kebolehsampaiannya kepada semua pengguna. Laporan tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Pembangunan pada 4 Januari 2011.</p> <p>ii) Analisis akses di tiga bangunan Kampus Kesihatan iaitu Perpustakaan Hamdan Tahir, Blok Pentadbiran Pusat Pengajian Sains Perubatan dan Pusat Aktiviti Pelajar pada 21 Jun 2011. Ketiga-tiga bangunan tersebut didapati tidak memenuhi 100% rekabentuk sejagat.</p> <p>iii) Menggunakan kepakaran USM untuk menganalisis bangunan <i>Training Centre for Children with Special Needs</i>, di bawah Yayasan Albukhary sebagai pusat kebolehsampaiannya untuk semua pengguna. Laporan cadangan telah diserahkan kepada Yayasan Albukhary pada 12 Januari 2011.</p> <p>iv) Bengkel Sukan bagi golongan OKU telah dianjurkan oleh Persatuan Sukan dan Rekreasi OKU Negeri (PESRON) dan <i>Penang Sports and Youth Department</i> dengan kerjasama Kluster OKU pada 28–30 Januari 2011 di Kompleks Majlis Sukan Negeri Batu Uban, Pulau Pinang.</p> <p>v) Beberapa orang ahli Kluster telah terlibat di dalam aktiviti kesedaran tentang kepentingan serta keperluan golongan OKU dan juga rekabentuk sejagat seperti berikut:</p> <p>(a) Perkhidmatan konsultansi untuk meningkatkan kebolehsampaiannya semua pengguna di pasar-pasar awam di bawah Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP). Perkhidmatan ini meliputi mengadakan mesyuarat, lawatan ke pasar-pasar awam dan mendapatkan komen pengguna mengenai reka bentuk pasar awam.</p> <p>(b) Perkhidmatan konsultansi untuk 'Komtar Accessibility Project' (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) yang berlangsung daripada Julai 2011 hingga Disember 2011. Perkhidmatan ini meliputi mesyuarat, pemeriksaan tapak dan mendapatkan komen tentang rekabentuk aksesibiliti.</p>

Kluster	Aktiviti/Pencapaian
Kluster Orang Kurang Upaya (OKU)	<p>vi) Bengkel Kesedaran Hak dan Keperluan OKU dan Rekabentuk Sejagat pada 20–22 Jun 2011 di Kampus Kesihatan. Bengkel ini dihadiri oleh 36 peserta daripada staf USM dan organisasi luar. Melalui bengkel ini, peserta diharapkan dapat memberi nasihat kepada pihak berwajib agar semua bangunan baru yang dibina akan dapat memenuhi keperluan rekabentuk sejagat. Hasil daripada bengkel ini:</p> <p>(a) Peserta lebih sedar dan lebih prihatin tentang nilai OKU sebagai anggota masyarakat dan juga mengetahui hak dan keperluan kemudahan mesra-pengguna OKU.</p> <p>(b) Peserta memahami budaya hidup OKU dan cara membantu mereka.</p> <p>(c) Peserta memahami tentang rekabentuk sejagat dan keperluan yang akan membolehkan OKU berdikari.</p> <p>(d) Peserta diperkenalkan kepada audit akses, langkah pertama untuk mengenal pasti halangan persekitaran dan cara mengubahsuai untuk membolehkan kebolehsampaian OKU dalam persekitaran alam bina.</p> <p>vii) Bengkel Sukan Orang Kurang Upaya (SUKOKU) 2011 telah diadakan pada 10 Mei 2011 di Bilik Persidangan Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK) dan Padang Kompleks Sukan di Kampus Kesihatan, USM. Hasil daripada bengkel ini:</p> <p>(a) Peserta mengetahui sukan <i>Special Olympics</i> yang dipertandingkan di seluruh dunia.</p> <p>(b) Peserta memahami aspek-aspek permainan yang diterangkan (bocce, larian dan petanque) seperti sejarah, sistem permainan, undang-undang permainan, pengiraan markah dan pertandingan.</p> <p>(c) Peserta memperolehi kemahiran praktikal tentang cara bermain, kaedah mencatat markah dan pengendalian pertandingan untuk SUKOKU nanti.</p> <p>(d) Peserta dapat membuat persediaan dalam mengendalikan peserta OKU yang akan menyertai saringan dan sukan OKU nanti.</p> <p>viii) Karnival Sukan Orang Kurang Upaya (SUKOKU) Kelantan 2011 telah dianjurkan oleh Program Sains Senaman dan Sukan, PPSK dengan kerjasama BJIM pada 2 Julai 2011 di Padang Bola Kampus Kesihatan, Kubang Kerian. Projek ini melibatkan 15 orang ahli jawatankuasa dan dibantu oleh 50 orang sukarelawan yang terdiri daripada pelajar USMKK. Sejumlah 217 peserta terlibat dalam Karnival sukan ini. Hasil daripada SUKOKU 2011 adalah:</p> <p>(a) SUKOKU 2011 ini telah mendapat perhatian dan sambutan dari seluruh sekolah dan pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) di negeri Kelantan.</p> <p>(b) SUKOKU 2011 telah menyediakan platform dan memberi peluang kepada golongan OKU untuk menonjolkan bakat dalam bidang sukan dan mengembangkannya ke peringkat yang lebih tinggi.</p> <p>(c) SUKOKU 2011 telah memberi tanggapan baru kepada masyarakat tentang kelebihan golongan OKU dalam aktiviti fizikal dan bersukan disamping merapatkan jurang di antara masyarakat dengan golongan OKU.</p>

Kluster	Aktiviti/Pencapaian
Kluster Orang Kurang Upaya (OKU)	<p>ix) Bengkel Kesedaran Hak dan Keperluan Orang Kurang Upaya (OKU) & Rekabentuk Sejagat di Kampus Kejuruteraan pada 20–22 Disember 2011. Bengkel ini telah dihadiri oleh 41 orang staf dan pelajar dari Kampus Kejuruteraan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah, Majlis Perbandaran Taiping dan Pusat Pemulihan Komuniti di sekitar Nibong Tebal. Peserta bengkel diharap dapat memberi nasihat kepada pihak berwajib agar semua bangunan baru yang akan dibina dapat memenuhi keperluan tersebut. Melalui bengkel ini, latihan akses pengauditan yang merangkumi aspek aksesibiliti bagi orang kurang upaya telah dilaksanakan ke atas bangunan-bangunan seperti berikut:</p> <p>(a) Bangunan Kafeteria dan Bahagian Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar</p> <p>(b) Bangunan Perpustakaan</p>
Kluster SME Assist	<p>Kluster SME Assist berperanan untuk memadankan pengetahuan/kepakaran, kemudahan dan sumber universiti dengan keperluan, aspirasi dan harapan industri. Antara aktiviti yang dijalankan adalah <i>SME Assist Workshop: Charting the Direction of SME Assist Cluster</i> yang telah diadakan di Pusat Pengajian Pengurusan pada 27 Julai 2011. Melalui bengkel ini:</p> <p>(a) <i>Triangulation model</i> yang melibatkan universiti, industri dan kerajaan bagi pemindahan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan telah diperkenalkan.</p> <p>(b) Peranan dan aktiviti-aktiviti SME yang melibatkan ahli akademik USM dan mengintegrasikannya dalam <i>triangulation model</i> telah diselaraskan.</p>



<p>Kluster Corporate Conscience Circle (3C)</p>	<p>Kluster 3C memainkan peranan advokasi yang penting serta aktif, menjalankan kajian serta memberi tunjuk ajar, khidmat nasihat tentang libatsama dan strategi tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada organisasi dan masyarakat. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah:</p> <p>i) Dua siri seminar CSR dengan tema “<i>The Journey Begins With Healthy Lifestyle</i>” telah diadakan di USM iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) “<i>Wellness Management</i>” pada 21 Julai 2011. (b) “<i>One Step at A Time... Movement and Flexibility</i>” pada 28 Julai 2011. <p>ii) Pelaksanaan projek <i>Motorola Lean Transformation</i> telah dilaksanakan mulai 19 Julai 2010. Proses transformasi ini telah dilaksanakan di Motorola Technology Sdn. Bhd. dengan kerjasama staf akademik dan penyelidik USM daripada pelbagai bidang. Lima projek transformasi transdisiplin (pengurusan, komunikasi, matematik, pendidikan) telah dilaksanakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <i>Motorola Lifestyles – Wellness Management for Healthy Minds in Healthy Bodies</i> (b) <i>Transformational Leadership and Organisational Innovation</i> (c) <i>Self Directed Work Teams</i> (d) <i>Manufacturing Operations Performance Measurement</i> (e) <i>Going LEAN, the Need for Emotional Intelligence and Emotional Capability in Transformation</i>
<p>Champion Publisiti BJIM</p>	<p>Video korporat BJIM merupakan inisiatif untuk ditayangkan kepada semua pihak terutamanya industri dan komuniti. Video ini memaparkan aktiviti-aktiviti libatsama yang telah dijalankan oleh BJIM sejak penubuhannya. Ia juga turut menggambarkan peranan dan sumbangan BJIM secara holistik di dalam usaha untuk mencapai Agenda APEX dan juga aktiviti-aktiviti menginsaniversiti. Melalui video ini, USM berharap akan dapat mengeratkan lagi hubungan libatsama yang sedia ada di samping mendapat lebih banyak peluang usahasama dan aktiviti-aktiviti libatsama dengan pihak industri dan komuniti.</p>



Sumbangan

BJIM telah memberi sumbangan sebanyak RM60,370.00 untuk pelaksanaan 16 projek menginsankan universiti dan projek-projek ini telah dijalankan oleh 13 PTJ di USM.

Selain itu, BJIM juga telah menjadi penaja bersama program *Asia Europe Foundation University Alumni Network (ASEFUAN)* dengan pembiayaan 20 peserta ASEFUAN yang terlibat di dalam *Preparatory Workshop* pada 28-30 Jun 2011 di USM, Pulau Pinang. Peserta yang terlibat dalam bengkel ini merupakan pelajar-pelajar siswazah daripada negara-negara seperti Latvia, Slovenia, Denmark, Belgium, Singapura, Indonesia, Kemboja, Iran dan Malaysia yang dipilih untuk menjalankan projek/aktiviti sukarela di Pulau Pinang. Melalui program ini para peserta telah dapat mempelajari kemahiran menilai dan merancang langkah-langkah untuk melindungi bangunan warisan di Pulau Pinang.

University-Community Engagement Conference (UCEC)

UCEC 2011 telah dianjurkan bersama oleh Universiti Thammasat, Thailand dan USM pada 9-12 Januari 2012. Dengan bertemakan ‘*University-Community Engagement for Empowerment and Knowledge Creation*’ ini, ia bertujuan untuk menilai amalan libatsama universiti-komuniti dan sebagai medan untuk mewujudkan jaringan, berkongsi pengalaman dan amalan-amalan terbaik libatsama universiti-komuniti. Persidangan ini juga merupakan satu medan untuk para peserta membincangkan kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan oleh universiti-universiti untuk menjadi sebahagian daripada usaha global bagi mewujudkan dan mengekalkan sebuah dunia yang lestari. Persidangan ini telah dihadiri oleh 200 peserta dari 17 negara seperti Malaysia, Thailand, USA, India, Australia, Afrika Selatan, Filipina, Jerman dan lain-lain. Seramai 4 penyampai ucapnama telah dijemput dan sejumlah 62 kertas kerja serta 10 poster telah dibentangkan. Lawatan ke empat kawasan yang menjalankan projek libatsama komuniti di Thailand telah diadakan untuk Program Perkongsian amalan terbaik iaitu di *Donkaew Tambon Administration Organisation, Phra That Sadet Temple & Wo Kaew Community, San Klang Community* dan *Center of Three Generations Baan Hongkok*.

Kebolehpasaran Graduan dan Mobiliti

BJIM telah membiayai sebanyak RM 66,397.39 untuk pelaksanaan sepuluh aktiviti/program kebolehpasaran graduan dan mobiliti yang dijalankan dengan kerjasama bahagian/agensi/pusat pengajian lain sepanjang tahun 2011. Seramai 3,307 orang pelajar USM telah terlibat di dalam aktiviti/program ini. Selain itu, USM juga telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 dengan melantik Deloitte Consulting Sdn. Bhd. sebagai perunding untuk melaksanakan program bagi melatih graduan USM dari aspek kepimpinan, kemahiran dan keupayaan graduan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka melalui program ‘*Universiti Sains Malaysia Graduate Leadership Assessment and Development (USM GLAD)*’. Sepanjang 2011, sebanyak 67 graduan USM

telah terlibat di dalam program ini. Seramai 79% peserta dari Kumpulan 1 dan 74% peserta dari Kumpulan 2 telah mendapat peluang pekerjaan melalui *internship* atau penempatan bagi tempoh 3 bulan di organisasi/industri iaitu Giant, North Borneo Herbal Biotechnology Sdn. Bhd, RHB Bank, Zontron Pharmaceuticals dan Guardian Pharmacy.

BJIM juga telah menganjurkan satu lagi program untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan USM iaitu Program 'Work and Employability Skills' yang dikendalikan bersama pihak FMM Institute pada 10 dan 11 Disember 2011 di Bangunan FMM, Seberang Perai. Lima modul telah disampaikan dan seramai 29 orang pelajar USM telah menghadiri program ini. Encik Khoo Cheok Sin, Pengerusi Cawangan Pulau Pinang, seorang usahawan yang berpengalaman dalam bidang industri telah dijemput menjadi fasilitator. Melalui program ini, pelajar USM telah dapat mengetahui keperluan dan dunia budaya kerja yang sebenar di samping dapat berinteraksi dengan ahli-ahli FMM yang terdiri daripada para pengusaha dan peniaga.

APUCEN (Asia-Pacific University-Community Engagement Network)

APUCEN telah dianggotai oleh 47 institusi pengajian tinggi daripada 10 negara di rantau Asia Pasifik. Lima orang ahli majlis APUCEN telah dilantik semasa mesyuarat di antara wakil-wakil universiti tempatan pada Mac 2011. *Summit* APUCEN telah diadakan pada 13-14 Julai 2011 di Hotel Gurney, Pulau Pinang dan dihadiri oleh 39 peserta dari institusi-institusi pengajian tinggi dari 7 buah negara di rantau Asia-Pasifik iaitu Malaysia, Thailand, Indonesia, Australia, Filipina, Kemboja dan China. *Summit* ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Y. B. Dato' Saifuddin Abdullah. Melalui *Summit* ini, tiga dokumen APUCEN telah berjaya disahkan iaitu *APUCEN Executive Summary*, *APUCEN Guiding Principles* dan *Policy on University-Community Engagement Foundation (UCEF)*

Semasa APUCEN *General Assembly Meeting* pada 14 Julai 2011, enam lagi ahli majlis (serantau) telah dilantik, menjadikan majlis APUCEN ini dianggotai oleh 11 orang ahli. Naib Canselor USM

merupakan Presiden APUCEN manakala Timbalan Presiden adalah ahli yang dilantik daripada The University of Queensland, Australia. Dalam mesyuarat tersebut juga, empat jawatankuasa bertindak (*task force*) telah dibentuk dan empat penyelaras telah dipilih.

- i. Task Force I: APUCEN Regional Community Engagement Projects
Penyelaras: Mary Ann P. Manapat, Ateneo De Manila University, Philippines
- ii. Task Force II: University-Community Engagement Trust Fund
Penyelaras: Prof. Dr. Lau Seng, Universiti Malaysia Sarawak
- iii. Task Force III: APUCEN Governance Membership, Networking and Publicity
Penyelaras: Prof. Dato' Susie See Ching Mey, Universiti Sains Malaysia
- iv. Task Force IV: APUCEN Activities
Penyelaras: Dr. Titipon Siriphant Puntasen, Thammasat University, Thailand

Semasa *Summit* ini juga, APUCEN telah menerima sumbangan berjumlah RM 28,000 daripada Unimech Group Bhd.; Concept Rubber Products Sdn. Bhd.; Motorola Technology Sdn. Bhd.; Lions Club Of Tanjung dan CIMB Bank Bhd.

Mesyuarat Pertama Majlis APUCEN telah diadakan pada 6-7 Oktober 2011 dan telah dihadiri oleh 9 orang ahli majlis. Semasa mesyuarat ini, APUCEN *Executive Summary*, APUCEN *Guiding Principles*, *Policy on University-Community Engagement Foundation (UCEF)* dan *Resolution of APUCEN Summit 2011* telah dipinda dan disahkan sekali lagi. Aktiviti-aktiviti serta peranan Jawatankuasa Bertindak (*Task Force*) telah dibincang dan perbincangan awal untuk mengenalpasti projek libatsama komuniti (peringkat kebangsaan/serantau) juga telah diadakan.

Program Internship Pelajar (PIP)


Sebagai Bahagian yang menyelaras PIP di USM, BJIM berperanan sebagai tempat rujukan pihak industri/organisasi yang ingin menawarkan tempat latihan industri di syarikat/organisasi mereka. Pelaksanaan PIP adalah berbeza di antara satu pusat pengajian dengan pusat pengajian yang lain. PIP adalah wajib bagi program akademik di dalam bidang profesional seperti kejuruteraan, perakaunan, kesihatan, pengurusan dan teknologi maklumat. Tempoh pelajar menjalani PIP juga berbeza mengikut pusat pengajian dan program akademik mereka. Walaupun PIP tidak wajib bagi program-program lain, pelajar adalah digalakkan untuk menjalani PIP sebagai pendedahan terhadap kerjaya mereka nanti.

Pada tahun 2011, sebanyak 2,717 orang pelajar telah menjalani PIP di 1,426 syarikat/agensi/industri di seluruh negara. Manakala, sebanyak 53 orang pelajar telah menjalani PIP mereka di 46 syarikat luar negara di negara seperti Australia, China, Hong Kong, Indonesia dan Singapura. Di samping itu, BJIM juga telah menguruskan permohonan daripada pelajar luar untuk menjalani latihan industri di USM seperti berikut:

IPTA/IPTS	PTJ	Bil. Pelajar
Universiti Malaysia Sabah	Pusat Pengajian Sains Kajihayat	8
AIMST	Pusat Pengajian Sains Kajihayat	2
Universiti Tunku Abdul Rahman	Pusat Kawalan Doping	2
Universiti Teknologi Malaysia	Pusat Pengajian Sains Komputer	5
King Mongkut Universiti of Technology Thonburi	Pusat Pengajian Sains Komputer	5
Jumlah		22

Pertemuan/ Perbincangan Dengan Industri / Agensi Luar / Universiti

Mesyuarat, perbincangan serta dialog telah diadakan dengan pelbagai syarikat dan organisasi untuk meninjau peluang-peluang kerjasama seperti perundingan/penyelidikan, penempatan latihan industri pelajar, penempatan staf, pendidikan berterusan dan sebagainya. Kategori syarikat dan organisasi adalah seperti berikut:



Hasil/Impak

Antara hasil dan impak daripada pertemuan/perbincangan dengan industri/organisasi luar/universiti adalah seperti berikut:

1. Pelajar USM iaitu Pasukan Green Malaysia dan Jokerz telah memenangi pertandingan *Northern Region Digi Challenge for Change Competiton Startup Weekend* yang telah diadakan pada 9–11 Disember 2011 dan layak menyertai pertandingan kebangsaan *Digi Challenge for Change 2011*.

2. Motorola Foundation telah memberi sumbangan sebanyak USD 40,000 melalui Institut Pengajian Siswazah bagi membiayai biasiswa pelajar ijazah tinggi dalam bidang kejuruteraan.
3. Dell Asia Pacific Sdn telah memberi sumbangan biasiswa kepada pelajar USM untuk program *Malaysian Skills Enhancement Sponsorship*.
4. Pemeteraian NDA (Non-Disclosure Agreement) di antara USM dengan Western Digital pada 28 Mac 2011. Ekoran daripada perjanjian ini, dua usahasama projek penyelidikan telah dikenalpasti seperti berikut:

- i. *Establishing a Feasible Treatment System for Surfactant Removal from Used Ultrapure Water Generated by HDD Manufacturer for its Recovery and Reuse* oleh Prof. Madya Ahmad Zuhairi Abdullah, Dr Ooi Boon Seng dan Dr Vel Murugan Vadivel, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia.
- ii. *Airborne Moleculer Contamination (AMC) Monitoring and Impact Assessment in Media Technology* oleh Dr. Yusri Yusup dan Prof Teng Tjoon Tow, Pusat Pengajian Teknologi Industri.

3. MoU di antara USM dengan La Trobe University, Australia telah ditandatangani pada 8 Jun 2011. Antara aktiviti yang dirancang adalah:

- i. Kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pendidikan.
- ii. Inovasi dalam pembangunan kurikulum dan rekabentuk kursus yang inovatif.
- iii. Lawatan dan pertukaran staf serta pelajar
- iv. Penganjuran bersama bengkel, persidangan, seminar dan aktiviti akademik yang lain.
- v. Perkongsian maklumat saintifik, penerbitan, dokumentasi, bahan penyelidikan untuk kepentingan bersama.

6. MoU di antara USM dengan Malaysian Medical Relief Society (Mercy Malaysia) telah ditandatangani pada 13 Julai 2011 bagi kerjasama untuk menyediakan staf perubatan/kesihatan bagi kerja-kerja pertolongan/bantuan, aktiviti-aktiviti mengurangkan risiko kepada masyarakat dalam keadaan krisis atau tanpa krisis dan pembinaan kapasiti di negara kurang maju.

7. MoA di antara USM dengan Thammasat University telah ditandatangani pada 23 Disember 2011 bertujuan untuk penganjuran bersama persidangan antarabangsa *University-Community Engagement Conference* pada Januari 2012 di Thailand.

8. MoU di antara USM dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah ditandatangani pada 29 Disember 2011. Tujuan utama perjanjian ini adalah untuk menjalankan projek kajian rintis pengurusan sisa pepejal tidak toksik dan anugerah hijau untuk pelajar IPTA/IPTS serta industri tempatan.

Sandaran Staf Di Industri

Sepanjang tahun 2011, seramai 19 staf akademik daripada 7 Pusat Pengajian telah menjalani sandaran di 19 organisasi/agensi kerajaan/industri. Ia adalah selaras dengan hasrat untuk menginsaniversiti di mana melalui aktiviti ini staf USM telah dapat mempelajari dan berkongsi teknologi terkini di industri. Di samping itu, staf juga dapat menambah kemahiran dan pengetahuan mereka melalui aktiviti pemindahan ilmu di antara staf dan pakar di organisasi/syarikat tersebut.

Siri Tech Talk

Siri **Tech Talk** adalah hasil kerjasama antara Universiti Sains Malaysia, [*The Electronic Engineering Technical Division (eETD)*], Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM) dan Dream Catcher Consultancy Sdn Bhd. Siri ceramah ini bertujuan untuk menyebarkan teknologi-teknologi terkini kepada komuniti kejuruteraan tempatan dan akademia oleh penceramah dari industri dan institut pengajian tinggi. Seramai 516 peserta dari industri dan USM telah menyertai siri ceramah ini. Antara ceramah yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut:

- i. *Communications Systems on Chip: Simulation Challenges* oleh Dr. Ahmed F. Shalash dari Varkon Semiconductor Inc, Amerika Syarikat.
- ii. *Agile Project Management* oleh Mr. Pat Elwer, Intel Corporation, Amerika Syarikat.
- iii. *MEMS Microphones: Requirements, Operation Principles, Design, Manufacturing and Challenges* oleh Mr. Ray Kirchhoefer, Knowles Electronics LLC, Amerika Syarikat.
- iv. *Reliability – An Increasing Known Key Strategy but Unclear Methodology for Market Sustainability* oleh Dr. Tan Cher Ming, Nanyang Technological University, Singapura.
- v. *Scientifically Based Loudspeaker Design – Methods and Application* oleh Dr. Gottfried Behler, RWTH Aachen University, Negara Jerman.
- vi. *Survey of PCI Express Technology* oleh Mr. Ravi Budruk, MindShare Inc, Amerika Syarikat.
- vii. *Virtual Machines for Real-Time Systems* oleh Prof. Dr. Yann-Hang Lee, Arizona State University, Amerika Syarikat.
- viii. *Enabling Innovation* oleh Mr. Kevin Schultz, Vice President, National Instruments Inc, Amerika Syarikat.
- ix. *Meeting the Signal Integrity Challenges of High-Speed Circuit and Systems* oleh Prof. Ram Achar, CAS Distinguished Lecturer, Carleton University Kanada.

Aktiviti Bersama Industri

Beberapa bengkel/seminar/dialog telah dianjurkan oleh BJIM bersama pihak industri sepanjang tahun 2011 seperti berikut:

- i. **Bengkel *Fundamentals of Head & Media Technology*** telah dianjurkan oleh BJIM bersama Western Digital Media (Malaysia) Sdn. Bhd. pada 27-28 April 2011. Ia telah dikendalikan oleh Dr. Supree Pinitsoontorn, Department of Physics, Khon Kaen University, Thailand secara *web broadcasting* dari Bangkok, Thailand. Semasa bengkel ini, staf dan pelajar USM telah diperkenalkan kepada konsep dan teknologi cakera keras untuk staf dan pelajar USM.
- ii. Seminar dan siri jelajah ***IBM Comes to You Roadshow – Penang*** telah diadakan pada 16 Jun 2011 di USM untuk mempamerkan pakej-pakej perisian, perkakasan dan servis dari Avent, IBM, ICTY Xpress, Pronto-Xi dan Info Warehouse. Semasa siri jelajah ini, IBM telah menyediakan sebuah *Mobile Solution Kiosk* yang dilengkapi dengan pelbagai perisian dan perkakasan komputer.
- iii. Persidangan ***Penang Green Industry*** yang bertemakan *The Future of Environment Management* telah diadakan pada 21 Julai 2011 di Hotel Sunway, Pulau Pinang. Ia merupakan anjuran bersama USM dan Majlis Perbandaran Seberang Jaya (Jawatankuasa Amalan Industri Hijau). Seramai 79 peserta daripada USM dan industri telah menghadiri persidangan ini.
- iv. **Seminar *Biobased Plastics: The future has started*** telah diadakan pada 8 Disember 2011 di Pusat Pengajian Sains Kajihayat oleh Prof Dr Frans Maurer. Ia telah membincangkan tentang *biobased plastics* yang mempunyai ciri-ciri plastik biasa tetapi berasal daripada bahan organik dan bukan daripada bahan petrokimia. Seramai 39 peserta daripada USM dan industri telah menghadiri seminar ini.
- v. Penganjuran ***‘Northern Region Digi Challenge for Change Startup Weekend’*** yang telah disertai oleh 25 pasukan dengan sejumlah 110 peserta Kolej Distrik, Kolej PTPL, Universiti Teknologi Mara, Universiti Sains Malaysia,

Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Utara Malaysia. Pertandingan ini telah diadakan pada 9-11 Disember 2011 di USM. Setiap pasukan perlu menyediakan prototaip perniagaan perusahaan untuk membantu golongan yang kurang mendapat perhatian (*underserved community*) dengan menggunakan teknologi internet atau *mobile technology*. USM telah menjadi tuan rumah dan dua pasukan dari USM telah menjadi pemenang dan layak ke pertandingan kebangsaan.

Lawatan

Sepanjang tahun 2011 sebanyak lima lawatan telah dianjurkan untuk membincangkan aktiviti/projek usahasama di antara USM dengan pihak industri seperti berikut:

Tarikh	Tempat
29 Mac 2011	Lawatan ke Western Digital (Media) Sdn Bhd
13 April 2011	Lawatan Industrial Training Research Institute (ITRI), Taiwan ke USM
12 Mei 2011	Lawatan ke Motorola Solutions Sdn Bhd
27 Mei dan 11 Julai 2011	Lawatan delegasi dari Pejabat Pesuruhannya Tinggi New Zealand ke USM
17 Julai 2011	Lawatan B. Braun Medical Technologies Sdn. Bhd. ke Kampus Kejuruteraan USM



Geran – Program Pemindahan Ilmu ke Industri/ Komuniti (Knowledge Transfer Program) 2011

USM telah berjaya mendapat geran bagi 20 projek di bawah Skim Geran Program Pemindahan Ilmu, Fasa 1 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2.58 juta. Sebanyak 12 PTJ yang telah terlibat dengan projek-projek di bawah program ini. Antara projek-projek bagi kategori Industri yang telah berjaya adalah:

- i. *Adopting Lean Manufacturing Tools and Techniques for Continuous Improvement in the Malaysian Manufacturing Industries*
- ii. *Transferring Knowledge to Fish and Shrimp Farmers on the Beneficial Use of Organic Acids as an Alternative to Harmful Antibiotics in the Aquaculture Industry*
- iii. *Recycling and Reuse of Palm Oil Mill Effluent (POME) Treated Waste water for Boiler Feed and Industrial Services*
- iv. *Innovative Engineering Solution for System and Process*
- v. *Neuro-Nutritional Organic Beverage (Neuro d'Organic)*
- vi. *Transfer of a Simple, Effective and Sustainable Technology to Decolorise and Detoxify Batik Industry Wastewater: Towards a Greener Batik Industry*
- vii. *Knowledge Transfer in Relation to Water Catchment Management*
- viii. *Waster Conversion to Solid Fuel*
- ix. *A Low Cost and Eco-friendly Electric Propulsion System for Shallow Water Marine Applications*
- x. *Production and Delivery System of Insect (Diptera) as Food Source for Swiftlet (Aves: Apodidae)*
- xi. *Transfer of Non-Woven Natural Kenaf and Polypropylene (PP) Synthetic Fibre Mat and Composite Panels for Automotive Applications*
- xii. *Hydrogen Sulphide Removal in Biogas Plant Using Palm Shell Activated Carbon by Steam Activation*

Manakala projek-projek bagi kategori projek komuniti yang telah berjaya adalah:

- i. *eKodBraille: Now Everyone Can Braille*
- ii. *Aktiviti Kesedaran Kecekapan Tenaga dan Audit Tenaga Bagi Institut Pendidikan Guru Wilayah Utara Malaysia*
- iii. *Home Nursing for Needy Patients*
- iv. *Enhancing Achievement in Science and Socio-scientific Decision Making Skill of Secondary School Students in Kuala Muda, Kedah through Informal Science Learning Program*
- v. *Community Engagement through CFCS Program towards Betterment in Health*
- vi. *Meaningful Laboratory Experiences for Malaysian Secondary Schools through Micro Scale and Green Chemistry*
- vii. *The Brain Apprentice*
- viii. *Discovering Potentials for Sustainable Transformation (DPST) The USM-JPNK Community Academic Partnership Program*



Cabaran

Antara cabaran utama yang dihadapi sepanjang tahun 2011 adalah untuk mempertingkatkan kefahaman, kesedaran dan komitmen warga USM dan pihak luar dalam aktiviti/program/projek yang dianjurkan oleh BJIM. Selain itu, BJIM juga telah berusaha melaksanakan pengumpulan data atau maklumat secara berpusat di mana sebelum ini data perlu diperolehi melalui banyak pihak. BJIM juga perlu membuat pelarasan bidang tugas dan tumpuan agar tidak bertindih dengan PTJ lain kerana terdapat PTJ yang turut melaksanakan bidang tumpuan yang hampir sama dengan BJIM.

Rumusan







Sepanjang tahun 2011, BJIM telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program untuk memberikan kefahaman kepada pihak industri dan komuniti mengenai kemudahan dan kepakaran yang terdapat di Universiti yang boleh dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak. Pelbagai platform telah disediakan bagi membolehkan aktiviti libatsama di antara Komuniti-Universiti-Industri dilaksanakan secara aktif agar ianya bermanfaat dan lestari. Melalui pelaksanaan 43 projek libatsama universiti-komuniti serta 3 projek *flagship* penubuhan rangkaian APUCEN dan penganjuran bengkel libatsama komuniti, ianya diharapkan dapat memupuk dan mendidik warga USM dengan nilai-nilai kemanusiaan ke arah perubahan masa hadapan masyarakat khususnya golongan terkecuali. Di samping itu, projek-projek dan aktiviti-aktiviti jalinan hubungan dengan pihak industri turut giat dijalankan untuk menyumbang ke arah pembangunan dan transformasi universiti yang holistik melalui konsep insaniversiti.



fun for peace
creating a culture of peace
2010/2011 (1st Year) & 2011/2012 (2nd Year) Under Faculty Social Work

JABATAN PENDAFTAR

JABATAN PENDAFTAR



Pengenalan

Jabatan Pendaftar berfungsi sebagai pusat tadbir urus utama Universiti dalam hal ehwal pengurusan dan pembangunan sumber manusia, pengurusan akademik, perkhidmatan kemudahan pusat dan pembangunan kompetensi staf.

Jabatan ini telah beroperasi selaras dengan usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang cekap bagi memenuhi kehendak dan jangkaan pelanggan dalam usaha menginsani Universiti bagi mencapai agenda Universiti APEX.

Misi

Memimpin dan menginovasi pengurusan dalam perkhidmatan sumber manusia, akademik dan kemudahan pusat ke arah kecemerlangan melalui pemupukan kualiti dan profesionalisme untuk mencapai misi Universiti.

Objektif

1. Mempertingkatkan pengurusan sumber manusia dan pentadbiran yang melibatkan semua kategori staf melalui proses pengambilan, kenaikan pangkat, penganugerahan, skim-skim latihan, *fellowship*, kebajikan staf dan sebagainya selaras dengan status Universiti APEX.
2. Meningkatkan kualiti pengurusan akademik melalui pembaharuan dalam proses kemasukan dan pengambilan pelajar, peningkatan pengurusan peperiksaan Universiti dan pengurusan mesyuarat Senat serta pengurusan penambahan kursus yang ditawarkan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan Universiti.
3. Memastikan segala bentuk kemudahan dan prasarana di Universiti disediakan dan dipertingkat untuk kesejahteraan warga kampus, selain memastikan kelestarian kampus, serta meningkatkan pemodenan pentadbiran melalui penyediaan kemudahan teknologi terkini dan memastikan perhubungan teknologi dan pentadbiran sentiasa di hadapan selaras dengan pengurusan 'zero waste'.
4. Mementingkan pembangunan staf bagi membentuk staf yang bersahsiah tinggi, beretika, berintegriti, kreatif, inovatif, dan berdaya saing ke arah matlamat menginsankan Universiti.

Organisasi

Struktur utama Jabatan Pendaftar USM adalah terdiri daripada tiga kampus iaitu Kampus Pulau Pinang, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan. Pada keseluruhannya, Jabatan ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Akademik, Bahagian Perkhidmatan Kemudahan Pusat – Teknologi Maklumat dan Bahagian Latihan

Aktiviti

Sepanjang tahun 2011 Jabatan Pendaftar telah melaksanakan pelbagai aktiviti, antaranya:

Mesyuarat dan Pengauditan

Jadual 1 Mesyuarat dan Pengauditan

Perkara	Bilangan
Pejabat Pendaftar	
Lembaga Gabenor Universiti	6
Jawatankuasa Eksekutif Pendaftar	4
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan Bagi Staf Kumpulan Bukan Akademik (Gred 1 – Gred 40)	9
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan Bagi Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional Bukan Akademik (Gred 41 – Gred 54)	13
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan & Latihan Kakitangan Akademik (RPTKA/RLKA/Pensyarah Pelatih) Gred 41 – Gred 54 dan Cuti Sabatikal Staf Akademik Gred 45 – Gred Khas	7
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan, Jawatan Utama dan Profesor Kanan & Profesor	8
Jawatankuasa Peperiksaan Perkhidmatan Universiti (Peperiksaan Staf)	2
Jawatankuasa Pelantikan Panel Klinik, Panel Farmasi USM	1
Audit Kualiti QAS SIRIM MS ISO 9001:2008	1
ISO – Audit Kualiti Dalam	1
Bahagian Pengurusan Akademik	
Mesyuarat Senat	6
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil tetap Pencalonan Ijazah Kehormat	1
Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian	1
Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti	3
Mesyuarat Majlis Kemasukan Universiti	3
Bahagian Perkhidmatan Kemudahan Pusat – Teknologi Maklumat	
Mesyuarat Belanjawan Pejabat Pendaftar	4
Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Pejabat Pendaftar	3

Bengkel/Kursus/Taklimat/Majlis

Bagi meningkatkan pemahaman dan usaha warga kampus dan pemegang amanah yang lain, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan beberapa sesi bengkel, kursus dan taklimat.

Jadual 2 Seminar/Bengkel/Kursus/Taklimat/Majlis

Tajuk	Bilangan
Seminar Pengurusan Akademik IPT (SPeAK)	1
Bengkel Penyelarasan Carta Organisasi Jabatan Pendaftar	1
Bengkel Pakaian Seragam	1
Taklimat Kewangan Dalam Pejabat Pendaftar	4
Taklimat Kenaikan Pangkat Staf Akademik	3
Taklimat HCMS	3
Taklimat KPI/KIP Pentadbiran PTJ	2
Taklimat SBPA	2
Taklimat Laporan Penilaian Prestasi (LPP)	2
Taklimat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	1
Taklimat Persaraan	1
Majlis Jasamu Dikenang	1
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	1



Seminar Pengurusan Akademik IPT (SpeAK)

Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, Naib Canselor USM, menyampaikan ucapan dan perasmian seminar



Seminar Pengurusan Akademik IPT (SpeAK)
Puan Jamahyah Basiron, Pemangku Pendaftar
USM, menyampaikan ucapan aluan



Seminar Pengurusan Akademik IPT (SpeAK)
Antara para peserta yang hadir



Seminar Pengurusan Akademik IPT (SpeAK)
Sambutan yang menggalakkan dengan bilangan
penyertaan yang memberangsangkan

Pengambilan Pelajar

Tahun 2011 merupakan tahun ketiga USM terus diberi mandat dan kepercayaan untuk menjalankan autonomi pengambilan pelajar peringkat ijazah pertama. Walau bagaimanapun, proses permohonan bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan masih diselaraskan oleh BPKP, Kementerian Pengajian Tinggi. Semua calon yang memohon di USM (kecuali program pendidikan), perlu menduduki Penilaian Penetapan Khas (MunSyl) sebagai salah satu syarat kemasukan. Ujian MunSyl dijalankan pada 9 April 2011 di 235 pusat di seluruh negara dengan kerjasama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Pengambilan pelajar ke program ijazah pertama bagi tahun 2011 merangkumi tujuh (7) saluran pengambilan iaitu Saluran Perdana (lapan STPM, Matrikulasi/Asasi dan Diploma/Setaraf), Saluran Alternatif [Kemasukan Khas, Saluran Kedua, Pendidikan Sepanjang Hayat (Warga Emas, Warga Sukan dan Warga Budaya)], Program Pengajian Jarak Jauh (PPJJ), Pengambilan Pelajar Luar Negara, Pengambilan Khas Antarabangsa Doktor Perubatan USM-KLE, Pengambilan usahasama dengan rakan kongsi (kolej swasta) dan Diploma Kejururawatan (lapan SPM).

Statistik pengambilan pelajar ke **76 program** peringkat ijazah pertama dan satu program Diploma bagi semua saluran adalah seperti yang berikut:

Jadual 3 Statistik Pengambilan Pelajar

Program	Permohonan	Unjuran	Ambilan
Saluran Perdana	29,093	3,501	4,406
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	UPU	240	175
PPJJ	4,648	1,840	2,771
Saluran Alternatif	167	318	98
Diploma Kejururawatan	1,332	100	141
Luar Negara	328	350	92
Doktor Perubatan Antarabangsa USM-KLE	565	100	130
Jumlah	36,133	6,449	7,813

Carta 2 Perbandingan Pengambilan Sidang Akademik 2009/2010, 2010/2011, 2011/2012

	Sidang Akademik		
	2009/2010	2010/2011	2011/2012
Permohonan	26,673	23,081	29,091
Unjuran	3,612	3,539	3,501
Ambilan	3,311	3,694	4,405

Pengambilan Pelajar Pasca Siswazah

Pengambilan pelajar pasca siswazah dikendalikan oleh Institut Pengajian Siswazah. Bagi Tahun 2011, sejumlah 2952 pelajar telah mendaftar sebagai pelajar ijazah tinggi USM. Terdapat peningkatan berbanding 2,831 pelajar pada tahun 2010.

Aktiviti Promosi dan Pemasaran

Untuk menjamin bilangan dan kualiti permohonan, Seksyen Pengambilan Pelajar telah merangka strategi dan melaksanakan pelbagai aktiviti promosi dan publisiti dalam dan luar negara sepanjang tahun 2011 dengan tujuan memperkenalkan USM sebagai Destinasi Pilihan. Seksyen Pengambilan Pelajar juga buat julung-julung kalinya telah menjemput semua Guru Kaunseling dan Penyelaras Tingkatan Enam seluruh Pulau Pinang, Kaunselor Matrikulasi seluruh negara dan Politeknik dari daerah utara untuk ke program Forum Hala Tuju dan Peluang Kemasukan ke USM yang diadakan di Dewan Kuliah A USM. Seksyen ini juga telah mengadakan Hari Terbuka USM (Jerayawara pohon@USM) selama 3 hari berturut-turut di USM untuk memberikan pendedahan tentang program dan peluang pengajian di USM serta kaunter perkhidmatan permohonan dalam talian (*online application*). Ianya turut melibatkan Pusat Pengajian terpilih untuk sesi taklimat.

Promosi dan Pameran

Jadual 4 Promosi & Pameran

Lokasi	Jenis	Bilangan
Dalam Negara	Pameran dan Taklimat di Kolej Matrikulasi dan Sekolah	46
	Karnival Pengajian Tinggi Negara	11 Zon
Luar Negara	Pameran Pendidikan Malaysia di Mauritius, Indonesia, Brunei, Thailand dan India	6

Bagi menarik minat pelajar memohon program di peringkat Ijazah tinggi, pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS) telah mengadakan sebanyak 26 promosi termasuk 5 lawatan ke industri bagi mempromosikan program-program sarjana industri dan PhD industri serta MyBrain15.

Peperiksaan dan Pengijazahan

Pemeriksa Luar

Pada tahun 2011, seramai 23 pemeriksa luar dari 23 bidang pengajian telah dijemput untuk menilai program-program akademik yang ditawarkan oleh USM.

Pengijazahan

Seramai 6,515 graduan USM telah berijazah pada Majlis Konvokesyen Ke-43 dan Majlis Konvokesyen Ke-44 yang telah diadakan pada tahun 2011.

Penganugerahan Kehormat

USM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus kepada beberapa tokoh semasa Majlis Konvokesyen Ke-43 dan Majlis Konvokesyen Ke-44.

Jadual 5 Penganugerahan Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus

Anugerah	Tokoh
Konvokesyen Ke-43	
Doktor Ekonomi	Tan Sri Dato' Dr. Lin See-Yan
Doktor Falsafah	Profesor Sohail Tahir Inayatullah
Profesor Emeritus	Profesor Lim Koon Ong
Konvokesyen Ke-44	
Doktor Sains	Profesor Ryoji Noyori
Doktor Falsafah	Profesor Dr. Al'Amin Ali Mazrui
Doktor Persuratan	Dato' Noordin Hassan

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengenalan

Sepanjang tahun 2011, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah mengambil beberapa langkah untuk memperkasa kepakaran serta memugar kesedaran dan keupayaan perkhidmatan yang diberikan kepada staf. Antara langkah tersebut ialah dengan menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Sanjungan Budi. BPSM juga telah menstruktur semula fungsinya agar perkhidmatan yang diberikan adalah lebih baik dan berkesan.

Fungsi dan Perkhidmatan

Bahagian ini menjalankan pelbagai aktiviti pengurusan sumber manusia diantaranya ialah:

1. Perjawatan dan pembangunan organisasi,
2. Pengambilan dan pembangunan staf
3. Perkhidmatan dan kerjaya
4. Saraan dan penamatan perkhidmatan.

Perjawatan

Permohonan asal jawatan bagi tahun 2011 adalah sebanyak 451 jawatan termasuk 303 jawatan akademik dan 70 jawatan Pegawai Penyelidik. Pihak Agensi Pusat hanya memperakukan tambahan sebanyak 20 jawatan Pensyarah Pergigian manakala lain-lain jawatan diluluskan melalui tukarganti jawatan.

Butiran penuh perakuan melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bil S5 Tahun 2011 adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1 Jawatan Diluluskan

Pusat Tanggung Jawab	Skim	Bil. Jawatan Diluluskan	Catatan
Pusat Pengajian Sains Perubatan	Pensyarah Perubatan DU45/51/52/53/54/ Gred Khas C/B/A	90	90 jawatan Pensyarah Pelatih DU45 dimansuhkan
	Ahli Fotografi Gred B25/B26	1	1 jawatan Ahli Fotografi Gred B17/18/21/22 dimansuhkan
Pusat Pengajian Sains Pergigian	Pensyarah Pergigian DUG45/51/52/53/54/ Gred Khas C/B/A	20	
Perpustakaan Hamzah Sendut	Pustakawan Gred S54v	1	1 jawatan Pustakawan Gred S52 dimansuhkan

Pada tahun 2011, pihak agensi pusat telah mengambil tindakan untuk menyelaraskan semua data perjawatan bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pengemaskinian data perjawatan ini melibatkan tiga agensi iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan IPTA dan telah dilaksanakan melalui projek *Zero-Based* Perjawatan. Tujuan utama projek ini ialah untuk menyelaraskan data perjawatan yang ada pada sistem JPA, KPT dan IPTA. Semua IPTA diminta menyenaraikan senarai perjawatan dengan bukti Surat Kelulusan Perjawatan (SKP).

Projek *Zero-Based* telah mengambilkira semua Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan dengan perjawatan sejak tahun 2009 hingga 2011. Antaranya adalah penjumudan skim Pembantu Tadbir Rendah dan Operator Mesin Prosesan Data. Daripada 298 jawatan tersebut di USM sebanyak 179 jawatan (60%) telah dinaiktaraf kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17/N22 KUP. Sebanyak 35 jawatan Setiausaha Pejabat juga telah dinaiktaraf daripada Gred N17/N22/N27/N28 kepada Gred N17/N22/N27/N28/32 manakala 6 jawatan lagi dinaiktaraf kepada N27/N28/32/N36. Statistik perjawatan sebelum 2010 dan 2011 selepas *Zero-Based* adalah seperti di Jadual 2 Perjawatan.

Jadual 2 Penjawatan

Kumpulan Jawatan	Jumlah Perjawatan Diluluskan oleh Agensi Pusat *	Jumlah Perjawatan Diluluskan oleh Agensi Pusat *
	2010	2011
Akademik		
Pengurusan Tertinggi Khas	190	2,183
Pengurusan & Profesional	1,969	
Jumlah	2,159	2,183
Bukan Akademik		
Pengurusan Tertinggi Utama	8	8
Pengurusan & Profesional	807	817
Sokongan	4,227	4,169
Jumlah	5,042	4,994
Jumlah Keseluruhan	7,201	7,177

* Tidak termasuk perjawatan HUSM

Pelantikan

Sepanjang tahun 2011, secara keseluruhannya seramai 639 orang staf telah dilantik. Pelantikan adalah berdasarkan kepada jawatan kosong waran perjawatan (OS 11000) melalui lantikan kontrak atau tetap. Bagi pengisian yang disandarkan kepada OS 29000, pelantikan adalah secara kontrak dan sambilan. Pelaksanaan Pelantikan pada tahun 2010 dan tahun 2011 adalah seperti yang berikut:

Jadual 3 Statistik Pelantikan Staf 2011

Perkara	Akademik	P&P	Sokongan	Tahun 2010	Tahun 2011
Pelantikan Staf Sambilan (Bukan Akademik)	-	49	181	94	230
Pelantikan Staf Sementara (Bukan Akademik)	-	39	27	118	63
Pelantikan Staf Kontrak (Warganegara)	30	4	25	63	59
Pelantikan Staf Kontrak (Bukan Warganegara)	31	6	-	22	37
Pelantikan Staf Tetap	90	23	37	363	150
Pelantikan Kunjungan	58	3		61	61
Felo Pasca Doktorat	39	-	-	73	39
Jumlah	248	121	270	794	639

Kenaikan Pangkat

Jadual di bawah menunjukkan statistik kenaikan pangkat bagi Staf Akademik dan Staf Bukan Akademik pada tahun 2011. Staf Akademik yang telah dinaikkan pangkat meningkat seramai 141 orang manakala Staf Bukan Akademik yang telah dinaikkan pangkat ialah seramai 59 orang.

Jadual 4 Kenaikan Pangkat Staf Akademik

Akademik	2010	2011
Pensyarah Universiti Gred Khas A (VK5) - Profesor	2	0
Pensyarah Universiti Gred Khas B (VK6) - Profesor	6	5
Pensyarah Universiti Gred Khas C (VK7) - Profesor	22	49
Profesor Madya (<i>Termasuk Laluan Kerjaya KKM</i>)	219	50
Pensyarah Kanan	47	37
Jumlah	296	141

Jadual 5 Kenaikan Pangkat Staf bukan Akademik

Bukan Akademik	2010	2011
Pengurusan Tertinggi Utama	1	0
Pengurusan & Profesional	106	25
Sokongan	154	34
Jumlah	261	59

Pembangunan Staf

Untuk memastikan keperluan Universiti dari segi ilmiah dan pendidikan dipenuhi dan sentiasa diperbaharui, USM telah menghantar seramai 103 orang staf akademiknya untuk mengikuti latihan di bawah Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) dan 24 di bawah Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA). Sementara jumlah yang telah menamatkan pengajian pada Peringkat Ijazah Kedoktoran ialah seramai 40 orang di bawah Skim RLKA dan 15 orang di bawah Skim RPTKA. Status keseluruhan felo di bawah Skim RLKA dan RPTKA (perbandingan tahun 2010 dan 2011) ialah seperti yang berikut:

Jadual 6 Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA)

Perkara	Peringkat	Tahun 2010	Tahun 2011
Felo Aktif	Ijazah Sarjana	180	171
	Ijazah Kedoktoran	420	436
Felo Mula Pengajian	Ijazah Sarjana	53	32
	Ijazah Kedoktoran	66	71
Pelanjutan Felo	Ijazah Sarjana	13	45
	Ijazah Kedoktoran	55	143
Penyandaran Felo	Ijazah Kedoktoran	17	62
Penamatan Pengajian Felo	Ijazah Kedoktoran	50	40

Jadual 7 Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA)

Perkara	Peringkat	Tahun 2010	Tahun 2011
Staf Sedang Melanjutkan Pengajian	Ijazah Sarjana	44	2
	Sarjana Kepakaran	-	1
Staf Mula Pengajian	Ijazah Sarjana	73	12
	Ijazah Kedoktoran	-	8
Staf Tamat Pengajian	Ijazah Sarjana	15	16
	Ijazah Kedoktoran	-	9
	Ijazah Kedoktoran	33	6

Cuti Belajar Pentadbiran dan Cuti Sabatikal

Pada tahun 2011 sejumlah 63 staf akademik direkodkan telah mengambil Cuti Sabatikal. Perincian mengikut kampus ialah seperti Jadual VIII di bawah.

Jadual 8 Statistik Staf USM Yang Bercuti Sabatikal

Kampus	Bilangan
Induk	37
Kesihatan	20
Kejuruteraan	6
Jumlah	63

Staf bukan akademik yang telah diluluskan cuti belajar pada tahun 2011 ialah seramai 19 orang. Pecahan mengikut peringkat pengajian dan jenis Cuti Belajar dan kampus dipaparkan di dalam Jadual IX dan X di bawah:

Jadual 9 Statistik Staf USM Yang Bercuti Belajar

Kampus	PhD	Sarjana	Sarjana Muda	Sijil/ Diploma	Jumlah
Induk	0	5	1	1	7
Kejuruteraan	0	0	0	0	0
Kesihatan	0	5	1	6	12
Jumlah	0	10	2	7	19

Jadual 10 Jenis Cuti Belajar yang diberi

Jenis Cuti	Kampus			Jumlah
	Induk	Kesihatan	Kejuruteraan	
Cuti Belajar Bergaji Penuh (Basiswa)	1	0	0	1
Cuti Belajar Bergaji Penuh (Tanpa Biasiswa)	6	12	0	18
Cuti Belajar Tanpa Gaji (Tanpa Biasiswa)	0	0	0	0
Jumlah	7	12	0	19

Penamatan Perkhidmatan dan Pinjaman Staf Ke Agensi Luar

Seramai 229 staf telah tamat perkhidmatan sepanjang tahun 2011. Perincian kategori tamat perkhidmatan terdapat di Jadual XI.

Jadual 11 StatistikTamat Perkhidmatan

Perkara	Akademik/Bukan Akademik	
	2010	2011
Bersara (Wajib)	75	86
Bersara (Pilihan)	-	27
Bersara (Kesihatan)	-	-
Buang Kerja	3	7
Kematian	14	25
Khidmat Ditamatkan	6	15
Letak Jawatan	52	56
Pelepasan Dengan Izin	17	11
Pertukaran Tetap	-	2
Jumlah	193	229

Pelaksanaan Sistem Maklumat Universiti – Staf [SMU-S]

Pada tahun 2011 fokus BPSM ialah pengukuhan semua sistem atau modul di bawah SMU-S yang diguna pakai oleh BPSM dan Pejabat Pendaftar serta pusat-pusat pengajian di kesemua kampus dalam melaksanakan aktiviti sumber manusia. Projek ini dijalankan bersama dengan pihak Unit Aplikasi, Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi [PPKT] kampus Pulau Pinang. Sebanyak 35 modul utama yang telah dibangunkan dan sedang ditambahbaik.

Pelaksanaan Sistem Maklumat Sumber Manusia [HRMIS]

USM meneruskan pelaksanaan HRMIS yang merupakan satu projek aplikasi perdana kerajaan dalam pengurusan sumber manusia. Pencapaian USM bagi pengemaskinian data menunjukkan prestasi yang memberansangkan dimana peratusan pengemaskinian terus meningkat pada tahun 2011 bagi profil perkhidmatan iaitu 99.54% sementara profil peribadi mencapai 98.97%.

Inisiatif Menginsanivarsiti

BPSM juga tidak tertinggal dalam usaha ‘menginsanivarsiti’ pada tahun 2011. Diantara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah yang berikut:

1. Pengubahsuaian Ruang BPSM

Fokus BPSM pada tahun 2011 adalah untuk memastikan keselesaan staf dalam suasana kerja yang kondusif bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan. Oleh yang demikian, cadangan ubahsuaian ruang pejabat adalah menjadi agenda utama kepada BPSM.

Sejak tahun 1991, ubahsuaian ruang pejabat secara menyeluruh tidak pernah dilakukan. Keperluan ruang untuk menampung peningkatan staf serta ruang kerja tambahan perlu ditangani segera kerana ia berkait rapat dengan isu Pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001 : 2008. Elemen persekitaran adalah merupakan satu syarat penting dalam klausa 6.4 “*Work Environment*”-*Persekitaran Kerja*, yang merupakan syarat persijilan kualiti BPSM. Selaras dengan hasrat ini, pihak Universiti telah meluluskan cadangan ubahsuaian BPSM dan kerja ubahsuaian telah bermula pada bulan Oktober 2011. Perkara ini juga adalah selari dengan aspirasi universiti untuk menginsanivarsiti terutamanya dalam aspek kesejahteraan dan kebajikan staf.

2. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Sebagai menghargai staf yang telah memberi perkhidmatan cemerlang kepada Universiti sepanjang tahun 2010 ke arah pencapaian agenda APEX, beberapa bentuk penghargaan berupa peluang menghadiri kursus/latihan dan juga lawatan ke luar negara secara berkumpulan telah diuruskan oleh BPSM dengan kerjasama Unit Latihan. Seramai 32 staf dari ketiga-tiga kampus telah dibiayai bagi menghadiri kursus-kursus dan latihan yang dikendalikan oleh Unit Latihan, USM dan juga anjuran pihak luar. Seramai 59 staf dari ketiga-tiga kampus juga telah menghadiri lawatan sambil belajar ke Universitas Padjadjaran, Bandung pada 3–6 Oktober 2011. Lawatan pada 24–27 Oktober 2011 pula telah melibatkan seramai 52 staf ke Bandung, manakala 38 staf lagi ke Universiti Chulalongkorn, Bangkok. Kursus-kursus dan lawatan yang telah dihadiri ini telah memberi suntikan semangat dan dorongan kepada staf terbabit untuk lebih berdaya saing, kreatif dan inovatif selain membuka minda mereka mengenai aspek budaya dan sosial dunia luar.

3. Bimbingan Staf

3.1 Kursus Kaedah Penyelidikan

USM berusaha untuk membantu Felo di bawah Skim Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) dan Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA) menyediakan serta menghasilkan tesis yang berkualiti dengan mengadakan Kursus Kaedah Penyelidikan. Objektif kursus, yang telah diadakan pada 25 sehingga 29 Julai 2011, adalah bagi membantu penyediaan cadangan penyelidikan Felo USM. Melalui kursus ini Felo diberi garis panduan untuk menjalankan penyelidikan dan dengan garis panduan tersebut Universiti berharap Felo dapat menghasilkan penulisan tesis yang diiktiraf serta penemuan baru dan berpotensi untuk dikomersilkan selaras dengan aspirasi APEX disamping pengkayaan Modal Insan.

3.2 Program Pemantapan Modal Insan USM

Dalam usaha membangunkan modal insan USM yang terbaik dan memenuhi aspirasi Universiti, BPSM telah memulakan inisiatif pertama di bawah Program Pemantapan Modal Insan USM iaitu Kelas Bimbingan Peperiksaan. Seksyen Pembangunan Organisasi telah mewujudkan Kelas Bimbingan Peperiksaan Staf kepada warga USM yang bakal menduduki Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL). Tajuk yang ditumpu dalam kelas bimbingan ini adalah meliputi bidang subjek umum seperti Perintah Am, Perlembagaan Universiti, Tatacara Pengurusan Kewangan, Peraturan Akademik dan urusan pentadbiran USM secara am.

Dua Siri kelas bimbingan yang telah diadakan pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

Tarikh	Kelas Bimbingan	Bilangan Staf	Tarikh Peperiksaan
7–9 Jun 2011	Siri I	109	14–17 Jun 2011
14–15 Disember 2011	Siri II	53	20–22 Disember 2011

3.3 Program Wacana Ilmu BPSM

BPSM, Pejabat Pendaftar telah mewujudkan wadah informasi kepada warga staf seiring dengan matlamat universiti dalam mewujudkan modal insan yang berpengetahuan [k-worker] dan pemupukan elemen insanivarsiti. Objektif siri Wacana Ilmu ini ialah mewujudkan ruang perkongsian ilmu dan kepakaran bagi warga BPSM dalam urusan pentadbiran dan pengurusan sumber manusia. Wacana Ilmu yang telah direalisasikan pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

Tarikh dan Tempat	Tajuk Wacana
13 Mei 2011 - Dewan Persidangan Universiti (DPU)	<i>Tanggungjawab dan Peranan Pegawai USM dalam Menguruskan Dokumen Rasmi USM</i>
7 Jun 2011 - Dewan Kuliah A	<i>Kesantunan Bahasa dalam Penulisan Laporan Rasmi - Pemantapan Budaya Kualiti</i>





fun for peace
creating a culture of peace

JABATAN BENDAHARI

JABATAN BENDAHARI



Pengenalan

Pengurusan kewangan adalah salah satu aspek penting bagi menyokong dan merealisasikan aspirasi Universiti. Jabatan Bendahari berfungsi sebagai jabatan yang bertanggungjawab bagi memastikan kecekapan dalam semua hal pengurusan perakaunan dan kewangan Universiti ke arah mencapai Pengurusan Kewangan Kejat (*Lean Financial Management*).

Sebagai pusat pengurusan kewangan, Jabatan Bendahari melaksanakan fungsi tersebut berlandaskan visi, misi dan objektif yang telah ditetapkan.

Visi

Menjadi pusat pengurusan kewangan yang menyokong aspirasi Universiti.

Misi

Menjadi pusat pengurusan kewangan mapan melalui pembangunan sistem teknologi dan perkhidmatan berintegriti, di samping membina modal insan yang berinovasi lagi berhemah bagi mencapai kelestarian kewangan hari esok.

Objektif

1. Memperkukuhkan sistem perancangan dan perkhidmatan kewangan melalui proses belanjawan, perolehan, pengurusan aset dan pinjaman yang efektif dan efisien sejajar dengan pencapaian matlamat Universiti.
2. Meningkatkan kualiti pengurusan penerimaan sumber kewangan dengan cekap dan berkesan ke arah pembangunan lestari Universiti.
3. Mengurus perbelanjaan sumber kewangan mengikut proses pengagihan sumber berpandukan kepada akta, dasar dan peraturan yang ditetapkan.
4. Memantapkan pelaksanaan prosedur kerja melalui proses kerja mapan mengikut amalan urus tadbir baik dengan mengutamakan satu perkhidmatan, satu penyampaian pengurusan maklumat yang berkesan kepada pelanggan.
5. Meningkatkan kualiti pelaporan kewangan dengan mengutamakan ciri-ciri ketepatan maklumat, keterangan berintegriti dengan berorientasikan sistem teknologi ke arah diseminasi maklumat yang berkesan.
6. Mengutamakan pembangunan modal insan yang memberi impak positif ke arah peningkatan kemahiran, berinovasi, kreatif dan beraspirasikan etika kerja yang berhemah.

Aktiviti

Bil.	Aktiviti
BENGGEL/TAKLIMAT	
1	Bengkel Perancangan Pelan Strategik Jabatan Bendahari
2	Taklimat Subseksyen 44[6] Akta Cukai Pendapatan 1967
3	Taklimat Tadbir Urus Kewangan (Hospital USM)
4	Taklimat Penggunaan Waran Penerbangan Udara Awam <i>Air Asia</i>
LAWATAN KERJA	
1	Lawatan Kerja Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Sarawak ke Jabatan Bendahari USM
2	Lawatan Kerja Jabatan Bendahari UITM Johor ke Jabatan Bendahari USM
3	Lawatan Kerja Jabatan Bendahari Universiti Kebangsaan Malaysia ke Jabatan Bendahari USM
4	Lawatan Kerja Jabatan Bendahari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ke Jabatan Bendahari USM
5	Kunjungan Hormat Ahli Jawatankuasa Kerja KKAUSM sesi 2010-2012 ke Jabatan Bendahari USM
6	Lawatan Kerja Jabatan Bendahari USIM ke Jabatan Bendahari USM
AKTIVITI LAIN/RIADAH/KECERIAAN STAF	
1	Majlis Penghargaan Staf Jabatan Bendahari
2	Kempen Promosi Kesihatan
3	Sesi Penilaian Pematuhan SAGA
4	Perjumpaan bersama Wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Dewan Perundingan Pelajar (DPP)
5	Perjumpaan bersama Naib Canselor
6	Tazkirah Ramadhan

Bil.	Aktiviti
LATIHAN/PEMBANGUNAN MODAL INSAN	
1	Program Kunjung Bantu 2011
2	Kursus Belanjawan Universiti
3	Kursus Pengurusan Tuntutan Staf
4	Kursus Pengurusan Aset Universiti
5	Kursus Pengurusan Hasil dan Penerimaan Universiti
6	Kursus Microsoft Excel 2007 [Analisa Kewangan]
7	Kursus Pengurusan Kewangan Pelajar
8	Kursus <i>Train The Trainers : Asset Info @ PTJ</i>
9	Kursus Asset Info @ PTJ
10	Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun [Akta 605]

Pencapaian

Sebagai salah sebuah jabatan sokongan yang menyediakan perkhidmatan kewangan, pengurusan pelanggan yang berkualiti dilaksanakan melalui pengukuhan prasarana pelanggan dan komunikasi, dengan hasrat untuk menghasilkan penyampaian perkhidmatan dan pengurusan maklumat yang berkesan kepada pelanggan.


Automasi Pengurusan Kewangan

Pengautomasian merupakan antara pendekatan utama yang diambil dalam usaha memastikan kelancaran pengurusan kewangan. Ini dilakukan dengan memberi ketepatan maklumat dan keterangan berintegriti, serta mempermudah dan memantapkan pengurusan kewangan oleh pusat tanggungjawab.

Sistem Kewangan dan Perakaunan USM (USMeFAS)

Sistem Kewangan dan Perakaunan USM (USMeFAS) dibangunkan dengan menekankan ciri-ciri kawalan dan pemantauan agar dapat menyokong Pengurusan Universiti dalam membuat keputusan kewangan. Ianya terdiri daripada 7 pakej merangkumi keperluan semua peringkat pelanggan melalui:

- ◇ Perancangan kewangan dalam penjanaan dana bagi menampung operasi dan perkembangan Universiti.
- ◇ Kawalan dan pemantauan dalam operasi kewangan dan perakaunan Universiti.
- ◇ Pengurusan perolehan Universiti.
- ◇ Pengurusan pembayaran kepada pelanggan sama ada pelanggan dalaman atau luaran Universiti.
- ◇ Pengurusan hasil dan penerimaan bagi perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Universiti.
- ◇ Penyediaan maklumat kewangan dan perakaunan kepada pengguna.
- ◇ Penyediaan bantuan sokongan aplikasi dan teknikal kepada pengguna USMeFAS.



Sijil Pematuhan SAGA (*Standard Accounting System For Government Agencies*)

SAGA (*Standard Accounting System For Government Agencies*) adalah konsep sistem perakaunan berkomputer yang dibangunkan atau pakej perakaunan di pasaran yang diubahsuai mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan dan memenuhi semua keperluan Prinsip Perakaunan Diterima Umum (*Generally Accepted Accounting Principles*) bagi laporan kewangan. Agensi yang telah mempunyai sistem perakaunannya sendiri perlu mendapatkan Sijil Pematuhan SAGA daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).


Jawatankuasa *SAGA Compliance (JKSC)* yang terdiri daripada JANM, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Audit Negara dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan

Malaysia (MAMPU) telah membuat penilaian ke atas USMeFAS dan mendapati ianya memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2011.

Pada 15 Disember 2011, Jawatankuasa Pemandu SAGA yang dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia mengiktiraf USMeFAS dan menganugerahkan **Sijil Pematuhan SAGA** kepada USM.

Komunikasi Mesra Pelanggan

Pendekatan mesra pelanggan sentiasa dititikberatkan dalam menyokong penyampaian perkhidmatan kewangan. Elemen kepuasan pelanggan diberi perhatian bagi memastikan proses penambahbaikan berterusan dan jaminan kepatuhan terhadap kehendak pelanggan dan peraturan adalah selaras dengan dasar Universiti.



Pemantapan Modal Insan

Modal insan merupakan teras utama dalam menyumbang ke arah kejayaan sesebuah organisasi. Sehubungan itu Jabatan Bendahari turut menitikberatkan aspek pembangunan dan pengukuhan modal insan melalui pelaksanaan pelbagai latihan kepada staf Jabatan Bendahari mahupun staf di pusat tanggungjawab (PTJ), khususnya dalam pengurusan kewangan.

Dalam usaha meningkatkan prestasi kerja berpasukan serta mengeratkan silaturrahim di kalangan staf, penganjuran beberapa aktiviti telah dilakukan. Antaranya ialah aktiviti riadah dan keceriaan sesama warga kerja jabatan yang dilakukan dari semasa ke semasa bagi mewujudkan suasana dan persekitaran kerja yang harmoni.

Cabaran

Aspek utama cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Bendahari meliputi pengurusan sumber kewangan yang terhad, usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan berbanding keperluan kepada pematuhan peraturan serta keperluan modal insan yang berkualiti seperti berikut:



Memastikan kelestarian kewangan Universiti



Karenah birokrasi Agensi Pusat
– Proses mempermudah prosedur
yang mengambil masa



Pemikiran di luar kotak (*Out of the box*)
melalui strategi lautan biru vs. Pematuhan
kepada peraturan



Modal insan yang berkemahiran
dan berbakat

Rumusan

Jabatan Bendahari sentiasa memberi tumpuan dalam aspek meningkatkan penyampaian perkhidmatan kewangan secara berterusan. Ini dilakukan bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan dalaman mahupun luaran, selaras dengan keperluan semasa Universiti.




Walau bagaimanapun, setiap usaha dan pendekatan yang dilaksanakan sentiasa mengambil kira keseimbangan dalam aspek kelestarian modal insan. Usaha-usaha ini yang beraspirasikan etika kerja yang berhemah akan memberi impak positif dalam pelaksanaan tugas dan seterusnya membawa kepada pencapaian matlamat, sejajar dengan visi, misi dan objektif yang telah digariskan Universiti.



fun for peace
creating a culture of peace

PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN



Pengenalan

Sebagai sebuah pusat rujukan dan sumber maklumat warga Universiti, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) sentiasa merangka strategi bagi merapatkan lagi hubungannya dengan pemegang taruhnya. Penekanan terhadap aspek kualiti dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggannya sentiasa diambil perhatian. Ianya dibuktikan dengan pengesahan persijilan MS ISO 9001:2008 terhadap Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan yang memberi jaminan kepada pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1969 Perpustakaan terus berkembang sejajar dengan perkembangan Universiti. Kini rangkaian Perpustakaan USM terdiri daripada Perpustakaan Hamzah Sendut (2010 - Perpustakaan Digital), Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Perpustakaan Hamzah Sendut 2 (1994), Perpustakaan Perubatan di Kubang Kerian (1979), Kelantan, Perpustakaan Kejuruteraan (1986) di Nibong Tebal dan Pusat Ilmu Translasi dan Maklumat di Bertam (2002). Pada 3 Mac 2011, bangunan baharu empat tingkat telah dirasmikan oleh Naib Canselor USM, Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak. Bangunan ini adalah merupakan sebuah perpustakaan digital, di mana kemudahan untuk mengakses bahan elektronik disediakan sepenuhnya.

Visi

Menjadi pemangkin ke arah perkembangan ilmu, keserjanaan dan pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan lestari.

Misi

Menjadi sebuah Perpustakaan Akademik dan Perpustakaan Penyelidikan yang mempunyai sumber bernilai dan memberi perkhidmatan yang berkualiti untuk menyokong Universiti Sains Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pembangunan insan serta menyumbang ke arah kemajuan ilmu.

Objektif

Dalam usaha untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan, Perpustakaan USM telah menetapkan beberapa objektif yang perlu dicapai bagi tahun 2011. Objektif yang utama ialah pembangunan insan yang berhemah dan berilmu selaras dengan statusnya sebagai Universiti APEX. Selain itu objektif Perpustakaan USM merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Menguruskan Sumber Maklumat Universiti
- ii. Menguruskan Perkhidmatan Maklumat
- iii. Pendidikan Pengguna
- iv. Pembangunan dan pengurusan teknologi maklumat
- v. Pengurusan sumber manusia
- vi. Penyelenggaraan dan bekalan

Aktiviti

Sepanjang tahun 2011 pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan pelanggan untuk memantapkan perkhidmatan kepada pelanggan dan pengurusan perpustakaan telah dijalankan seperti berikut;

a. Program Bersama Pelanggan

Sebanyak 15 program bersama pelanggan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2011 untuk mendekatkan lagi perpustakaan dengan masyarakat Universiti.

b. Program Bersama Masyarakat

Aktiviti jaringan masyarakat juga menjadi sebagai satu agenda penting agar masyarakat luar dapat memahami hasrat Universiti untuk membangunkan modal insan sebagai satu aset penting kepada negara. Perpustakaan telah mengadakan beberapa aktiviti jaringan masyarakat seperti berikut:

- i. Taklimat Kerjaya bidang Kepustakawanan kepada pelajar Sekolah Menengah Bakti, Tasek Gelugor, Pulau Pinang.
- ii. Taklimat Pengurusan Perpustakaan kepada staf Perpustakaan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.
- iii. Sumbangan bahan bacaan bagi menjayakan program Bacathon anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di Sekolah Kebangsaan Gelugor, Gelugor, Pulau Pinang.
- iv. Riang Ria Rabu di Pusat Sumber Kanak-kanak, Hospital USM
- v. Program *Infohunt* bersama pelajar Sekolah Menengah Tunku Temenggung, Pendang, Kedah.

c. Penganjuran Seminar/Bengkel

Sebanyak 19 seminar/bengkel telah dianjurkan pada tahun ini; 16 pada peringkat jabatan dan tiga pada peringkat kebangsaan.

d. Aktiviti Pameran

Sebanyak 14 pameran telah diadakan sepanjang tahun 2011 seperti berikut:

- i. Pameran Penggunaan dan Bahaya Dadah kepada Mahasiswa.
- ii. Siri Pameran Topikal (12 siri).
- iii. Pameran Tokoh-tokoh Kemerdekaan Negara.

e. Aktiviti Kualiti dan MS ISO 9001:2008

Perpustakaan telah menganjurkan pelbagai aktiviti kesedaran, pemahaman dan amalan terhadap budaya kualiti. Pada tahun ini sebanyak dua puluh aktiviti berkaitan dengan kualiti telah diberi kepada seluruh staf perpustakaan.

f. Hari Inovasi Perpustakaan

Pada tahun ini Perpustakaan USM telah menganjurkan Hari Inovasi peringkat Perpustakaan. Program ini yang diadakan pada 8 Disember 2011 dianjurkan bersama dengan Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Cuti Sakit Sifar kepada staf Perpustakaan USM.

g. Aktiviti Perpustakaan Sejahtera

Program Majlis Tahlil, Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Jamuan Hari Raya telah diadakan dalam usaha menjalinkan ikatan silaturrahim antara staf. Bacaan doa pada setiap pagi diteruskan dan bacaan ikrar integriti diadakan pada setiap awal bulan supaya staf dapat berkerja dengan penuh tanggungjawab.

h. Pelawat-pelawat

Perpustakaan USM telah menerima seramai 5,225 pelawat dari luar seperti berikut:

- i. Murid-murid dari 5 buah Sekolah Rendah.
- ii. Murid-murid dari 75 buah Sekolah Menengah.
- iii. Pelawat dari 21 Institut Pengajian Tinggi dalam negara.
- iv. Pelawat dari 13 Institut Pengajian Tinggi luar negara.
- v. Pelawat dari sembilan Organisasi luar

f. Perpindahan koleksi PHS 2 ke PHS 1


Aktiviti perpindahan koleksi dari Perpustakaan Hamzah Sendut 2 ke Perpustakaan Hamzah Sendut 1 telah dilaksanakan mulai 13 Jun 2011 sehingga 1 Julai 2011. Koleksi siap disusun dan dapat digunakan oleh pelajar pada bulan September. Semua koleksi majalah di tempatkan di Perpustakaan Hamzah Sendut 2.

Pencapaian

Perkhidmatan dan Kemudahan

Perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada pengguna dilakukan dengan pemantapan berterusan sistem bersepadu dalam talian dari ILMU Perdana untuk seluruh rangkaian Perpustakaan USM. Laman web Perpustakaan (www.lib.usm.my), (www.kck.usm.my/pustaka), (<http://library.eng.usm.my/englib>) yang merupakan portal kepada beberapa perkhidmatan secara elektronik mencatatkan sejumlah 392,276 pengguna pada tahun 2011. Penjanaan statistik ini diperolehi dengan menggunakan Google Analytic menggantikan WebLog Expert.


Statistik Penggunaan Laman Web Perpustakaan
(www.lib.usm.my)



Statistik Penggunaan Laman Web
Perpustakaan (www.lib.usm.my)

Google Analytic (2011)

Jumlah Pengunjung Laman Web Perpustakaan (www.lib.usm.my)
Google Analytic (2011)




Ahli berdaftar Perpustakaan USM pada tahun 2011 ialah seramai 62,257 orang. Keahlian Perpustakaan terdiri daripada pelajar, staf akademik/pentadbiran dan publik yang terdiri daripada pekerja sektor korporat, pekerja sektor awam serta pekerja industri dan perdagangan. Perpustakaan telah merekodkan 651,881 kunjungan pengguna sementara perkhidmatan sirkulasi telah melibatkan pinjaman sejumlah 356,057 buah buku secara fizikal.

Program Pendidikan Pengguna dan Literasi Maklumat meningkat sedikit dalam tahun 2011. Pada keseluruhannya sebanyak 398 bengkel dan sesi latihan telah dijalankan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut yang melibatkan 13,621 pengguna.

Program Orientasi Perpustakaan dijalankan setiap kemasukan pelajar baharu. Semasa Taklimat Pengenalan Perpustakaan 2011, seramai 2,759 pelajar baharu telah hadir sementara 1,815 pelajar telah menyertai Latihan KRISALIS (Katalog Dalam Talian Perpustakaan).

Perkhidmatan maklumat elektronik terus meningkat dengan pengkalan/pembaharuan langganan kepada pangkalan data yang penting dan sesuai untuk pengguna. Penggunaan sepanjang tahun 2011 bagi Pangkalan Data ialah sebanyak **2,010,908** dan sejumlah **164,805** penggunaan yang telah dicatatkan dalam buku elektronik oleh pengguna Perpustakaan.

Statistik E-mel Pengguna "Contact Us" (2007–2011)



Peruntukan dan Koleksi

Pada tahun 2011, Perpustakaan USM telah menerima peruntukan sebanyak RM16,360,000, berkurangan sebanyak RM186,303 dari peruntukan 2010. Dari jumlah tersebut sebanyak RM4,290,000 adalah untuk pembelian buku dan bahan media dan sejumlah RM12,070,000 adalah untuk pembaharuan dan langganan majalah serta langganan pangkalan data elektronik.

Perpustakaan USM telah berupaya menambah koleksinya sebanyak 21,252 judul dengan jumlah naskhah sebanyak 26,244 menjadikan jumlah keseluruhan koleksi Perpustakaan sebanyak 2,804,204.



Koleksi Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Bil.	Jenis Bahan	Jumlah Judul		
		2009	2010	2011
1.	Buku dan Jurnal Bercetak (Jumlah naskhah)	693,437 (1,063,585)	716,692 (1,090,718)	737,944 (1,116,962)
2.	Buku elektronik	1,343,061	1,338,193	1,338,193
3.	Jurnal elektronik	511,515	511,635	511,635
4.	Bahan Media (termasuk mikrobentuk)	214,747	215,541	216,432
Jumlah		2,762,760	2,782,061	2,804,204



Penjanaan Kewangan

Sepanjang tahun 2011 Perpustakaan USM telah menjana kewangan berjumlah RM190,936.00 yang diperolehi melalui kutipan denda, sewaan loker dan sewaan tapak di perkarangan bangunan Perpustakaan.

Pendigitan Bahan

Perpustakaan telah meningkatkan usaha kerja pendigitan di mana sebanyak 23,610 (eprints.usm.my) bahan telah didigit. Bahan-bahan ini terdiri daripada kertas kerja persidangan, bahan rujukan, penerbitan kakitangan akademik, keratan akhbar, kertas soalan peperiksaan, tesis, koleksi artikel naib canselor, koleksi sasterawan negara dan lain-lain.

Latihan Staf

Kekuatan sesebuah organisasi adalah terletak pada keupayaan mengurus dan membangunkan modal insan dalam menghadapi cabaran dan perubahan-perubahan yang sentiasa berlaku terutamanya dalam teknologi maklumat. Berasaskan kepada keperluan pelanggan yang pelbagai serta perkembangan teknologi ICT, pelbagai latihan berkaitan telah dijalankan untuk staf dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf pada semua peringkat. Staf juga dihantar menghadiri kursus/latihan di luar Perpustakaan yang dianjurkan oleh Universiti atau badan-badan luar. Sejumlah 911 penyertaan daripada staf telah direkod untuk 122 sesi latihan yang dihadiri sepanjang tahun 2011. Semua usaha-usaha yang dilaksanakan ini terangkum di dalam konsep **Insaniversiti: Transformasi Menginsani Varsiti**.

Pengiktirafan

Pembentangan Kertas Kerja

Seramai 15 orang Pustakawan telah membenteng kertas kerja di empat Persidangan Kebangsaan dan dua Persidangan Antarabangsa.

Pensijilan ISO 9001 : 2008

Perpustakaan USM sekali lagi berjaya mengekalkan Pensijilan ISO 9001:2008 setelah Audit Pematuhan (Surveillance Audit) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang dilaksanakan pada 10–12 Oktober 2011 mendapati Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan memenuhi keperluan auditan.

Pengantarabangsa

Bagi meneruskan usaha pengantarabangsa, Perpustakaan USM selaku Sekretariat *ASEAN University Network Inter-Library Online (AUNILo)* telah bekerjasama dengan Sekretariat ASEAN University Network (AUN) bagi menyelaraskan 'The 7th AUNILo Committee Meeting' bertempat di University of Philippines Diliman, Manila, Philippines. Perpustakaan USM sekali lagi telah diberi kepercayaan menjadi Sekretariat AUNILo untuk tempoh 2009–2013.

Cabaran

Dalam usaha untuk merialisasikan **Insaniversiti : Transformasi Menginsani Universiti**, Perpustakaan USM menghadapi beberapa cabaran semasa. Antaranya ialah perpindahan koleksi dari Perpustakaan Hamzah Sendut 2 ke Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan memindahkan kesemua koleksi Majalah dari Perpustakaan Hamzah Sendut 1 ke Perpustakaan Hamzah Sendut 2. Proses perpindahan ini hanya melibatkan staf Perpustakaan sahaja dan ianya dapat menjimatkan perbelanjaan. Perpindahan koleksi ini berjaya dilaksanakan dalam tempoh dua minggu. Oleh itu Perpustakaan dapat memfokuskan perkhidmatan pinjaman dan pemulangan bahan yang diberikan kepada pelanggannya di suatu tempat sahaja.

Selain itu, Perpustakaan USM juga telah menjalankan sebanyak 359 sesi Latihan Pendidikan Pengguna untuk memberi kemahiran kepada pengguna menggunakan pangkalan data, dan pencarian maklumat dengan berkesan.

Rumusan

Aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2011 seperti Program Bersama Pelanggan, Program Bersama Masyarakat, Penganjuran Seminar/Bengkel, Pameran serta sesi Latihan Pendidikan Pengguna adalah menjurus kepada konsep **Insaniversiti : Transformasi Menginsani Universiti**. Ini dapat dilihat dari statistik penggunaan Perkhidmatan dan Kemudahan yang meningkat dibandingkan pada tahun 2010.

Bangunan baharu yang telah siap dibina pada tahun 2011 boleh dianggap sebagai satu peralihan baharu kepada pengguna perpustakaan. Di samping memberikan kemudahan perkhidmatan dalam bentuk elektronik kepada pengguna, bangunan baharu ini telah memberikan keselesaan kepada staf dan pelajar.

Pembentangan kertas oleh 15 orang Pustakawan USM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa merupakan satu pencapaian baharu pada tahun 2011 di mana pengiktirafan kepakaran dan ilmu telah diterima dalam bidang kepustakawanan dan berjaya menaikkan nama Universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Peruntukan untuk pembelian sumber maklumat perpustakaan yang diberikan sebanyak RM16,360,000 termasuk kepada Perpustakaan USM di kampus cawangan telah selesai dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Selain itu, Perpustakaan USM juga berjaya mengekalkan Pensijilan ISO 9001:2008 versi baharu setelah diaudit oleh SIRIM QAS pada 10–12 Oktober 2011. Perpustakaan juga menjadi pakar rujuk dalam bidang ISO 9001:2008 apabila ramai staf Perpustakaan dijemput menjadi fasilitator di jabatan lain dan juga menjadi juruaudit untuk Audit Kualiti Dalam di jabatan-jabatan lain dalam Universiti.





fun for peace
creating a culture of peace

JABATAN PEMBANGUNAN

JABATAN PEMBANGUNAN



Pengenalan

Jabatan Pembangunan pada mulanya diwujudkan sebagai Unit Perkhidmatan Teknikal di bawah Pejabat Bendahari pada tahun 1971. Ekoran perkembangan dan pembangunan fizikal yang pesat, unit ini dinaik taraf menjadi Jabatan pada tahun 1971 dan diketuai oleh Ketua Jurutera. Pada tahun 1983 gelaran Ketua Jurutera ditukar kepada Pengarah.

Jabatan Pembangunan cawangan kampus Kubang Kerian, Kelantan kemudiannya ditubuhkan pada tahun 1982, bagi mengambil alih Bangunan Hospital Kubang Kerian daripada Jabatan Kerja Raya dan mengawasi serta menyelia kerja pembinaan Kampus Pusat Pengajian Sains Perubatan.

Pada tahun 1986, satu lagi cawangan kampus telah diwujudkan di Perak. Jabatan Pembangunan cawangan kampus Perak pada awalnya diberi tanggungjawab mengambil alih dan mengubah suai bangunan lama Majlis Perbandaran Ipoh untuk dijadikan kampus sementara Kampus Kejuruteraan yang masa itu dalam pembinaan kampus tetapnya di Bandar Sri Iskandar.

Pada tahun 2001, kampus cawangan Perak telah berpindah ke lokasi baru iaitu di Transkrian. Kampus cawangan ini terletak di sempadan 3 buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak dan Kedah. Kampus ini dikenali sebagai Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia.

Tahun 2011 merupakan ulang tahun ke-40 kewujudan Jabatan Pembangunan menyumbang bakti dan bekerjasama dengan semua pihak dalam usaha membangun dan memartabatkan

universiti sehingga ke tahap yang cemerlang sebagaimana yang kita dapat lihat pada hari ini. Namun keazaman, iltizam dan usaha ke arah kecemerlangan kualiti dan prestasi akan sentiasa berterusan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Visi

Jabatan yang diiktiraf tahap pencapaian cemerlang dalam pengurusan pembangunan fizikal, pengurusan fasiliti, sistem penyenggaraan dan perkhidmatan kemudahan Universiti.

Misi

Menjadikan Jabatan dengan setiap anggotanya pemberi perkhidmatan yang berkualiti dan merealisasikan budaya kualiti adalah budaya Jabatan.


Objektif

Untuk mencapai hasrat Universiti dalam memberi perkhidmatan yang efisien, memastikan pencapaian dan perjalanan setiap aktiviti yang dirancang berjalan dengan lancar dan efektif. Mampu bertindak ke arah pencapaian matlamat Jabatan sejajar dengan perkembangan pesat Universiti. Memenuhi keperluan ruang yang kian meningkat dan menepati fungsi yang dikehendaki.

- Memastikan persekitaran yang selari dengan falsafah kampus sejahtera.
- Menyediakan kemudahan asas, infrastruktur dan perkhidmatan bangunan yang baik dan efisien dan menjurus kampus futuristik.
- Menyediakan fasiliti dan perkhidmatan sokongan yang berkualiti, pembangunan berfungsi, selamat, indah dan pintar.
- Mengamalkan budaya pengurusan kerja yang berkualiti demi kepuasan pelanggan.
- Memantapkan struktur organisasi Jabatan Teknikal.
- Memantapkan pengurusan pembangunan berasaskan pengetahuan dan pengalaman serta penumpuan terhadap merealisasikan hasrat jabatan dalam memperkukuhkan pengurusan aktiviti-aktiviti bahagian.
- Pengurusan dan rangkaian organisasi yang proaktif dan berketerampilan.
- Pengurusan modal insan yang cekap dan berkesan.
- Menerap dan mengkaji garis panduan EPU untuk pembangunan IPT.
- Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan dan penyelenggaraan seperti CMMS, BEAMS, IMOS, SIPER, FLEET BETA dan sebagainya.

Inventori Aset Fizikal USM

Peta 1 Pelan Kampus Induk



Jadual 1 Keluasan Tanah

Universiti Sains Malaysia	Keluasan (Hektar)
Kampus Induk <i>termasuk Mukahead dan Sanggar Sains</i>	253.98
Kampus Kejuruteraan	139.14
Kampus Kesihatan	87.62
IPPT	141.7
Jumlah	622.44

Jadual 2 Bilangan Bangunan

Universiti Sains Malaysia	Bilangan Bangunan	Keluasan Lantai (M.P)
Kampus Induk	308	472,863
Kampus Kejuruteraan	36	150,878
Kampus Kesihatan	34	251,566

Aktiviti dan Pencapaian

1. Projek Pembinaan

1.1. Projek Berimpak Tinggi

Projek berimpak tinggi yang siap pada tahun 2011 di kampus induk adalah projek pengubahsuaian Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) dan projek pembinaan Kompleks Cahaya Siswa. Manakala projek berimpak tinggi di kampus kejuruteraan adalah projek pembinaan bangunan SERC (*Science and Engineering Research Centre*). Tahun 2011 juga menyaksikan projek pembinaan di IPPT (Institut Perubatan dan Pergigian Termaju) yang telah berjaya disiapkan. Projek-projek ini sememangnya memenuhi aspirasi universiti iaitu insaniversiti: Transformasi Menginsani Universiti. Perincian projek adalah seperti dalam jadual di bawah.

Nama Projek	Kampus	Kos Projek (RM)	Tarikh siap
Pengubahsuaian ruang dalaman Auditorium DTSP	Kampus Induk	5,678,639.25	6 Sept 2011
Pengubahsuaian Bangunan H20, H23, H24 dan Dewan Permai untuk Kompleks Cahaya Siswa HEPP	Kampus Induk	Fasa 1: 9,822,106.66	24 Mac 2010
		Fasa 2: 5,935,548.00	7 Julai 2011
Pusat Pentadbiran HEPP dan Siswazah -SERC	Kampus Kejuruteraan	22,721,577.00	28 Okt 2011
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju	Kampus IPPT	208,753,340.00	5 Ogos 2011

Manakala projek-projek lain yang dikategorikan sebagai berimpak rendah dengan nilai projek di bawah RM 1 juta telah berjaya disiapkan pada tahun 2011 dengan kos keseluruhan projek bernilai RM 9,870,133.00. Terdapat 17 projek kesemuanya. Projek-projek ini meliputi projek baru, projek naik taraf, projek pengubahsuaian dan projek Rancangan Malaysia.

Gambar 1 Auditorium Dewan Tuanku Syed Putra



Gambar 2 Kompleks Cahaya Siswa



Gambar 3 Pusat Penyelidikan Sains dan Kejuruteraan (*Science and Engineering Research Centre-SERC*)



Bangunan makmal penyelidikan bersepadu ini berkeluasan lantai 6,500 meter persegi dan dilengkapi dengan fasiliti yang mampu menyokong dan mendokong usaha gigih penyelidikan transdisiplinari, inovasi kejuruteraan, sains dan teknologi. Bangunan SERC mengandungi pejabat-pejabat seperti Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi Kejuruteraan (*Engineering Innovation and Technology Development - EITD*), Institut Pengajian Siswazah (IPS), anjung siswazah, perpustakaan tesis, bilik-bilik viva, bilik seminar dan mesyuarat serta ruang untuk pegawai-pegawai penyelidik serta sebuah kafe.

Ciri-ciri utama bangunan ini boleh dilihat pada ruangnya yang agak besar dan cukup selesa bagi melaksanakan fungsi serta operasi makmal yang berkonsep integrasi, makmal kering untuk eksperimen kejuruteraan berat, makmal kerja basah, terowong angin, bilik udara bersih, bilik-bilik persekitaran terkawal, kimia basah, pembakaran, persediaan sampel dan bilik-bilik khusus bagi pelbagai alatan.

Projek pembinaan bangunan yang sebegini disifatkan sebagai satu langkah pembaharuan yang dialu-alukan dalam usaha memacu aspirasi universiti ke arah mencapai kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan, penyelidikan dan inovasi. Konsep insaniversiti begitu terserlah apabila di dalam bangunan itu sendiri diwujudkan pelbagai jenis ruang dengan fungsi masing-masing umpamanya makmal-makmal untuk aktiviti penyelidikan dan sebuah kafe untuk bersantai.

Gambar 4 Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)



1.2. Kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU)

Universiti juga menitikberatkan tentang kemudahan yang disediakan di kampus untuk orang kelainan upaya (OKU). Sebahagian besar kemudahan untuk OKU telah pun siap dan tertumpu di Desasiswa Aman sebagai desasiswa yang dikhaskan untuk golongan ini. Namun begitu kemudahan untuk mereka di tempat-tempat seperti perpustakaan, pusat pengajian dan dewan kuliah juga disediakan dan pembinaannya diteruskan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Pada tahun 2011, beberapa projek pembinaan kemudahan untuk OKU telah berjaya dilaksanakan. Berikut adalah senarai projek-projek berkenaan.

- i. Projek laluan dan tanjakan (*ramp*) untuk OKU di Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan
- ii. Projek laluan dan tanjakan untuk OKU di Dewan Peperiksaan Utama (L17)
- iii. Projek laluan dan tanjakan untuk OKU di Muzium dan Galeri Tunku Fuziah.
- iv. Projek membina tandas untuk OKU di Bangunan E08, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan.

2. Projek Penyelenggaraan

Projek penyelenggaraan memakan sejumlah besar peruntukan belanja mengurus Jabatan Pembangunan pada tahun 2011. Beberapa langkah penjimatan telah dilakukan bagi memastikan pengguna mendapat lebih nilai dengan kos yang lebih rendah tanpa berkompromi dalam soal kualiti dan prestasi projek. Antaranya adalah program CBA (*Condition Based Assessment*) dan OMD (*Operation Minutes Detail*). Konsep program ini mendekatkan Jabatan Pembangunan dengan komuniti kerana prosesnya memerlukan pertemuan dan perbincangan serta lawatan bersama ke tempat pengguna. Kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan sendiri oleh staf Jabatan Pembangunan secara *hands on*.

i. *Condition Based Assessment (CBA)*

CBA merupakan satu kaedah penyelenggaraan bersifat mencegah (*preventive maintenance*) yang dilakukan berdasarkan kepada tinjauan dan pemerhatian di tapak sama ada dengan kehadiran atau tanpa kehadiran pengguna. Kerosakan yang tidak dilaporkan akan dikenal pasti untuk tindakan penyelenggaraan. Lazimnya kerosakan yang dikenal pasti tidak dapat dilakukan pembaikan secara *in-house* atau secara OMD tetapi memerlukan perkhidmatan kontraktor berikutan kos yang tinggi dan kerosakan yang agak kompleks. CBA juga akan terhasil dari operasi OMD sekiranya kerosakan yang dikenal pasti semasa proses OMD dijalankan tidak dapat diatasi oleh tenaga kerja yang terlibat dalam OMD akibat dari beberapa faktor seperti tiada alat ganti sebagaimana yang sedia ada, tahap kesukaran kerja dan sebagainya.

ii. *Operation Minutes Detail (OMD)*

OMD merupakan satu dari cabang dalam kerja-kerja pencegahan dalam pengurusan penyelenggaraan terhadap sesuatu elemen bangunan. Skop kerja yang dijalankan dalam proses OMD ini merupakan kerja-kerja mudah yang tidak memerlukan kos yang tinggi dan dapat dilakukan oleh staf Jabatan Pembangunan sendiri. Pada masa ini, kerja-kerja OMD lebih difokuskan kepada kerja-kerja penyelenggaraan tandas serta komponen yang berkaitan (contohnya pili, sinki, tangki tandas dan sebagainya), dewan kuliah (pintu, kerusi dan meja) dan Desasiswa (peralatan di dalam bilik). OMD juga digerakkan apabila terdapat permintaan untuk mengadakan sesuatu acara atau majlis penting di sesebuah bangunan dan kerja-kerja pembaikan diperlukan. Tenaga kerja yang terlibat dengan tugas ini adalah terdiri daripada Juruteknik (J17), tukang (K3R9) serta pekerja rendah awam dari unit pembersihan kawasan yang dilatih khas dibawah program *multi tasking*. OMD tidak hanya dipraktikkan di kampus. Sesekali sebagai memenuhi tuntutan hidup bermasyarakat sebagaimana aspirasi insaniversiti, staf pembangunan di bawah Kelab Staf Jabatan Pembangunan akan melakukan OMD luar kampus di lokasi yang didapati amat memerlukan bantuan seperti rumah anak-anak yatim dan keluarga miskin. Pada tahun 2011, staf Jabatan Pembangunan telah melakukan aktiviti OMD di bangunan rumah anak-anak yatim di Kampung Teluk Teduri, Baling, Kedah.

Jadual 3 Senarai bangunan yang terlibat dengan aktiviti OMD pada tahun 2011


Bil.	Nombor Bangunan	Pusat Tanggungjawab/Pusat Pengajian
1	C20	Pejabat Dekan Ilmu Kemanusiaan
2	C22	Censelori (Pentadbiran Pusat)
3	C23	Dewan Kuliah PP Sains Kemasyarakatan
4	C24	Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan / Institut Pengajian Siswazah
5	E08	Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
6	E41	Perpustakaan Utama II
7	E44	Dewan Kuliah Z
8	E48	Dewan Kuliah
9	E49	Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
10	F31	Tandas Awam Pusat Islam
11	G03	Dewan Kuliah G, H, I, J, K, L, M, N, O, P, Q, R, S
12	G27	Dewan Kuliah S, T, U, V, W
13	H33	Pejabat Desa Gemilang
14	H34	Desasiswa Gemilang
15	H35	Desasiswa Gemilang
16	H38	Rumah Keluarga
17	J01	Pusat Pengajian Sains Farmasi
18	J02	Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan
19	J03	Pusat Pengajian Sains Farmasi
20	J04	Pusat Pengajian Sains Farmasi

Bil.	Nombor Bangunan	Pusat Tanggungjawab/Pusat Pengajian
21	J07	Dewan Kuliah X
22	J08	Dewan Kuliah Y
23	K01	Desasiswa Aman Damai
24	K02	Desasiswa Aman Damai
25	K03	Desasiswa Aman Damai
26	K04	Desasiswa Aman Damai
27	K05	Desasiswa Aman Damai
28	K06	Desasiswa Aman Damai
29	K14A	Stadium Olahraga
30	K22	Kompleks Pavillion Tennis
31	L06	Desasiswa Kembara
32	L17	Kompleks Dewan Peperiksaan
33	L18	Kompleks Palapes-pentadbiran

Gambar 6 Aktiviti OMD di bangunan Censelori



Gambar 7 Keratan akhbar aktiviti OMD di Rumah Anak Yatim Kampung Teluk Teduri, Baling



3. Tempahan Perkhidmatan

Sepanjang tahun 2011, terdapat sebanyak 1,183 aktiviti rasmi dan tidak rasmi universiti yang memohon khidmat penyediaan perabot dan hiasan bunga. Permohonan selalunya dibuat secara bertulis ataupun menerusi sistem dalam talian yang dinamakan SIPER. Secara purata, dalam sehari ada tiga permohonan untuk aktiviti-aktiviti tertentu. Maklum balas yang diterima daripada pengguna secara keseluruhannya menunjukkan pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi.

Jadual 4 Tempahan Perkhidmatan

Tempahan secara bertulis	Tempahan menerusi sistem SIPER	Jumlah
286	897	1,183

Kekangan dan Cabaran

i. Penyenggaraan tertangguh (*Deferred maintenance*)

Sebahagian besar bangunan di USM sudah berusia dan usang. Begitu juga dengan infrastruktur dan fasilitinya. Dengan itu, kos penyenggaraannya sudah pasti tinggi dan kebarangkalian berulangnya masalah yang sama adalah sangat tinggi juga.

ii. Peruntukan terhad

Sebahagian besar peruntukan yang diberi kepada Jabatan Pembangunan digunakan untuk membiayai kos utiliti. Jumlah peruntukan yang diberi masih tetap sama walhal kos penyenggaraan semakin meningkat. Kekangan yang sebegini merencat kecekapan sistem penyampaian Jabatan Pembangunan yang akhirnya tidak dapat memenuhi harapan dan persepsi semua pengguna.

iii. Kecekapan tenaga

Aktiviti kampus yang pesat dan aktif menyebabkan usaha-usaha penjimatan dan kecekapan tenaga agak sukar untuk dijayakan. Kawalan dan langkah-langkah penjimatan memerlukan kesedaran yang tinggi dan kerjasama erat dari seluruh warga kampus.

iv. Pengiktirafan Jabatan

Staf Jabatan Pembangunan memerlukan suntikan semangat dan motivasi yang berbentuk pengiktirafan dan penghargaan dari pihak pengurusan universiti khususnya dan warga kampus amnya bagi membolehkan mereka terus mempamerkan kualiti dan prestasi kerja yang cemerlang dan berterusan.

Rumusan

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2011, Jabatan Pembangunan telah menunjukkan prestasi yang baik dan memuaskan. Tahap kualiti kerja juga dilihat semakin meningkat berikutan penambahbaikan dalam sistem kerja yang banyak berorientasikan sistem dalam talian. Misi, visi dan objektif Jabatan Pembangunan telah dapat dicapai. Pelbagai aktiviti kerja yang berteraskan perkhidmatan dan pengendalian projek pembangunan telah dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Ini dapat dilihat dari maklum balas kepuasan pelanggan yang melebihi 80 peratus dari sasaran yang ditetapkan.

Aktiviti insaniversiti jelas tergambar dengan penglibatan staf dalam program-program seperti CBA dan OMD. Sikap bertolak ansur dan berbuat baik juga banyak diamalkan dalam urusan kerja harian terutama kerja-kerja pengubahsuaian, penyenggaraan dan pengurusan tempahan fasiliti yang berdepan dengan pelbagai ragam pengguna.



fun for peace
creating a culture of peace

PUSAT SEJAHTERA

PUSAT SEJAHTERA



Perkembangan Pusat Sejahtera

Bermula daripada penubuhannya sejak tahun 1969, Pusat Kesihatan dan Pergigian yang kini dikenali sebagai Pusat Sejahtera USM, telah mengalami beberapa perubahan atau transformasi yang kekal relevan dengan peranannya di universiti tercinta ini. Penjenamaan semula kepada Pusat Sejahtera USM ini juga telah dibuat selaras dengan fungsinya yang lebih menjurus kepada aktiviti mempromosi penjagaan kesihatan, penyaringan kesihatan dan juga latihan yang berkaitan dengan kesihatan.

Dalam aspek kelestarian pula, Pusat Sejahtera tidak mahu ketinggalan. Maka itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak pengurusan Pusat Sejahtera agar penggunaan tenaga secara efisien dan berhemah menjadi amalan utama sepanjang masa. Aktiviti kitar semula juga telah giat diamalkan sejak tahun 2006 lagi dan kebanyakan staf digalakkan menggunakan semula kertas juga kotak-kotak terpakai dalam pelbagai aktiviti harian. Beg plastik

yang digunakan untuk membungkus ubat pesakit telah digantikan dengan beg kertas yang dibentuk menggunakan kertas terpakai dan dibuat atas inisiatif staf Pusat Sejahtera sendiri. Secara tidak langsung, amalan ini telah berjaya mendidik para pesakit tentang amalan kitar semula. Kini kami telah menerima banyak beg-beg terpakai dari para pesakit dan juga staf yang prihatin.

Setelah berpindah ke bangunan baru pada bulan Jun 2008, Pusat Sejahtera telah kerap mengadakan Kempen Derma Darah dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Hospital Pulau Pinang. Kempen ini bertujuan memudahkan insan-insan yang berhatih mulia, yang sentiasa ingin membantu mereka yang memerlukan, datang ke sini untuk menderma darah tanpa perlu ke Hospital Pulau Pinang.

Kami seluruh warga Pusat Sejahtera begitu komited untuk mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Namun untuk merealisasikan hasrat murni ini, dorongan, sokongan dan juga penglibatan setiap warga kampus dari pelbagai peringkat amatlah diperlukan.

Pastinya sudah menjadi tanggungjawab setiap warga USM menjaga kesihatan agar kesejahteraan diri sendiri, Jabatan serta seluruh warga kampus dan masyarakat sekeliling sentiasa terjamin. Bagi memastikan USM mencapai kecemerlangan dalam pelaksanaan program APEX, kita perlu memberi keutamaan kepada penjagaan kesihatan diri. Maka memang tepat sekali kata-kata hikmat yang berbunyi:

"If it is to be, it is all up to me"

"Kelestarian Kunci Kesejahteraan"



Maksud logo:

Perkataan “sejahtera” membawa maksud USM amat mementingkan keseimbangan dari aspek fizikal, sosial, mental, rohani dan juga persekitaran demi kesejahteraan seluruh warga kampus. Kesejahteraan setiap individu di USM pula akan memastikan kesinambungan usaha ke arah meningkatkan prestasi kerja seluruh warga kampus demi menjayakan agenda **Universiti berstatus APEX** dalam suasana yang ceria dan merangsangkan.

Bentuk **jantung berwarna merah** membawa maksud Pusat Sejahtera berfungsi sebagai jantung atau enjin penggerak bagi aktiviti berfokuskan kesihatan warga kampus. Pusat Sejahtera juga bertindak sebagai pusat atau nadi untuk sebarang aktiviti bagi meningkatkan tahap kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan setiap warga kampus. **Jantung** yang sihat dapat menyuntik semangat dan motivasi individu untuk membantu golongan “**terkebawah**” seperti mereka yang menginap di rumah orang-orang tua, golongan OKU, ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim menerusi program khidmat masyarakat.

Warna **ungu** adalah warna korporat USM yang melambangkan suasana holistik. Ia memberi gambaran bahawa Pusat Sejahtera mendokong Budaya Kerja Korporat dan juga segala nilai-nilai murni yang dipegang oleh USM dalam segala urusan.

Gerak **ECG yang normal dan sihat** membawa maksud kesejahteraan warga kampus menjadi keutamaan Pusat Sejahtera. Oleh itu, kami akan sentiasa berusaha menjayakan aktiviti yang menjurus kepada kesihatan yang holistik demi membantu warga USM menjaga kesejahteraan diri untuk kelestarian hari esok.

Visi

Mewujudkan warga kampus yang sihat secara holistik daripada aspek fizikal, mental, sosial dan rohani serta kesejahteraan hidup bagi memenuhi hasrat Universiti ke arah mencapai kecemerlangan di peringkat global.

Misi

Menjadi antara Pusat Kesihatan yang terbaik dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti serta menawarkan program pendidikan kesihatan kepada warga kampus melalui:

- Perkhidmatan perubatan dan pergigian yang profesional dan cemerlang
- Semangat kerja berpasukan
- Dedikasi dan komitmen
- Perkhidmatan penyayang
- Pendidikan kesihatan yang berterusan
- Inovasi

bagi merealisasikan hasrat Universiti untuk mewujudkan sebuah Kampus Sejahtera demi menjamin kehidupan yang sihat untuk kelestarian hari esok.

Objektif

Mempergiatkan aktiviti-aktiviti perubatan, kesihatan dan pergigian yang sedia ada dengan cekap dan berkesan dalam bidang:

- Rawatan perubatan pesakit luar dan rawatan pergigian
- Rawatan kecemasan
- Rawatan hemodialisis
- Rawatan fisioterapi
- Perkhidmatan pencegahan seperti pemantauan kantin, tadika dan pencegahan pembiakan jentik-jentik

- Khidmat kaunseling seperti masalah mental/emosi/pengurusan berat badan/diabetes

Memberi kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dan menyebarkan pengetahuan tentang perubatan asas untuk pencegahan penyakit kronik dan penyakit berjangkit yang membahayakan menerusi pendidikan perubatan, kesihatan dan pergigian secara berterusan yang meliputi perkara-perkara berikut:

- Maklumat penggunaan ubat-ubatan secara rasional dan berkesan
- Bekerjasama dengan Pusat Pengajian Sains Farmasi, Pusat Racun Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pencegahan penyakit.
- Kursus Asas Bantuan Kecemasan (first-aid) termasuk teknik-teknik Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)
- Bimbingan tentang pengambilan makanan sihat dan seimbang
- Maklumat mengenai pencegahan penyakit berjangkit seperti cirit-birit, demam campak, rubella, tuberculosi, denggi dan penyakit-penyakit berjangkit yang lain.
- Langkah-langkah pencegahan dan rawatan kecederaan sukan
- Maklumat berkenaan dengan occupational hazard kepada kumpulan sasaran yang berisiko tinggi
- Pendidikan penjagaan kesihatan mulut/gigi

Membangun dan memperluaskan kemudahan dan perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian dengan penggunaan teknologi terkini (tertakluk kepada perolehan peralatan).

Pengukuhan Asas

- Selaras dengan penjenamaan semula Pusat Kesihatan menjadi Pusat Sejahtera maka aktiviti pencegahan (*preventive*) penyakit seperti saringan kesihatan, pemantauan tahap kesihatan (*medical surveillance*), pameran kesihatan dan juga ceramah kesihatan telah banyak dijalankan dalam usaha untuk mensejahterakan warga kampus USM.
- Memantapkan lagi program kaunseling kesihatan sedia ada termasuk Klinik Kaunseling Berhenti Merokok, Klinik Pengurusan Berat Badan, Klinik Wanita Sejahtera dan Klinik Kaunseling Diabetes.
- Mengamalkan pendekatan holistik dalam proses merawat pesakit dengan memeriksa dan mengenal pasti tekanan darah ketika dalam keadaan biasa (*baseline blood pressure*) dan indeks jisim badan (*body mass index*) semua pesakit kecuali kanak-kanak. Pesakit sentiasa diberi nasihat tentang penjagaan kesihatan yang baik.
- Mendokong seruan universiti untuk membantu golongan terkebahawah dengan mengadakan Program Khidmat Masyarakat dan menjalinkan kerjasama dengan PTJ yang menganjurkan program jaringan industri dan masyarakat (JIM). Secara tidak langsung ia melatih staf Pusat Sejahtera untuk sentiasa berkorban demi kesejahteraan insan.
- Mengadakan lebih banyak kempen derma darah di Pusat Sejahtera bagi membantu mengisi bekalan tabung darah di Hospital Pulau Pinang. Memudah dan melatih warga USM untuk menanamkan sifat prihatin dan penyayang terhadap masyarakat.
- Mewujudkan suasana yang lebih selesa dan mesra pesakit di ruang menunggu di samping ruang untuk kanak-kanak.
- Terbaru adalah pembukaan Unit Fisioterapi.

Sasaran

1. Memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada semua pelanggan dengan memfokuskan kepada:
 - 80% purata masa menunggu untuk berjumpa doktor di Unit Pesakit Luar Pusat Sejahtera, Kampus Induk adalah selama 1 jam 45 minit selepas mendaftar di Kaunter Pendaftaran.
 - 95% keputusan ujian *stat* untuk *full blood count* yang dijalankan di Unit Makmal Diagnostik Pusat Sejahtera, Kampus Induk boleh diperolehi dalam tempoh 40 minit.
 - 95% purata pemeriksaan radiologi biasa di Unit Pengimejan Diagnostik di Pusat Sejahtera Kampus Induk siap dalam tempoh 20 minit.
 - 90% purata masa menunggu untuk dipanggil mendapatkan bekalan ubat di Unit Farmasi Pusat Sejahtera, Kampus Induk adalah dalam tempoh 20 minit.
 - 90% purata masa menunggu untuk dipanggil mendapatkan rawatan di Unit Pergigian Pusat Sejahtera, Kampus Induk adalah dalam tempoh 30 minit selepas mendaftar di Kaunter Pendaftaran bagi pesakit yang telah membuat temujanji dan mematuhiinya.
2. Mengadakan promosi penjagaan kesihatan sekurang-kurangnya tiga kali setahun
3. Mengadakan program saringan kesihatan sekurang-kurangnya di tiga PTJ dalam setahun
4. Mengadakan program khidmat masyarakat sekurang-kurangnya tiga kali setahun
5. Sentiasa menekankan aspek kelestarian dalam setiap aktiviti.
6. Menggalakkan staf berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dengan mengikuti program-program latihan sebagai proses pembelajaran berterusan di samping berpegang kepada kata-kata "Berilmu dan Beramal".
7. Membantu universiti memelihara kesejahteraan kampus dan warga USM serta sentiasa menyokong aspek kelestarian dalam semua aktiviti.

Aktiviti

Aktiviti Promosi Penjagaan Kesihatan

Tarikh	Program	Penceramah	Tempat
04 April 2011	Kesihatan Lelaki [Sempena Program Minggu Kesihatan]	Prof. Syed Azhar Syed Sulaiman/PPSF	Pusat Sejahtera
04 April 2011	Bagaimana Meneruskan Penyusunan Setelah Kembali Bekerja atau Belajar [Sempena Program Minggu Kesihatan]	Pn. Norashida Abd. Rahman/PPSF	Pusat Sejahtera
05 April 2011	<i>The Silent Killer: Updates on Hypertension</i> [Sempena Program Minggu Kesihatan]	Dr. Barakath Badasha/Pakar Kardiologi HLWE	Pusat Sejahtera
05 April 2011	<i>A More Sustainable You</i> [Sempena Program Minggu Kesihatan]	Prof. Madya Zainal Abidin Sanusi/Pusat Kajian Kelestarian Global	Pusat Sejahtera
06 April 2011	Kesihatan Wanita – Kanser Servik [Sempena Program Minggu Kesihatan]	Dr. Aishah Tul Radziah Lebai Hussin/Poliklinik Dr. Aishah & Dr. Fisol	Pusat Sejahtera
06 April 2011	<i>Antimicrobial Resistance: Situation Analysis</i> [Sempena Program Minggu Kesihatan]	Prof. Madya Dr. Azmi Hassali/PPSF	Pusat Sejahtera
07 April 2011	<i>Hepatitis & Vaccination</i> [Sempena Program Minggu Kesihatan]	Dr. Normala Abdul Wahid/Pusat Sejahtera	Pusat Sejahtera
07 April 2011	<i>Exercise for a Glamorous You</i> [Sempena Program Minggu Kesihatan]	Dr. George Teoh Boon Sai/PPPJJ	Pusat Sejahtera
08 April 2011	<i>Sustaining Healthy Lifestyle</i> [Sempena Program Minggu Kesihatan]	Pn. Yusfzahani Md. Yusoff/Pegawai Dietetik IPPT	Pusat Sejahtera
08 April 2011	<i>Infectious Diseases Current Scenario</i> [Sempena Program Minggu Kesihatan]	Dr. Umarazina Abdul Kader/Peg. Perubatan Epidermologi, Pej. Kesihatan Daerah Timur Laut	Pusat Sejahtera

RUMUSAN:

Sasaran Pusat Sejahtera = 3 kali
Pencapaian = 10 kali

Aktiviti Saringan Kesihatan

Tarikh	Program/Tempat	Anjuran Bersama	Bil. Peserta
14 Februari 2011	Hari Bersama Pelajar, DK 'G'	HEP	232
25 Februari 2011	Karnival Wanita 1 Malaysia, DUP		82
10 Mac 2011	Hari Ko-kurikulum, Dewan Budaya	Pusat Ko-Kurikulum	109
11 Mac 2011	Hari Ko-kurikulum, Dewan Budaya	Pusat Ko-Kurikulum	60
29 Mac 2011	<i>Cycling Through Life@ Treasure hunt Orienting Berbasikal USM 2011</i>	Pusat Sukan	34
30 Mac 2011	Karnival Maulid Al-Rasul	Pusat Islam	53

Tarikh	Program/Tempat	Anjuran Bersama	Bil. Peserta
10 Mei 2011	PTPM	PTPM	50
18 Mei 2011	Jabatan Pembangunan	-	70
19 Mei 2011	Bengkel Pra-Persaraan, Hotel Vistana	Jabatan Pendaftar	57
19 Mei 2011	Majlis Penganugerahan Pingat KLKM, Dewan Budaya	Pusat ko-Kurikulum	24
23 Mei 2011	BHEPP	-	34
16 Jun 2011	Pusat Pengajian Sains Kajihayat	-	77
21 Jun 2011	PPKT	-	37
22 Jun 2011	Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan (HBP)	-	44
28 Jun 2011	Jabatan Pendaftar	-	83
13 Julai.2011	Pusat Pengajian Sains Fizik	-	30
15 Julai.2011	Jabatan Bendahari [kump.I]	-	41
20 Julai.2011	Perpustakaan Hamzah Sendut	-	87
27 Julai.2011	Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh	-	52
10 Ogos 2011	Jabatan Bendahari [kump. II]	-	56
16 Ogos 2011	Jabatan Bendahari [kump. III]	-	50
5 Oktober 2011	Hari Bersama Pelajar, Komplek Dewan Kuliah 'G-K'	HEP	120
7 Oktober 2011	Program Seminar & Pameran HIV/AIDS serta Rakaman Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Foyer DTSP	AARG	60
2 Disember 2011	Hari Ko-Kurikulum, Dewan Budaya	Pusat Ko-Kurikulum	100
16–18 Disember 2011	Karnival BIOPROSES, DUP	PPTI	43

RUMUSAN:

Sasaran Pusat Sejahtera = 3 jabatan
Pencapaian = 10 jabatan [tidak dapat diadakan di PPIP kerana kekangan di pihak Jabatan]
Anjuran Bersama = 15



Aktiviti Khidmat Masyarakat

Tarikh	Program/Tempat	Anjuran Bersama	Bil. Peserta
22 Januari 2011	Dewan Mellinium, Kepala Batas	BJIM Pusat Pengajian Jarak Jauh	133
23 Januari 2011	Kampung Tengku, Jelutong	Pusat Pengajian Sains Farmasi	220
29–30 Januari 2011	Karnival Pengajian Tinggi Negara di PISA	-	283
26 Februari 2011	Sempena Hari Kantin Sek. Keb. Jln Residensi	-	54
22 Mei 2011	Program Jalinan Kasih Bersama Anak-anak Yatim [Sempena Sambutan Hari Jururawat Sedunia] Rumah Anak Yatim Hembusan Kasih Kg. Kubang Gajah, Arau, Perlis	-	60
18 Disember 2011	Program Komuniti di Lebuh Maklum	Pusat Pengajian Sains Farmasi	100

RUMUSAN:

Sasaran Pusat Sejahtera	= 3 kali
Pencapaian	= 3 kali
Anjuran Bersama	= 3 kali

Program Ceramah/Tazkirah

Tarikh	Tajuk	Penceramah	Anjuran Bersama
12 Januari 2011	<i>Blue Ocean Strategy [group I]</i>	Dr. Asha/Pej. Perhubungan Alumni	-
14 Januari 2011	Bengkel Mini Bulanan Bersama Wan Mohd. Khair	Wan Mohd. Khair	-
8 Februari 2011	<i>Blue Ocean Strategy [group II]</i>	Dr. Asha/Pej. Perhubungan Alumni	-
25 Februari 2011	Rasulullah Ikutanku	Dr. Azizan Sabjan/PPIK	-
2 Mac 2011	<i>Talk on Cervical Cancer & Vaccination</i>	Ms. Andy/GSK	Glaxo Smith Kline
25 Mac 2011	Keadilan Kepada Wanita	Pn. Habsah Abd. Rahman/Perpustakaan	-
9 April 2011	Hari Keluarga Pusat Sejahtera di TM Resort	-	-
9 Jun 2011	Motivasi Bijak Belajar untuk Pelajar Tingkatan 1 – 5	Prof. Main Rindam/PPPJJ Dr. George Teoh Boon Sai/PPPJJ Pn. Fauziah Abdullah/Peg. Psikologi, BHEPP	-

Tarikh	Tajuk	Penceramah	Anjuran Bersama
16 Jun 2011	<i>CME Talk – Clinical Experience with Insulin]</i>	Wakil dari NOVANODIS	NOVANODIS
17 Jun 2011	<i>Do You Know the Source of Food?</i>	Prof. Aishah Abd. Latiff/Doping	-
21 Jun 2011	Kelebihan Bulan Rejab	Usz. Mohamad Zamrus	-
2 Julai 2011	<i>Effective Leadership Build Your Legacy</i>	En. Fazrul Ismail/TOTAL SUCCESS	DPU
15 Julai 2011	Kefahaman Ibadat di Bulan Ramadhan	Ustazah Rohayati Daud/Pusat Islam	Pusat Islam
16–17 Julai 2011	Program Penjanaan Kewangan dan Pelan Peralihan Sumber Manusia di TM Resort	Prof. Ramli Mohamed/PP Komunikasi	-
25 Julai 2011	Falsafah Dan Hikmah Puasa Ramadhan	Prof. Madya Dr. Shaikh Abdullah/PPPJJ	-
15 Julai 2011	Ibadah di Bulan Ramadhan	Prof. Madya Dr. Shaik Abdullah Hassan/PPJJ	-
22 Julai 2011	<i>Detoxification Through Fasting</i>	Prof. Aishah Abd. Latiff/Doping	-
26 Julai 2011	Penggunaan Ubat-Ubatan di Bulan Ramadhan	Prof. Madya Dr. Azmi Sariff	Pusat Pengajian Sains Farmasi
4 Ogos 2011	<i>Presentation on Energy Consumption</i>	Prof. Karl Wagner/HBP	-
5 Ogos 2011	<i>Oxidative Stress</i>	Prof. Syed Azhar Syed Sulaiman/PPSF	-
10 Ogos 2011	Bersamamu Brothers of Islam	Prof. Madya Dr. Roslan Hashim/PPTI	-
11 Ogos 2011	Talk on Bioequivalent studies by Prof Yuen [continue fr. 1st session]	Prof. Yuen Kah Hay/PPSF	Pusat Pengajian Sains Farmasi
12 Ogos 2011	Perubatan Berdasarkan Islam	Dr. Mohd. Ali Sheikh Abd. Kader/HPP	-
12 Ogos 2011	Al-Quran Penawar Kesihatan	Prof. Madya Dr. Shaik Abdullah Hassan/PPJJ	-
26 Ogos 2011	<i>Nutrition - Exercise – Relaxation: Healthy Green Lifestyle Revisited</i>	Prof. Karl Wagner/HBP	-
5 September 2011	<i>Qigong Therapy, Theory, Practice and Demonstration</i>	Mr. Li Yao Min – Qigong Master, Hebei, China	Pusat Pengajian Sains Kajihayat
30 September 2011	<i>Energy Audit Presentation</i>	Prof. Karl Wagner/HBP	-
02 November 2011	<i>Your Role in Preventing Medication Errors</i>	Dr. Hisham Aljadhey/Vice Dean, College of Pharmacy, King Saud University	Pusat Pengajian Sains Farmasi

RUMUSAN:

Pencapaian = 28 kali
Anjuran Bersama = 8 kali

Program Derma Darah

Tarikh	Tempat	Anjuran Bersama	Kehadiran
18 Januari 2011	Pusat Sejahtera	-	61
29 Januari 2011	Karnival Pengajian Tinggi Negara di PISA	HEP	113
30 Januari 2011	Karnival Pengajian Tinggi Negara di PISA	HEP	170
1 April 2011	Kempen Derma Darah	Pusat Islam	
26 Julai 2011	Pusat Sejahtera	-	43
16 Disember 2011	Karnival BIOPROSESS PPTI di DUP	Pusat Pengajian Teknologi Industri	

RUMUSAN:

Sasaran Pusat Sejahtera = 4 kali [termasuk anjuran bersama]
 Pencapaian = 6 kali
 Anjuran Bersama = 4 kali

Aktiviti Pasukan Perubatan Tunggu Sedia

Tarikh	Tempat	Program
16 Januari 2011	Stadium Hoki	USM OFA lawan ATM Junior (perlawanan hoki)
17 Januari 2011	Stadium Olahraga	Perlawanan Bola Sepak Pra Liga Perdana Malaysia 2011
20 Januari 2011	Padang Minden	Kejohanan Futsal Jemputan Rakan Masjid Al-Malik Khalid
31 Januari– 29 Julai 2011	Stadium Olahraga	Bola Sepak Liga Perdana
12 Februari 2011	Stadium Olahraga	2 nd USM <i>Open Relay</i> 2011
26–27 Februari 2011	Stadium Olahraga	Tunggu sedia untuk Temasya Olahraga Tahunan USM ke-37
19–20 Februari 2011	Padang Kawad	Tunggu sedia untuk Projek Merak
7–13 Mac 2011	Stadium Hoki	Hoki Divisyen 11 (MASUM)
26 Mac 2011	Taman Belia	<i>Charity Walk</i> (Anjuran Pelajar Komunikasi)
26 Mac 2011	Stadium Hoki	Kejohanan Hoki Liga Remaja
5 April 2011	Stadium Hoki	Kejohanan Hoki Liga Remaja
9 April 2011	Stadium Hoki	Kejohanan Hoki Liga Remaja

Tarikh	Tempat	Program
23 April 2011	Pusat Sejahtera	Minggu Peperiksaan
24 April 2011	Stadium Hoki	Kejohanan Hoki Liga Remaja
7 Mei 2011	Padang 'A'	Karnival Ke-3 Futsal Pengajian Siswazah
8–18 Mei 2011	Muka Head	Kursus Pelajar–Pelajar Pusat Pengajian Sains Kajihayat
19 Mei 2011	Dewan Budaya	Aktiviti Pentauliahian Bintang dan Pingat Persekutuan Pengakap Malaysia
22 Jun 2011	IPHARM	Majlis Perasmian Kompleks IPHARM
21–24 Jun 2011	DUP	NRIC
25 Jun 2011	DUP	Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Kebangsaan 2011 untuk Pelajar IPTA/IPTS
18 Julai 2011	Kawasan Tasik Harapan	<i>Cycling Through Life@ Treasure hunt Orienting Berbasikal USM 2011</i>
6–10 September 2011	Perpustakaan 2	Pendaftaran Pelajar Institut Pengajian Siswazah
6 September 2011	Pusat Sejahtera	Minggu Siswa Lestari
7 September 2011	Desasiswa Aman Damai	Minggu Siswa Lestari
8 September 2011	Stadium Olahraga & Pusat Sejahtera	Minggu Siswa Lestari
8 September 2011	Stadium Olahraga	Walkrobik Kampus PSL & Konvoi Berbasikal VIP
9–10 September 2011	Pusat Sejahtera	Minggu Siswa Lestari
21–25 September 2011	Tapak Konvo	Konvokesyen ke-44
11 Oktober 2011	Kompleks Badminton	<i>Asian Invitational Netball Championship 2011</i>
13 Oktober 2011	Kompleks Badminton	<i>Asian Invitational Netball Championship 2011</i>
15 Oktober 2011	Tapak Konvo	<i>Festival of Nations 2011: One World</i>
22 Oktober 2011	Stadium Olahraga	Pesta Bola Jaring USM–Penang International ke-21
16–18 Disember 2011	Stadium hoki	Pesta Hoki USM–International ke-38

Kursus Asas Bantuan Kecemasan dan Teknik CPR

Tarikh	Tempat	Program
25–27 Mei 2011	Pusat Sejahtera	Kursus Asas Bantuan Kecemasan & Teknik CPR [anjuran bersama UKKP]
1 Oktober 2011	Pusat Pengajian Sains Farmasi	Kursus Teknik CPR untuk pelajar PPSF tahun 1: kursus FAR152-Farmasi Kesihatan Awam
19–21 Oktober 2011	Pusat Sejahtera	Kursus Asas Bantuan Kecemasan & teknik CPR [anjuran bersama UKKP]
9–11 November 2011	Pusat Sejahtera	Kursus Asas Bantuan Kecemasan & teknik CPR [anjuran bersama UKKP]
8 Disember 2011	Pusat Sejahtera	Kursus Asas Bantuan Kecemasan untuk PALAPES
20 Disember 2011	Pusat Sejahtera	Kursus Asas Bantuan Kecemasan untuk staf dan guru Tadika Pusat Islam

Lawatan Agensi Luar

Tarikh	Nama Agensi Luar
11 Februari 2011	Lawatan dari Universiti Malaysia Sarawak
8 Mac 2011	Kunjungan oleh Delegasi Akita International University Japan
24 Mei 2011	Lawatan dari Pusat Kesihatan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
16 Ogos 2011	Lawatan dari Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh

Lain-Lain Aktiviti

Tarikh	Aktiviti
2 Februari 2011	Meninjau perkembangan kes sakit mata di Pusat Islam
10 Nov 2011–1 Jan 2012	<i>Bioequivalence study</i> oleh Prof. Yuen Kah Hay/PPSF [dijalankan di Pusat Sejahtera]
3 Jun 2011	Pemeriksaan Mata untuk Pesakit Diabetes dengan kerjasama Hospital Pulau Pinang
22 April 2011	Pemeriksaan ke sekitar kawasan kampus yang berisiko pembiakan jentik-jentik
1 Julai 2011	Melawat Keluarga Che Piah di Sg. Nibong (kes kemiskinan dan penyakit buah pinggang) [balu pesara Jabatan Pembangunan]
27 September 2011	Melawat isteri Madya Lagan [pemandu Pn. Sri Masrah] yang menghidap penyakit kanser payu dara
1 Ogos 2011	Pemeriksaan kali kedua di sekitar kawasan kampus yang berisiko pembiakan jentik-jentik
24 Ogos 2011	Lawatan Helwa ke Unit Onkologi Wanita HPP
27–28 Oktober 2011	Menjadi Tuan Rumah untuk Mesyuarat Pengurusan Pusat Kesihatan IPTA Malaysia ke-1 [dahulunya dikenali sebagai Mesyuarat Pengarah/Ketua Pusat Kesihatan IPT Malaysia]
6 Disember 2011	Melawat Ms. Ang Xi Yee [pelajar yang mengidap penyakit <i>Gallstone</i>] di Island Hospital
11 Mei 2011	Pemeriksaan terhadap Tadika di kampus
2 kali	Melawat Prof. Abas Hj. Hussin

Program Kitar Semula

Tarikh	Jumlah Kutipan (RM)
26 Januari 2011	115.40
28 Mac 2011	150.95
10 Mei 2011	71.20
20 Julai 2011	165.20
12 September 2011	119.20
7 Disember 2011	179.00
Jumlah	800.95

Pencapaian

Perkara	Petunjuk	Pencapaian (%)	Catatan
Kelancaran perkhidmatan terhadap Pesakit Luar	Kuantiti = semua pesakit Masa = setiap masa	93.8%	Mencapai sasaran
Pemeriksaan berkala premis makanan/kafetaria dan pengendali makanan dalam kampus	Kuantiti = semua premis makanan dalam kampus Masa = setiap semester	100%	Mencapai sasaran
Kempen derma darah	Sasaran = 4 kali Pelaksanaan = 6 kali Masa = Januari (3 kali), April, Julai, Disember	150% (6/4 x 100)	Mencapai sasaran
Kursus Asas Bantuan Kecemasan & teknik CPR [anjaran bersama Unit Latihan & UKKPU]	Pelaksanaan = 6 kali Masa = Mei, Oktober (2 kali), November (3 kali)	100%	Mencapai sasaran
Mengadakan kursus /tazkirah /ceramah untuk staf	Pelaksanaan = 28 kali Kualiti = meningkatkan nilai modal insan	100%	Mencapai sasaran
Klinik Berhenti Merokok	Kuantiti = 20 peserta Kualiti = 4 peserta telah berjaya berhenti merokok	20% (4/20 x 100)	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyertaan dari staf/pelajar. • Kekangan masa disebabkan kepentingan perkhidmatan
Klinik Pengurusan Berat Badan	Kuantiti = 44 peserta Pencapaian = 3 orang berjaya menurunkan 5% berat badan. 6 orang berjaya menurunkan 10% berat badan	20.5% (9/44 x 100)	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyertaan dari staf/pelajar • Kekangan masa kerana kepentingan perkhidmatan
Kempen Kesedaran Promosi Kesihatan	Sasaran = 3 kali Pelaksanaan = 10 kali	333% (10/3 x 100)	Mencapai sasaran
Mengadakan saringan kesihatan untuk staf dan umum	Sasaran = 3 jabatan Pelaksanaan = 25 jabatan	833% (25/3 x 100)	Mencapai sasaran walaupun menghadapi kekangan masa dan staf kerana terlibat dengan pelbagai aktiviti universiti
Kelancaran perkhidmatan rawatan hemodialisis	Kuantiti = 6 orang pesakit Masa = setiap pagi termasuk hari Sabtu dan hari Kelepasan Am.	100%	Mencapai sasaran
Rawatan pergigian	Sasaran = 6000 rawatan Pelaksanaan = Seramai 6,900 pesakit telah dirawat.	115% (6900/6000 x 100)	Mencapai sasaran
Pembelajaran berterusan untuk staf	Sasaran = 90% staf mencapai mata CPD minimum	100%	Mencapai sasaran
Mengurangkan pembelian beg plastik	Ubat yang dibekalkan tidak lagi dimasukkan ke dalam beg plastik	100%	Penjimatan sebanyak RM500/tahun
Penjanaan pendapatan menerusi aktiviti kitar semula	Pelaksanaan = 6 kali	100%	Telah berjaya melaksanakan 6 kali aktiviti jualan kitar semula.
Mengamalkan <i>Green Office</i> dan <i>Energy Saving</i>	Mengurangkan penggunaan kertas dan mempertingkatkan penjimatan tenaga	100%	Penjimatan tenaga sebanyak 13.33% semasa <i>Pilot Run Energy Audit</i> yang dijalankan oleh Prof. Karl Wagner/Prof. Kunjungan HBP. 15000kwh-13000kwh =(2000/15000) x 100 = 13.33% saved
Mengadakan aktiviti khidmat masyarakat	Sasaran = 3 kali Kuantiti = 6 kali	200% (6/3 x 100)	Mencapai sasaran. Aktiviti ini juga diadakan secara anjaran bersama PTJ lain.

Cabaran

- Kekangan dari segi bilangan staf bertugas kerana ramai staf terlibat dalam aktiviti tunggu sedia (*standby*) untuk program-program anjuran pelajar dan juga universiti. Kerap kali berlaku pertindihan aktiviti yang memerlukan khidmat staf pada masa yang sama.
- Kerap kali menerima permohonan untuk khidmat staf dalam masa singkat (*short notice*).
- Tiada staf gantian yang diambil bagi menggantikan tempat staf yang cuti bersalin dan bersara pilihan.
- Kekurangan bilangan Pegawai Perubatan kerana seorang Pegawai Perubatan telah bercuti tanpa gaji. Selain itu, Pegawai Perubatan yang sedia ada juga perlu menguruskan program promosi penjagaan kesihatan mengikut jadual.
- Pesakit kes kronik yang tidak mematuhi atau mengingkari temujanji yang dibuat.
- Peningkatan bilangan penghidap penyakit kronik .
- Cabaran dari segi fizikal:
 - Kebocoran siling apabila berlaku hujan lebat.
 - Masalah limpahan air ke ruang anjung letak kereta menuju ke pintu masuk bangunan setiap kali hujan lebat.

Rumusan

Secara keseluruhannya, Pusat Sejahtera telah berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan program penjagaan kesihatan kepada warga kampus. Sasaran bagi tahun 2011 telah dicapai dengan kerjasama dan penglibatan semua staf Pusat Sejahtera walaupun terpaksa berhadapan dengan beberapa kekangan, dan juga dengan sokongan khususnya daripada pihak Pengurusan Universiti serta warga kampus amnya. Pihak Pengurusan Pentadbiran Pusat Sejahtera sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak dalaman dan juga luar bagi mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan mutu perkhidmatan Pusat Sejahtera demi kesejahteraan seluruh warga kampus.

Harapan kami agar semua warga kampus akan menghargai dan menjaga anugerah yang paling penting yang ada pada diri setiap individu iaitu **kesihatan dan kesejahteraan diri**, bertepatan dengan kata-kata keramat :

Health is Wealth



USM reka papan pintar bantu atas-bosan belajar
